

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 6 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad
2. Yang Berhormat Datuk M. Kayveas
3. Yang Berhormat Tuan M. Saravanan

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di kamar Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

2 November 2000:

1. Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu; dan
2. Yang Berhormat To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad

8 September 2000:

1. Yang Berhormat Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli; dan
2. Yang Berhormat Tuan Kee Ah Kau.

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru Mengangkat Sumpah sebentar tadi dan yang mengangkat sumpah di luar kamar. Saya berharap ahli-

ahli yang baru dilantik semula, dipilih dan dipilih semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000;
2. Akta Cakera Optik 2000;
3. Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000;
4. Akta Kerja (Pindaan) 2000;
5. Akta Pemusnahan Serangga Membawa Penyakit (Pindaan) 2000;
6. Akta Jualan Dadah (Pindaan) 2000;
7. Akta Perbekalan Tambahan (2000) 2000;
8. Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000;
9. Akta Paten (Pindaan) 2000;
10. Akta Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000; dan
11. Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“25 Oktober 2000

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) (No.2) 2000;
2. Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000;
3. Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000;
4. Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000; dan
5. Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat ini di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Pandikar Amin Haji Mulia daripada 1 Disember sehingga 31 Disember 2000.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah guru yang berjaya secara bersendirian mendapat ijazah dan berapa pula jumlah yang mendapat ganjaran selaku guru yang berkelulusan ijazah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab soalan ini izinkan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru yang berjaya mendapat ijazah secara persendirian pada tahun 2000 ialah seramai 2,239 orang. Kesemua guru tersebut adalah terdiri daripada mereka yang mengikuti kursus Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Daripada jumlah tersebut seramai 173 orang guru berkenaan telah dilantik sebagai guru siswazah iaitu DG3. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sejarar dengan dasar kerajaan untuk hendak mewujudkan k-ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan, adakah ini berlawanan dengan tidak mengambil kira guru-guru yang berkelulusan ijazah tetapi tidak ada memberi insentif. Saya amat terperanjat sekali Tuan Yang di-Pertua, daripada 2,239 hanya 173 sahaja yang mendapat ganjaran yang bertaraf guru berijazah.

Jadi, saya ingin bertanya ini merupakan satu paradoks dan yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan menetapkan berapa jumlah guru-guru berijazah pada tahun 2000 dan 2001 yang hendak dilahirkan, hendak dizahirkan di dalam sistem perguruan tanah air dan adakah kita mempunyai gap atau jarak perbezaan antara matlamat yang kita hendak wujudkan dengan yang sedia ada. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sentiasa menghargai para guru supaya dapat melanjutkan pelajaran mereka sampai ke tahap memperolehi ijazah. Ini memang satu harapan, satu hasrat kerajaan tetapi masalah tempoh ialah untuk guru-guru ini kerana tidak ada cukup kekosongan untuk mengambil semua masuk dan dilantik sebagai guru ijazah.

Oleh kerana itu sebenarnya sebelum tahun 1999 guru yang memperolehi ijazah secara persendirian dilantik sebagai guru siswazah setelah mereka menamatkan pengajian. Walau bagaimanapun, setakat ini kerana bilangan yang telah memperolehi ijazah begitu ramai tetapi kekosongan yang sedia ada tidak begitu banyak oleh kerana itu tidak secara automatik dilantik sebagai guru ijazah.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, benarkah dakwaan setengah-setengah pihak yang mengatakan bahawa

guru-guru lepasan ijazah ini kurang berminat untuk berkhidmat di luar bandar dan kalau ianya benar, apakah kedudukan nisbah dan apakah dakwaan ini disebabkan oleh kerana ganjaran tidak diberi keistimewaan kepada guru-guru yang mengajar di luar bandar tidak digalakkan daripada segi ganjarannya. Kalau benar dakwaan ini, apakah strategi kementerian supaya masyarakat luar bandar pun akan dapat guru-guru yang lebih terlatih. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan memang prihatin bahawa ada antara guru tidak begitu berminat untuk berkhidmat di luar bandar.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah untuk memberikan insentif istimewa (special incentive) ganjaran tambahan kepada guru-guru yang berkhidmat di luar bandar di mana tidak mencukupi kemudahan yang telah disediakan di kawasan itu.

2. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) status cadangan untuk mengadakan Dana Kewangan Asia dan sama ada Malaysia menyokong cadangan tersebut; jika tidak, kenapa kerana dana tersebut memberikan negara-negara Asia satu platform untuk bersatu dan mengelak pengaruh pemisahan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF); dan
- (b) sama ada kementerian akan meneruskan rancangan menggabungkan Bursa Saham Kuala Lumpur dengan saham negara Asia yang lain, seperti bursa saham di London dan Frankfurt memandangkan penggabungan tersebut sejajar dengan ekonomi global, berkembangnya perdagangan melalui Internet dan urusan perdagangan 24 jam sehari, serta membuatkan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi;

- (a) Cadangan untuk menubuhkan Tabung Kewangan Asia atau dengan izin, Asian Monetary Fund (AMF) yang disyorkan oleh Kerajaan Jepun selepas negara kita dilanda krisis kewangan pada tahun 1997 terus disokong oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, masih ada kesukaran dalam mendapatkan persetujuan sebulat suara mengenai konsep, objektif dan mekanisme tabung tersebut terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN +3 iaitu China, Jepun dan Republik Korea yang juga merupakan rakan dialog ASEAN.

Ini adalah disebabkan anggapan masyarakat antarabangsa terhadap penubuhan tabung tersebut bahawa negara-negara yang dilanda krisis akan mendapat bantuan kredit dengan mudah dan tidak akan melaksanakan langkah-langkah pembaharuan sektor-sektor ekonomi kewangan dan korporat;

- (b) berhubung dengan penggabungan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan bursa saham negara Asia yang lain, penggabungan bursa-bursa saham hanyalah satu daripada pelbagai langkah strategik yang diambil oleh bursa-bursa saham dan institusi-institusi pasaran lain di seluruh dunia, untuk meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, penggabungan yang sedemikian sukar untuk dilaksanakan sebagaimana pengalaman London Stock Exchange dan 'Dustier Borsch' di Frankfurt, difahamkan hasrat kedua-dua bursa tersebut untuk bergabung menjadi bursa antarabangsa bernama 'IX' terpaksa digugurkan awal September lalu kerana masalah-masalah praktikal.

Sehubungan dengan ini, pihak kerajaan sememangnya mengakui pentingnya usaha untuk meningkatkan daya saing BSKL setanding dengan bursa-bursa saham yang lain dan menganggap usaha ini sememangnya menjadi sebahagian daripada strategi penting untuk perkembangan pasaran modal masa hadapan. Berikutan dari ini, BSKL sentiasa mengikuti dan menjalankan kajian terperinci terhadap bursa-bursa saham yang lain yang dicadangkan untuk digabung. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kalau Dana Kewangan Asia itu ditubuhkan, apakah implikasi kewangan kepada negara kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau kita lihat daripada persetujuan yang telah dicapai di Chiang Mai baru-baru ini, bahawa negara-negara Asia telah bersetuju untuk memberikan kontribusi masing-masing. Cuma masalah yang kita hadapi ialah mengenai negara-negara maju seperti Malaysia, Singapura di antara ASEAN, sama ada kita hendak memberi kontribusi yang serupa ataupun kita bagi *two tier* ataupun dua peringkat negara maju satu jumlah kewangan dan negara yang kurang maju seperti Laos, Myanmar, sejumlah kewangan yang lain. Ini sedang diperbincangkan.

Dato' Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih. Soalan tambahan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut ASEAN+3 dalam membentangkan jawapan tadi. Saya nampak ASEAN+3 merupakan seolah-olah Asean Economic Caucus yang telah pun diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Adakah ini sesuatu yang menjelma ke arah itu dalam jawapan-jawapan Yang Berhormat dari segi Asian Monetary Fund dan sebagainya. Supaya dapat penjelasan, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang sangat sensitif kerana apabila dianjurkan ASEAN+3 dan juga dianjurkan AMF ini iaitu Asian Monetary Fund, negara-negara besar meragui sama ada Asian Monetary Fund akan mengambil alih kedudukan International Monetary Fund (IMF). Oleh kerana itu tekanan-tekanan daripada Amerika supaya perkara AMF ini tidak berlaku kerana pada pandangan mereka apabila negara-negara ASEAN ditempuh oleh masalah-masalah kegawatan ekonomi maka katanya bahawa negara-negara ASEAN tidak akan memberi *emphasis* kepada penstrukturan tetapi dapat menerima kewangan bantuan di kalangan negara ASEAN dengan mudah.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya katakan, kita tidak mengatakan bahawa EAEC itu wujud secara tidak langsung tetapi Yang Berhormat sedia maklum bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita nampaknya selaras, selari dan mempunyai *vision* yang paling jauh. Contoh terutamanya apabila kita ada 13 Mei dan kita mewujudkan Dasar Ekonomi Baru, banyak negara maju mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru ini akan menemui kehancuran kerana kita masuk campur dalam pasaran yang terbuka tetapi nampaknya apabila Dasar Ekonomi

Baru kita berjaya mereka cuba mencontohinya dan *World Bank* membawa model-model ini kepada negara-negara Afrika.

Yang keduanya, kita rasakan apabila Perdana Menteri kita pergi ke Hong Kong dahulu, mengatakan penyangak mata wang akan menjatuhkan kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara, masing-masing ketawa kerana Perdana Menteri kita ialah pakar bedah bukannya pakar ekonomi tetapi Alhamdulillah lama-kelamaan perkara ini dipersetujui oleh Amerika, Kanada, Perancis, Jerman, Australia dan sebagainya.

Dan, yang ketiga, kita katakan *prosperous thy neighbor*, kita hendakkan supaya rakan-rakan kita di Tenggara Asia ini berjaya maju dan kita akan turut maju. Alhamdulillah baru-baru ini mesyuarat APEC di Brunei, perkara ini telah pun diambil tetapi dinamakan dengan *label* yang lain, cuma *labeling theory* sahaja.

Dan, yang akhir sekali untuk menjawab Yang Berhormat, begitu juga ASEAN+3 ini, iaitu satu blok di mana ASEAN campur tiga negara, Jepun, China dan juga Korea, ini yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tetapi *labeling* nya sahaja yang lain. Terima kasih

3. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memastikan kualiti air yang disalurkan kepada orang ramai sentiasa bersih dan berada pada tahap yang memuaskan, serta apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan pengalaman krisis air yang berlaku 2 tahun lalu tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kualiti air paip yang dibekalkan kepada para pengguna di negara ini adalah mengikut spesifikasi piawai, dengan izin, National Guideline for Drinking Water Quality (NGDWQ) yang berdasarkan kepada piawai World Health Organization. Melalui piawaian NGDWQ di atas yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan, sampel air yang telah dirawat diambil dari loji-loji dan paip-paip air oleh Jabatan Kesihatan di setiap daerah. *Sample* air tersebut kemudiannya akan dianalisis oleh Jabatan Kimia bagi memastikan air tersebut adalah selamat untuk diminum.

Tuan Yang di-Pertua, semasa krisis bekalan air di negeri Selangor pada tahun 1998, jumlah kapasiti pengeluaran loji pengeluaran air di negeri tersebut ialah 2,569 juta

liter sehari, berbanding dengan permintaan sebanyak 2,658 juta liter sehari. Iaitu terdapat kekurangan bekalan air sebanyak 3%. Semenjak itu Kerajaan Negeri Selangor telah siap membina loji rawatan air Sungai Selangor Fasa II, Peringkat I dan Peringkat II pada tahun 1998 dan tahun 2000. Dengan siapnya kedua-dua pembinaan loji ini, jumlah kapasiti pengeluaran air di Sungai Selangor pada masa kini telah meningkat kepada 3,564 juta liter sehari. Ini berbanding dengan permintaan masa kini sebanyak 3,011 juta liter sehari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini juga, projek Sungai Selangor Fasa III sedang dilaksanakan dan apabila projek ini siap pada akhir tahun 2003, jumlah kapasiti pengeluaran air akan meningkat kepada 4,364 juta liter sehari. Pada masa yang sama projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor akan mula dibina pada tahun 2001. Dan, apabila ia disiapkan secara berperingkat sehingga tahun 2011, jumlah kapasiti pengeluaran air di negeri Selangor akan meningkat kepada 6,934 juta liter sehari. Dan, ia akan dapat menampung permintaan air Selangor sehingga tahun 2015.

Dato' Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Saya berterima kasih ke atas penerangan dan angka-angka yang menarik yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma yang saya ingin tahu lebih, ada wujudnya Majlis Air Negara. Saya hendak tahu apakah persetujuan, peraturan tentang pengagihan air ini di antara negeri-negeri Selangor, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan sebagainya, bila ini timbul. Angka itu menarik. Yang kita hendak ialah jawapan keseluruhan yang berjangka panjang. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, tanggungjawab penubuhan Majlis Sumber Air Negara ialah pada tahun 1998 dan ia bertanggungjawab sebagai sebuah badan pusat yang menjalankan perancangan, penyelarasan serta pengurusan pembangunan sumber air. Jadi, maknanya atas namanya sahaja, iaitu ia dalam soal-soal sumber air, maknanya mencari, mengurus dan membangunkan sumber air. Kerana dalam soal bekalan air bergantung kepada tiga perkara:

- (i) soal sumber;
- (ii) soal loji rawatan; dan
- (iii) soal pengagihan.

Dan, soal-soal yang kedua yang lain itu merupakan tanggungjawab yang masih lagi terletak kepada kerajaan negeri iaitu soal *down stream*. Kerajaan negeri bertanggungjawab soal *down stream* manakala yang soal-soal lain terletak tanggungjawabnya kepada Majlis Sumber Air Negara.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, perkara-perkara yang bersangkutan dengan air, yang melibatkan kerajaan-kerajaan negeri yang lain, ia wujudkan Majlis Sumber Air Negara sebagai mekanisme kerjasama. Jadi, di situlah segala-galanya yang akan diputuskan, dari segi kerjasama yang patut lahir di antara kerajaan-kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Jadi, perkara-perkara yang telah saya nyatakan tadi ialah semua perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor. Tidak ada bersangkutan paut dengan kerajaan-kerajaan negeri yang lain.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Air ini perkara sensitif. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, sudah ada loji, sumber air tetapi yang penting sekarang ini penyalurannya. Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, berapa banyak kerugian kita dari segi berapa liter, berapa dari segi kewangannya, kerana air terpancut keluar daripada paip-paip usang, paip-paip lama di seluruh negara. Dan, berapakah jumlah kewangan yang diperlukan bagi menentukan paip-paip ini dapat diselesaikan, dapat diperbaiki bagi memastikan pancutan air secara tidak sengaja ini dapat dikurangkan dan adakah nisbah pancutan itu lebih tinggi daripada negara-negara lain ataupun apakah matlamat kita – tahap peratusan, berapa banyak yang boleh kita beri peluang ia keluar daripada paip lama ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya telah banyak kali dijawab. Ia merupakan satu soalan yang popular. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran air bersih bagi seluruh negara dalam tahun 1999 adalah sebanyak 3,496 juta meter padu. Dan, daripada jumlah tersebut, sebanyak 22% telah hilang akibat kebocoran sistem paip air. Manakala sebanyak 4% telah digunakan secara haram, seperti Yang Berhormat sedia maklum dalam kawasan setinggan dan sebagainya yang digunakan tanpa dibayar dan sebagainya.

Itu adalah dalam tahun 1999. Jika dibandingkan dalam tahun 1998, jumlah kehilangan air ini didapati telah menurun sebanyak 2% dari jumlah pengeluaran. Dan,

sememangnya kebocoran ini merupakan kebocoran paip air, kebocoran yang datangnya daripada paip dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1999 terdapat 81,026 kilometer paip air di negara ini. Dan, paip-paip ini diperbuat daripada pelbagai jenis dan ia sememangnya perlu ditukar akibat melebihi usia had guna pakai iaitu yang terdiri daripada paip air jenis simen asbestos dan besi tuang iaitu *cast-iron*. Dan jumlah panjang paip daripada jenis simen asbestos dan besi tuang adalah sebanyak 46,293 kilometer ataupun 57% dari panjang keseluruhan paip yang ada.

Kerajaan Persekutuan sememangnya mengambil perhatian serius mengenai usaha-usaha mengatasi kadar kehilangan air di negara ini. Dan, untuk itu Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM528 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi program menukarkan paip air yang telah melebihi usia had guna pakai. Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, pihak berkuasa air peringkat negeri-negeri telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion bagi meneruskan program tersebut. Dan, perkara ini sudah tentu akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan semasa melihat kepada soal untuk meluluskan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

4. **Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah tindakan dan langkah yang telah serta akan diambil bagi memastikan kenaikan harga minyak petroleum yang diumumkan kerajaan tidak akan melibatkan kenaikan harga barangan pengguna lain.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi pada 12 Disember 2000; Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu pada 14 Disember 2000; Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan dan Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh pada 18 Disember 2000 kerana isu yang dibangkitkan adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, harga runcit barangan petroleum di negara ini adalah dikawal oleh kerajaan melalui kaedah *alternative automatic price mechanism*. Dengan adanya kaedah ini yang telah diperkenalkan semenjak tahun 1994, kerajaan telah berjaya

memantau sebarang kenaikan kos pengeluaran barangan tersebut di masa lepas sama ada dengan meningkatkan kadar pengecualian cukai ataupun meningkatkan pemberian subsidi bagi kegunaan domestik. Menerusi kaedah ini kerajaan telah berjaya mengekalkan harga runcit barangan petroleum pada harga RM1.10 seliter bagi petroleum, 65 sen se liter bagi diesel dan RM1.10 se kilogram bagi LPG semenjak 1 Januari 1994 hingga 1 September 2000. Bagi memastikan harga runcit barangan tersebut di Malaysia berada di tahap yang rendah, berbanding dengan negara-negara jiran di rantau ini.

Walau bagaimanapun, pada 1 Oktober, kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan harga barangan petroleum sebanyak 10 sen berikutan harga minyak mentah dunia yang terus meningkat yang menyebabkan peruntukan perbelanjaan yang besar terpaksa ditanggung oleh kerajaan melalui pelepasan cukai dan pemberian subsidi seperti berikut:

Tahun	RM juta (bilion)
1996	1.325
1997	2.090
1998	2.360
1999	2.438
2000	3.722 (bagi tempoh Januari hingga September)

Jumlah besar bagi tempoh 1996 hingga 2000, yang ditanggung oleh kerajaan sebagai pelepasan, pengecualian cukai ataupun pemberian subsidi adalah sebanyak RM11.935 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mempertingkatkan langkah-langkah pemantauan harga sebaik sahaja pengumuman cadangan mengenai kenaikan harga petroleum dibuat oleh kerajaan. Tindakan-tindakan yang dijalankan meliputi:

- (i) mengumpulkan data mengenai harga runcit yang disyorkan oleh pengeluar ke atas seribu jenis barangan pengguna;
- (ii) meneruskan kutipan harga mingguan pada setiap hari ke atas 255 jenis barangan di bandar-bandar utama, di 14 buah negeri dan 100

jenis barangan yang termasuk dalam perkiraan Indeks Harga Pengguna;

- (iii) menyimpan rekod harga semua jenis barangan yang telah dikutip sebelum 1 September 2000 untuk tujuan perbandingan dengan harga selepas tarikh tersebut;
- (iv) mengadakan mesyuarat dengan pengeluar, pengimport, pemborong dan peruncit untuk mendapat maklumat awal. Jika ada cadangan mana-mana syarikat untuk menaikkan harga barangan mereka;
- (v) memanggil pengeluar, pengimport, pemborong dan peruncit untuk memberi penjelasan jika telah berlaku kenaikan harga barang-barang mereka dan meminta mereka menurunkannya kembali di mana bersesuaian; dan
- (vi) menggunakan undang-undang yang sesuai bagi mengambil tindakan ke atas peniaga-peniaga yang melakukan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil pemantauan sehingga bulan November 2000 mendapati bahawa:

- (i) tidak berlaku kenaikan harga barang-barang yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan petroleum, walaupun terdapat laporan akhbar pada 8 Oktober 2000 bahawa harga-harga ikan dan sayur meningkat di beberapa negara. Di Alor Setar, cili merah meningkat dari RM5.50 se kilogram pada 23 September kepada RM8.50 se kilogram pada 7 Oktober 2000 iaitu kira-kira 40%. Kenaikan harga barangan berkenaan adalah disebabkan oleh musim hujan di beberapa negeri khususnya Perlis dan Kedah. Walau bagaimanapun, harga cili telah turun kepada RM7.50 satu kilo pada 9 Oktober 2000 dan harga purata pada bulan November 2000 ialah RM6.00 satu kilo. Kenaikan harga yang ketara seperti ini bagi sayur dan ikan pernah berlaku pada bulan Januari dan masa-masa yang lalu dan kemudiannya turun ke paras normal pada bulan-bulan berikutnya.

- (ii) Tiada aduan diterima oleh kementerian berhubung dengan kenaikan harga barang yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan petroleum, kecuali dua aduan di Ipoh mengenai kenaikan harga minuman kopi dan teh di restoran. Siasatan mendapati bahawa kenaikan itu telah bermula lebih awal dalam September 2000 berikutan kenaikan kadar sewa premis. Dalam pada itu, kementerian telah mempertingkatkan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara.

Bagi barang-barang kawalan seperti gula, tepung gandum, susu pekat manis, minyak masak, roti dan ayam harga bumbung tiada meningkat. Ia menjamin bahawa harga barang-barang keperluan lain tidak akan dinaikkan berikutan kenaikan harga petroleum. Adalah dikenal pasti bahawa kenaikan harga bahan-bahan petroleum mulai 1 Oktober 2000 sebagaimana diumumkan oleh kerajaan tidak banyak memberi kesan ke atas harga barang-barang lain. Namun begitu, kementerian akan meneruskan tindakan pemantauan harga bagi menentukan tidak ada pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan kerajaan mengawal harga petrol dalam negara kita, kita lihat rakyat negara jiran mengambil kesempatan dengan membeli petrol di kawasan sempadan negara. Jadi, setakat ini sejauh manakah tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ini memang berlaku dari segi kegunaan persendirian. Kita tidak ragu tentang rakyat daripada negara-negara jiran yang melawat negara kita dan isikan kereta mereka dengan petrol. Ini tidak membawa satu kerugian yang besar. Tetapi ada pihak-pihak yang datang ke negara untuk beli dan jual petrol dan juga barang-barang petroleum di negara masing-masing, ini mengakibatkan satu kerugian. Pihak kementerian bersama-sama dengan pihak polis, kastam dan juga agensi-agensinya kerajaan lain telah mengambil tindakan terhadap mereka dan telah berjaya

untuk membawa mereka yang melakukan kesalahan ini dengan denda dan juga dituduh di mahkamah.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan di samping menaikkan harga minyak petrol ini memikirkan nasib pengedar-pengedar minyak yang mana saya difahamkan keuntungan jualan tidak pun dinaikkan di mana pengedar-pengedar minyak ini terpaksa menambah modal jualan mereka apabila minyak dinaikkan. Soalan saya kepada kementerian, adakah kementerian memikirkan nasib pengedar-pengedar minyak setakat ini? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar tentang apa yang diminta oleh pengedar-pengedar petroleum di seluruh negara. Kita telah mengadakan rundingan, kita bersimpati dengan apa yang dimohon oleh mereka walaupun harga itu dinaikkan sebanyak 10 sen satu liter tetapi mereka tidak dapat komisen yang lebih daripada masa yang lalu. Walaupun kita simpati, kita tidaklah bercadang untuk menaikkan harga petroleum lebih daripada yang diluluskan oleh pihak kerajaan oleh kerana kos ini akan ditanggung oleh rakyat pada keseluruhannya. Buat masa sekarang tidak ada apa-apa cadangan, tetapi pengedar-pengedar itu telah maklumkan kepada kita dan kita juga telah maklumkan perkara ini kepada syarikat-syarikat minyak supaya perkara ini diambil perhatian.

5. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah “lesen terbang” yang diserahkan balik kepada Jabatan Pengangkutan Jalan sehingga 30 November, 2000. Apakah tindakan yang diambil terhadap pemegang lesen terbang yang menyerahkannya kepada JPJ. Berapa jumlah “lesen terbang” yang belum diserahkan dan tindakan Kerajaan terhadap mereka.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng pada 19 Disember 2000, Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern - 19 Disember 2000, Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket - 19 Disember 2000, Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern - 21 Disember 2000, Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket - 21 Disember 2000. Ini memandangkan soalan yang

dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai tajuk yang sama. Dengan itu juga saya mohon untuk memberi jawapan dengan mengambil masa sedikit oleh kerana dapat diliputi soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan itu.

Isu berhubung dengan 'lesen terbang' atau 'lesen gerenti lulus' yang didedahkan oleh BPR adalah hasil siasatan yang dijalankan oleh jabatan tersebut ke atas mereka yang terlibat atau bersubahat menerima rasuah di dalam pengendalian latihan dan proses memberi kelulusan lesen memandu yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. BPR telah mengumumkan pihaknya telah berjaya mengesan sekitar 70,000 hingga 100,000 lesen memandu yang telah dikeluarkan dengan cara yang tidak sah dan melibatkan rasuah. Ini adalah angka yang dikeluarkan oleh BPR memandangkan setakat ini Kementerian Pengangkutan dan JPJ belum menerima laporan butir-butir terperinci. Kementerian tidak dapat mengesahkan bilangan sebenar lesen terbang tersebut.

Namun begitu, jumlah lesen terbang yang telah diserahkan oleh pemegangnya kepada BPR sehingga 13 November 2000 ialah sebanyak 4,120. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan angka yang diumumkan. Keadaan ini juga menyebabkan agak sukar bagi Kementerian Pengangkutan untuk mengesahkan sama ada pemegang lesen terbang bukan merupakan punca kemalangan di jalan raya. Kajian mengenai perkara ini hanya boleh dibuat setelah laporan lengkap diperolehi.

Tujuan tempoh pengampunan diwujudkan ialah selain daripada membantu BPR menjalankan siasatan dengan lebih berkesan, ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada pemegang lesen terbang memperbetulkan kesilapan yang telah dibuat oleh mereka agar ia dapat diperbetulkan, dan lesen baru dikeluarkan dengan secepat mungkin kepada mereka setelah syarat dan peraturan dipenuhi di mana mereka juga tidak menghadapi masalah kemungkinan ditahan.

Memandangkan kelonggaran telah diberi kepada pemegang-pemegang lesen terbang itu untuk menyerahkan lesen-lesen mereka dalam tempoh pengampunan, tindakan tegas akan diambil ke atas pemegang-pemegang lesen terbang yang gagal menyerahkannya kepada BPR sebaik sahaja laporan lengkap BPR mengenai hasil siasatan yang dijalankan oleh pihaknya diterima kelak.

Berhubung dengan soalan penglibatan kakitangan JPJ dalam isu ini, mengikut siasatan yang dibuat oleh BPR setakat ini seramai 56 orang awam dan kakitangan JPJ telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam skandal ini. Dari jumlah tersebut didapati 18 orang di antaranya merupakan kakitangan JPJ di mana 4 orang telah didakwa di mahkamah, manakala seorang pegawai telah disabitkan kesalahan dan dikenakan dengan denda dan penjara.

Bagi mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah, tindakan lanjut akan diambil oleh jabatan dengan tujuan pegawai dan kakitangan terlibat dikenakan hukuman buang kerja ataupun tindakan lain. Tindakan tatatertib membuang kerja juga bermakna pegawai ini akan kehilangan bayaran pencen, ganjaran dan segala kemudahan lain yang biasa dinikmati oleh kakitangan kerajaan. Justeru itu, ingin saya menjelaskan bahawa bagi anggota dan kakitangan JPJ yang mungkin terlepas daripada tindakan mahkamah, tindakan disiplin ke atas mereka termasuk dibuang kerja boleh diambil sekiranya mereka didapati telah melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam pengeluaran lesen memandu.

Tindakan disiplin seperti ini pernah diambil dan akan terus diambil oleh JPJ demi membanteras rasuah dan ini termasuklah bagi mereka yang cuai menjalankan tanggungjawab. Ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan tidak akan melindungi mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah. Begitu juga bagi siasatan yang dijalankan oleh BPR, Kementerian Pengangkutan memberi jaminan tidak akan campur tangan dan akan memberikan kebebasan dan kerjasama sepenuhnya kepada BPR untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

Bagi institut dan sekolah memandu pula, sekiranya mereka didapati bersalah terlibat atau bersubahat dalam kegiatan rasuah, Kementerian Pengangkutan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan membatalkan lesen operasi institut atau sekolah memandu tersebut serta permit mengajar anggota-anggotanya yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan menentang gejala rasuah adalah merupakan perjuangan yang berpanjangan dan berterusan. Dalam hal ini, kita perlu sentiasa berwaspada dan berhati-hati lebih-lebih lagi apabila penjenayah menjadi lebih pandai dan pintar dalam hal ini. Kita akan terus mengenal pasti segala kelemahan-kelemahan yang

wujud dan mencari jalan untuk memperketatkan prosedur serta sistem dalaman yang sedia ada untuk mencegah gejala rasuah setiap waktu.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika pemegang lesen terbang menyerahkan lesen, apakah peluang atau kebaikan kementerian akan beri kepada pemegang lesen ini?

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Pemegang-pemegang lesen yang menyerahkan lesen mereka, mereka akan diberi pertolongan sebaik yang mungkin untuk memperolehi lesen baru yang sah, dan jikalau diperlukan mereka untuk diuji, maka mereka juga akan diberi kemudahan untuk diuji semula dengan cara yang lebih mudah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini adakah pihak kementerian berusaha mencari satu pendekatan yang sesuai untuk dikemaskinikan bagi memastikan semua lesen terbang yang telah dikeluarkan dapat dikembalikan dengan secepat mungkin.

Dan soalan seterusnya saya ingin tahu dari negeri manakah kakitangan JPJ yang terlibat banyak dalam soal mengeluarkan lesen terbang ini? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Bilangan yang disyaki memperolehi lesen terbang adalah seperti yang dikatakan tadi hampir 100,000 tetapi yang diserahkan mengikut pengisytiharan pengampunan yang diberi yang telah luput pada 17 November 2000 adalah hanya 4,120 sahaja. Mereka yang tidak ke hadapan untuk menyerahkan lesen itu nanti mereka akan disoal siasat. Oleh kerana bilangannya begitu besar, kementerian memerlukan butir-butir yang tertentu daripada pihak yang berkenaan.

Untuk menentukan sama ada lesen itu betul-betul lesen terbang ataupun tidak sah, maka kementerian terpaksa menemu duga mereka untuk memastikannya dan untuk mempercepatkan juga lagi proses ini mereka yang 70,000, 100,000 lagi yang tidak menyerahkan lesen, apabila mereka hendak memperbaharui lesen itu, maka nama mereka akan disemak dengan senarai yang ada di BPR dan juga di pihak kementerian. Jikalau namanya serupa maka kita akan soal selidik lagi dan ditahan, digantung dan sebagainya mengikut mana-mana yang sesuai.

Jumlah pemilik lesen terbang yang ditahan oleh pihak BPR seperti yang diberi maklumat kepada kita dan dengan itu juga kita rasa bahawa banyaknya pegawai-pegawai yang terlibat adalah mengikut senarai-senarai ini, mana-mana yang banyak - Perlis

umpamanya 21; Kedah - 221; Pulau Pinang - 456; Perak – 861 (saya rasa Peraklah); Selangor - 239; Johor - 307; dan di ibu pejabat sendiri 1,012.

6. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) nama Syarikat yang menyediakan helikopter; dan
- (b) berapakah perbelanjaan setahun dan berapakah tempat diliputi dan bilangan pesakit dapat diubati.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Nama syarikat yang menyediakan helikopter bagi negeri Sarawak ialah Syarikat Kenari Air, manakala bagi negeri Sabah pula helikopter disediakan oleh Syarikat Penerbangan Sabah Sdn. Bhd. Jumlah perbelanjaan untuk perkhidmatan doktor udara di negeri Sarawak pada tahun 1999 ialah berjumlah RM5,103,445.20. Ketika ini perkhidmatan doktor udara meliputi 168 lokasi yang mempunyai 49,000 penduduk di mana pada tahun 1999 sahaja seramai 96,538 kedatangan telah dicatatkan.
- (b) Di negeri Sabah pula bilangan pesakit yang diperiksa oleh perkhidmatan doktor udara ialah seramai 9,563 orang dengan kos mengurus RM1 juta pada tahun 1999 meliputi 35 lokasi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam perbelanjaan yang melebihi RM6 juta yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin mengetahui adakah kerajaan sudah membuat kajian tentang aplikasi teleperubatan dalam usaha kerajaan untuk mengamalkan *elektronik government* kerana angka RM6 juta ini pada saya nampak besar. Tetapi kalau aplikasi teleperubatan diamalkan mungkin dari segi kosnya dan manfaat kepada pesakit akan menjadi lebih. Kalau ada angka perbandingan, saya ingin mengetahui. Terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kos ini seperti Yang Berhormat sedia maklum, doktor udara ini adalah ditumpukan kepada kawasan-kawasan pedalaman. Kos ini menurun kerana dari masa ke semasa misalnya dalam

Rancangan Malaysia Ketujuh kita telah dapat membina 11 klinik desa, dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga bagi negeri Sabah dan Sarawak akan dibina banyak lagi klinik. Apabila klinik-klinik ini dibina maka pengurangan *exercise* doktor udara dibuat di kawasan-kawasan tersebut. Kawasan yang diadakan *exercise* doktor udara adalah kawasan yang terpencil dan pedalaman.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, kita harapkan dengan klinik kesihatan yang dapat kita bina ini dapat kita terapkan *telemedicine* yang merupakan salah satu perancangan kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan, insya -Allah.

7. Datuk Faridah binti Abu Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah pihak kementerian dapat memastikan dan memantau kewujudan IPTS di negara ini mampu menyediakan peluang pekerjaan yang lebih terjamin dan memastikan juga kemampuan pelajar-pelajar Melayu untuk memasuki IPTS tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kualiti pengkajian di IPTS terpelihara, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah dan sentiasa menjalankan pemantauan. Antaranya ialah:

- (i) memastikan kursus pengkajian yang ditawarkan di IPTS mencapai tahap minimum seperti yang ditentukan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN);
- (ii) mengadakan pemantauan secara berterusan oleh Jabatan Pendidikan swasta di Kementerian Pendidikan melalui laporan tahunan lawatan berkala dan lawatan khas berasaskan aduan; dan
- (iii) pemantauan secara berterusan dilakukan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bermula dari enam bulan selepas satu-satu kursus pengkajian itu dijalankan.

Langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kursus yang ditawarkan adalah selaras dengan keperluan guna tenaga di samping melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Bagi memastikan pelajar bumiputera mampu belajar di IPTS, kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan berbentuk pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Di samping itu, terdapat juga agensi-agensi kerajaan yang menaja pelajar di IPTS. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah diberi perangkaan mengenai status pelajar-pelajar dalam IPTA dibanding dengan IPTS mengikut peratusan kedudukan bangsa Melayu, Cina dan sebagainya.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan ini agak spesifik, saya perlu masa dan akan diberikan jawapan secara bertulis.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam dunia pendidikan ini memang ada perbezaan antara universiti dan kolej. Dengan bercambahnya IPTS di seluruh negara ini terutama di peringkat universiti, apakah perbezaan yang wujud sekarang ini, adakah ianya mengikut peraturan di mana universiti mesti menentukan supaya penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) terutama penyelidikan dijalankan berasaskan kepada belanjawan yang ditetapkan oleh pihak universiti itu sendiri ataupun LAN menentukan supaya kualiti pendidikan itu sentiasa di tahap universiti, bukan di tahap kolej.

Jadi, saya hendak bertanya pihak kerajaan, adakah LAN menetapkan untuk ianya diteruskan memegang status universiti, penyelidikan dari segi budget, dari segi pelajar-pelajar Ph.Dnya mesti ada peratusan. Jadi apakah kita mewujudkan piawaian seperti itu di IPTS-IPTS dan juga di IPT-IPT.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tambahan ini. Untuk menjawab soalan ini ialah Kementerian Pendidikan memang mempunyai peraturan-peraturan tertentu supaya mana yang boleh dianggap sebagai universiti dan mana yang diiktiraf sebagai kolej. Sebenarnya untuk menubuhkan sesebuah universiti swasta, bukan mereka mohon tetapi dijemput daripada kerajaan untuk penubuhannya, tetapi untuk kolej-kolej syarikat swasta yang ingin menubuhkan kolej swasta, maka mereka boleh mengemukakan permohonan.

Bagi kolej-kolej swasta ini memang berbeza daripada universiti yang telah diwujudkan, memang dari segi pemantauan ini pihak Kementerian Pendidikan akan mencadangkan secara berterusan supaya memastikan kendalian kolej-kolej swasta atau universiti swasta itu dapat dijalankan mengikut hasrat kerajaan dan juga peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

8. Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap rakyat negara ini yang melakukan penderhakaan dan pengkhianatan contohnya tindakan yang telah diambil terhadap Encik Ezam Mohd. Noor yang dilaporkan mengakui beliau terlibat dalam gerakan memburuk-burukkan Perdana Menteri di Amerika Syarikat dan Eropah dan mengupah agensi-agensi luar melakukan tindakan yang sama.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang berat akan sebarang perbuatan khianat terhadap negara dan akan mengambil tindakan tegas berlandaskan undang-undang terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang didapati bertindak sedemikian.

Pihak polis telah selesai menjalankan siasatan terhadap Encik Ezam bin Mohd. Noor dan hasil siasatan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk ditentukan sama ada Encik Ezam bin Mohd. Noor boleh dibawa ke mahkamah di bawah Akta Hasutan 1948.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk membuat satu gerakan pembaharuan di dalam menyelesaikan dan mematahkan gerakan memburuk-burukkan negara di luar negara ataupun di dalam negara kerana kebelakangan ini kita tidak nampak keberkesanan terutama sekali Kementerian Dalam Negeri di dalam melaksana dan menterjemahkan apa jua keadaan yang melibatkan perkara-perkara seperti pengkhianatan kepada negara, pengkhianatan kepada raja-raja, pengkhianatan kepada kepimpinan dan sebagainya.

Jadi, di zaman dahulu kita nampak ada seperti gerakan Lalang, umpamanya, tidak kira sama ada kumpulan itu ekstremis menyokong kerajaan, bangsa, agama dan sebagainya. Apa pendirian kerajaan sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya maklumkan bahawa kerajaan sentiasa memandang berat terhadap tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak-pihak tertentu tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun, oleh sebab kerana kita berdasarkan peraturan dan undang-undang dan hak rakyat terhadap Perlembagaan negara ini, ada ketika bila kita mengkaji perkataan-perkataan yang disebut itu tidak menyentuh

dan membolehkan kita mengambil tindakan terhadap orang yang berkenaan, maka tindakan tidak diambil.

Tetapi ada perkara-perkara lain di tempat-tempat yang tertentu, perkara-perkara ini sentiasa diperhati oleh pihak kerajaan khasnya polis ataupun di luar negara oleh Kementerian Luar Negeri sudah tentulah kita memerlukan banyak bukti yang tertentu.

Perkara mengenai Ezam sebagai contoh, telah mengambil masa hampir dua bulan dan siasatan ini telah diserahkan kepada pihak Peguam Negara untuk mengambil tindakan. Semua ini hendaklah kita jalankan bukan mengikut perasaan hati kita, tindakan yang akan kita ambil bukan mengikut perasaan marah terhadap mana-mana individu ataupun kumpulan, tetapi kita mengambil tindakan melalui peraturan dan undang-undang yang ada di atas kelakuan percakapan dan tindakan mereka melanggar peraturan dan undang-undang yang ada terhadap negara ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan wujudnya kegiatan-kegiatan yang kali ini berleluasa terutama di Amerika oleh warganegara Malaysia yang tidak bertanggungjawab ini, saya hendak bertanya pihak kerajaan, siapa sebenarnya yang mengawasi perjalanan dan kegiatan seperti ini, katakanlah di Amerika, berapa orang pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri ini dan saya hendak bertanya adakah juga pihak cawangan-cawangan khas ini, adakah ianya juga diletakkan di sana ataupun jabatan-jabatan lain yang khusus dipertanggungjawabkan bagi mengesan kegiatan-kegiatan hendak sabotaj negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita biarkan kepada pihak Kementerian Luar Negeri sahaja, saya rasa mereka ini sebagai diplomat tidak mampu buat kerja itu, jadi pegawai semacam mana yang diletakkan di luar negara bagi khusus mengawasi kegiatan di Indonesia, di Amerika dan Filipina kerana banyak benda ini berlaku dan juga di Australia. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kementerian Luar Negeri berpejabat sama ada di pejabat duta ataupun pejabat konsulat kita, kerajaan bukan sahaja menghantar duta dan konsul kita di negara-negara yang ada hubungan diplomatik dengan negara kita, kita juga menghantar pegawai-pegawai yang tertentu termasuk pegawai dagang, termasuk juga pegawai pendidikan dan bagi pihak pegawai keselamatan, pihak polis ada menghantar bagi memantau sama ada rakyat kita ataupun

rakyat negara lain, merancang untuk menjalan bertindak sesuatu yang menyalahi peraturan diplomatik, peraturan undang-undang di dalam negara kita sendiri.

Dan bukan sahaja daripada pihak polis, pihak tentera juga ada yang dipanggil mereka ini sebagai pegawai atase di kedutaan-kedutaan Malaysia dan konsul Malaysia di luar negara. Mereka inilah yang menjadi mata dan telinga kerajaan yang sentiasa melaporkan kepada kita. Janganlah ada rakyat di dalam negara ini berpendapat bahawa apabila mereka berada jauh daripada negara asal – negara kita, tiada orang yang memerhati.

Tetapi sudah tentulah tindakan-tindakan yang dibuat oleh mereka ini kita kadang-kadang tidak dapat mengetahui secara spontaneous, secara tertentu oleh sebab mereka juga ada mempunyai perancangan supaya perbuatan mereka itu tidak diketahui oleh mereka. Tetapi lambat laun dan insya-Allah, biasanya kita akan dapat mengetahui perancangan yang mereka susun untuk merosakkan negara ini. Terima kasih.

9. Dato' Dr. T. Marimuthu minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab kegagalan Majlis Olimpik Malaysia mendapatkan tawaran untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Tuan Rumah Sukan Asia 2006. Apakah strategi yang akan diambil untuk mendapatkan tawaran bagi Sukan Asia 2010.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri pada 18 Disember ini kerana kedua-duanya adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Doha telah pun dipilih sebagai tuan rumah bagi Sukan Asia tahun 2006. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah sukar untuk dinyatakan sebab kegagalan Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 jika dibandingkan dengan Doha, Kuala Lumpur memang mempunyai banyak kelebihan terutama dari segi kemudahan-kemudahan sukan bertaraf dunia, pengalaman dalam menganjurkan pelbagai sukan bertaraf antarabangsa serta mempunyai kekuatan pemasaran.

Semasa 'bid presentation', dengan izin, berlangsung di Pusan pada 12 November 2000, Malaysia telah pun memberikan persembahan yang terbaik. Walau bagaimanapun,

akhirnya keputusan terletak di tangan perwakilan Majlis Olimpik Asia (OCA) dan Doha telah dipilih untuk menganjurkan Sukan Asia 2006. Pada masa ini Malaysia belum lagi berhasrat untuk menawarkan diri untuk menjadi penganjur Sukan Asia bagi tahun 2010.

10. Datuk Long bin Jidin minta Menteri Penerangan menyatakan, apakah rasionalnya dan matlamat dalam Berita Mutakhir RTM kerap memaparkan insiden-insiden tunjuk perasaan, keganasan dan pembunuhan yang berlaku di luar negara untuk tontotan rakyat jelata.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insiden-insiden seperti tunjuk perasaan, keganasan dan pembunuhan tidak memberi apa-apa kebaikan kepada rakyat, malah merosakkan perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan hidup pelbagai kaum di Malaysia. Ia merupakan sebahagian daripada bahan berita sahaja untuk maklumat umum.

Sebagai menyokong dasar cintakan negara, berita seperti ini dapat kita harap memberi kesedaran kepada rakyat supaya menghargai dan mempertahankan keamanan yang sedang dinikmati. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk Soalan Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 44 adalah dijilid dalam buku berasingan]

UCAPAN TAKZIAH

**Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah
Allahyarham Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi
Dr. Haji Ahmad Zaidi Aduce bin Muhammed Noor,
Yang Di-Pertua Negeri Sarawak**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita dan sedih di atas kembalinya kerahmatullah Allahyarham Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Dr. Haji Ahmad Zaidi Aduce bin Muhammed Noor, Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada hari Selasa 5 Disember 2000 di Subang Jaya Medical Centre. Allahyarham itu pada zaman penjajahan dahulu adalah seorang wira dan telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tanah air.

Allahyarham itu telah banyak berjasa kepada negara sehingga beliau dilantik memegang jawatan yang tertinggi sekali di Sarawak.

Beliau telah berkhidmat dengan cemerlang sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak selama 16 tahun iaitu satu masa yang terpanjang sekali, yang pernah dipegang oleh seorang Yang di-Pertua Negeri.

Pemergiannya adalah satu kehilangan yang besar untuk negeri Sarawak khususnya dan Malaysia amnya, marilah kita bersama berdoa moga-moga Tuhan mencucuri rahmat kepada rohnyanya dan moga-moga rohnyanya ditempatkan bersama-sama dengan roh orang-orang yang mukmin.

Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Saya arahkan ingatan ini disimpan di dalam Arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar ke balu Allahyarham Yang Amat Berbahagia Datuk Patinggi Hajah Rosmiyati. Sekarang saya menjemput kehadiran sekalian bangun dan bertafakur selama dua minit.

[Majlis bertafakur selama dua minit. Ahli-ahli yang beragama Islam menghadiahkan Al-Fatihah]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) (NO.2) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM4,934,986,518 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang

Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua tahun 2000 adalah berjumlah RM4,934,986,518. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut;

- (i) Tambahan sebanyak RM3,348.1 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai pemberian bagi subsidi harga petrol, diesel dan gas cecair petroleum (LPG) bagi tempoh Oktober 1999 hingga Disember 2000. Harga runcit barangan petroleum seperti petroleum, diesel dan LPG dikawal oleh kerajaan di bawah Mekanisme Harga Automatik Barangan Petroleum (APM). Di bawah APM, harga runcit barangan petroleum ini ditetapkan pada satu tahap harga yang bertujuan untuk mengawal inflasi dan menjaga kepentingan pengguna. Kenaikan harga minyak mentah yang tinggi di pasaran dunia telah menyebabkan harga barangan petroleum ini turut meningkat. Sehubungan itu, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM3,348.1 juta dalam bentuk subsidi bagi tempoh Oktober 1999 hingga Disember 2000;
- (ii) tambahan sebanyak RM470.5 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan-perbelanjaan berikut;
 - (a) Sebanyak RM420 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3;
 - (b) sebanyak RM19.1 juta bagi menyelaraskan Belanjawan defisit Universiti Islam Antarabangsa (UIA) bagi tahun 1996-1998. Kos operasi UIA telah meningkat bagi tahun-tahun berkenaan berikutan dengan perpindahan UIA dari kampus

sementara di Petaling Jaya ke kampus tetap di Gombak yang dibuat secara berperingkat-peringkat. Selain daripada itu, UIA telah memulakan program-program baru dalam bidang kejuruteraan, seni bina dan perubatan pada sesi 1997 dan 1998; dan

- (c) sebanyak RM31.4 juta diperlukan bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengan taraf ITM kepada sebuah universiti. Peruntukan ini juga diperlukan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta untuk kerja-kerja pembaikan asrama di seluruh kampus UiTM.
- (iii) Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM451 juta di bawah Maksud B.25 Kementerian Pertahanan untuk membiayai perbelanjaan berikut;
 - (a) Sebanyak RM200 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3;
 - (b) sebanyak RM217 juta untuk menampung kos penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia;
 - (c) sebanyak RM16.1 juta pula untuk perkhidmatan dan bekalan maritim; dan
 - (d) sebanyak RM17.9 juta bagi membiayai perolehan aset Angkatan Tentera Malaysia.
- (iv) tambahan sebanyak RM190 juta di bawah Maksud B.34 Kementerian Kesihatan untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3;

- (v) tambahan sebanyak RM100 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan bagi memberi kemudahan pinjaman kenderaan kepada kakitangan awam;
- (vi) tambahan sebanyak RM63.3 juta di bawah Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3;
- (vii) tambahan sebanyak RM49.5 juta di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk membiayai perbelanjaan berikut;
 - (a) sebanyak RM12.9 juta untuk menampung Skim Baja Padi bagi tahun 1997, 1998 dan 1999;
 - (b) sebanyak RM2.5 juta untuk perbelanjaan bagi menganjurkan Malaysia Agriculture, Horticulture dan Agro-Tourism 2000 (MAHA 2000) termasuk kos pembinaan Mother Boost MAHA 2000;
 - (c) sebanyak RM34.1 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3 bagi Kementerian Pertanian termasuk badan-badan berkanun di bawahnya.
- (viii) Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM36.7 juta di bawah Maksud B.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk perbelanjaan berikut;
 - (a) sebanyak RM28.8 juta sebagai pemberian kepada SIRIM Berhad bagi melaksanakan program Statutori dan Penyelidikan Strategik bagi tempoh 1996 hingga tahun 2000;
 - (b) sebanyak RM5.5 juta bagi Jabatan Alam Sekitar menampung perbelanjaan untuk mendapatkan perkhidmatan pengawasan kualiti udara dan air

yang diswastakan kepada syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. ; dan

- (c) sebanyak RM2.4 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- (ix) Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM36.7 juta di bawah Maksud B.49 Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sebagai bantuan kewangan kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. Bagi bayaran tunggakan kontrak bulanan kepada Labuan-Beaufort Interconnection Sdn. Bhd.;
- (x) tambahan sebanyak RM32.2 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3 bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- (xi) tambahan sebanyak RM31.6 juta di bawah Maksud B.47 Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut;
 - (a) sebanyak RM14.1 juta untuk membiayai penyelenggaraan tambahan 67 di bawah lintasan rata awam dan;
 - (b) sebanyak RM17.5 juta bagi kos kerja-kerja menaik dan memindahkan bangkai kapal MV Anthoi dari negara China yang telah tenggelam di Pelabuhan Utara Pelabuhan Kelang pada 24 November 1997.
- (xii) Tambahan sebanyak RM27.6 juta di bawah Maksud B.31 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3.

- (xiii) Tambahan sebanyak RM25.2 juta di bawah Maksud B.40 Jabatan Penjara untuk perbelanjaan berikut;
 - (a) sebanyak RM12.2 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3;
 - (b) sebanyak RM6.3 juta untuk bayaran bil utiliti dan bekalan catuan makanan banduan;
 - (c) sebanyak RM5 juta untuk penyusunan semula Jabatan Penjara dan bayaran khas prestasi; dan
 - (d) sebanyak RM1 juta untuk urusan pengambilan kakitangan baru, pertukaran dan latihan serta pembelian perabot.
- (xiv) Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM22.6 juta di bawah Maksud B.51 Kementerian Luar Negeri untuk membiayai perbelanjaan berikut;
 - (a) sebanyak RM16.6 juta untuk perbelanjaan bagi menganjurkan persidangan menteri-menteri luar Pertubuhan Negara-Negara Islam yang ke-27 yang berlangsung pada 27 hingga 30 Jun 2000; dan
 - (b) sebanyak RM6 juta untuk perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.
- (xv) Tambahan sebanyak RM13 juta di bawah Maksud B.28 Perbendaharaan untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3;
- (xvi) tambahan sebanyak RM10.6 juta di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam dan kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai Gred 3 termasuk badan-badan berkanun;

- (xvii) tambahan sebanyak RM6.7 juta di bawah Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai penawaran Sukan Asia 2006 bagi tahun 2000;
- (xviii) tambahan yang lain sebanyak RM18.9 juta merupakan tambahan kecil bagi menampung kenaikan gaji 10% dan kenaikan ITP 50% bagi kementerian atau jabatan di bawah Maksud B.3 Jabatan Audit, B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, B.15 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa B.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat, B.20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, B.21 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, B.32 Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan B.50 Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2000 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 tahun 2000 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12A tahun 2000. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rosli. Yang Berhormat sebelum..., Ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long Jidin untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat Rosli.

11.37 pagi

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya ucap tahniah, rakan sebelah saya dapat jadi speaker pada hari ini. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah dapat menyediakan satu Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 2000 yang telah diterangkan maksudnya secara terperinci untuk dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2000)(NO.2) 2000 yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Pertamanya, seperti biasa, perbekalan tambahan seperti ini telah diangkat oleh Kementerian Kewangan secara berkala dalam sidang Dewan kita dan kita nampak susunan yang telah dicadangkan ini adalah sesuai dengan kehendak dan keadaan dan pada keseluruhannya permintaan sebanyak hampir RM5 bilion ini banyak tertumpu kepada perkhidmatan am perbendaharaan yang telah menyelesaikan untuk menyelesaikan sebahagian daripada subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam menyelesaikan harga kos gas dan petroleum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan mengumumkan untuk menaikkan sebanyak 10 sen tetapi kita kenangkan di beberapa tempat bahawa satu keadaan masyarakat kita seolah-olah kenaikan yang diputuskan oleh kerajaan ini adalah satu perkara yang tidak adil oleh masyarakat dan rakyat kita. Ini adalah dilemparkan oleh segolongan ahli-ahli masyarakat kita yang tidak menilai masalah subsidi yang telah ditanggung oleh kerajaan sekian lama adalah semata-mata untuk memberi satu kedudukan dan piawaian harga yang boleh membantu pengguna-pengguna dalam hal-hal yang berkaitan dengan gas dan petroleum ini.

Tuan Yang di-Pertua, syukur Alhamdulillah, kita dapati perkara ini telah dapat ditangani oleh kerajaan dan sesuai dengan keadaan semasa saya berharap di masa-masa hadapan apa jua keadaan yang untuk dibuat keputusan oleh kerajaan harus diberi satu pendekatan takrifan dan juga penerangan secara terperinci oleh kementerian-kementerian ataupun jabatan-jabatan yang terbabit supaya ia tidak menimbulkan salah faham oleh segelintir masyarakat apatah lagi oleh setengah golongan yang telah menjadi sekarang ini sebagai satu trend baru sebagai satu kumpulan pendesak dan kumpulan yang faham tetapi saja mengadakan propaganda di dalam negara kita.

Kalau kita bandingkan harga-harga ini, di sebelah Thailand umpamanya, di Singapura dan sebagainya kita jauh lebih rendah dan ini semua adalah komitmen kerajaan

pusat kita supaya harga ini berada dalam paras ini. Jadi tidak menjadi kesalahan pada hari ini untuk kita sama-sama menyokong supaya sejumlah wang diangkat oleh perbendaharaan supaya kita dapat sama-sama sokong.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain secara pukul ratanya ialah kenaikan kos 10% kepada gaji dan imbuhan-imbuhan lain yang berkaitan kepada beberapa kementerian dan ini adalah satu kesesuaian yang harus kita memberi satu sokongan supaya ianya dapat diselaraskan di peringkat kementerian dan jabatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi persoalan saya pada hari ini adalah berkenaan dengan kedudukan Kementerian Pendidikan. Terutama sekali perbelanjaan kepada tambahan sebanyak RM11 juta kepada UIA kerana kos operasi kepada UIA ini telah meningkat kerana dikatakan dan dijelaskan oleh kementerian tadi kerana ada bidang-bidang baru terutama sekali seni bina ataupun arkitek, perubahan dan kejuruteraan telah dimulakan oleh UIA. Saya ingin bertanya kepada kementerian dan juga agensi kerajaan yang berkaitan khususnya Kementerian Pendidikan, status UIA sekarang ini. Kita dapati kedudukan UIA ini telah diterima di peringkat antarabangsa dan kita berharap Malaysia akan menjadi satu daripada peneroka. Masalah pendidikan ini terutama sekali perkara-perkara yang berkaitan dalam hal ehwal pembangunan Islam di rantau ini khususnya di peringkat antarabangsa amnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada lagi satu ialah Kolej Universiti Islam Malaysia yang telah ditubuhkan oleh kerajaan. Oleh kerana ini dilihat agak mempunyai persamaan walaupun ianya agak berlainan kerana dikatakan bahawa KUIM ataupun Kolej Universiti Islam Malaysia ini akan menjalankan usaha-usaha pendidikan berlandaskan kepada bahasa pengantar bahasa Arab. Setakat ini bagaimana kedudukan KUIM ini yang sekiranya ia tidak dapat diberi satu peruntukan yang secara bersungguh-sungguh maka matlamat kerajaan untuk menubuhkan sebuah Kolej Universiti Islam di peringkat nasional ini akan terbantut sekiranya tidak ada perancangan yang rapi.

Jadi saya berharap melalui perbahasan rang undang-undang pada hari ini saya dapat mencadangkan satu bentuk kampus kalau tidak sebesar UIA pun harus diadakan sebesar bertaraf universiti. Kerana kita tahu bahawa kolej ini akan menjadi satu daripada manifestasi penerapan Islamisasi dalam pemerintahan kerajaan kita khususnya di peringkat kebangsaan. UIA berkemungkinan telah berpaksi untuk meletakkan

keutamaan kepada usaha-usaha kerajaan menjalankan kursus-kursus yang berkaitan dengan meminta pelajar-pelajar ataupun mahasiswa bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Kita telah berjaya meneroka perkara ini dan adalah tidak salah dan kita berkeyakinan di bawah pemimpin kerajaan Barisan Nasional kita dapat menerapkan, mendekatkan satu usaha baru ini dan kita merakamkan ucapan tahniah supaya KUIM, Kolej Universiti Islam Malaysia ini akan menjadi salah satu daripada modal kolej yang dikehendaki oleh masyarakat di negara kita daripada segi jangka panjangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpaksa melibatkan sedikit sebanyak pandangan saya berkenaan beberapa kolej yang berorientasikan pembangunan Islamiah ini yang dijalankan oleh beberapa kerajaan negeri dan secara keseluruhannya kita nampak Kerajaan Barisan Nasional negeri-negeri telah dapat berusaha kepada perkara-perkara seperti ini. Tetapi kebelakangan ini kita nampak sebagai satu trend khususnya kepada sebuah parti politik di negara kita iaitu PAS yang selalu meletakkan pendekatan parti itu sebagai salah satu daripada usaha-usaha untuk memecahbelahkan pemikiran masyarakat kita khususnya perkara yang berkaitan dengan pendidikan ini.

Sebagai salah satu daripada contoh yang amat mendukacitakan sahabat saya Yang Berhormat Roslan dalam Dewan Undangan Negeri di Terengganu baru-baru ini, meletakkan KUSZA ataupun kolej agama yang telah diusahakan oleh kerajaan sama ada Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dan sekarang ini diurus oleh Kerajaan PAS Terengganu. Memaparkan bahawa kolej ini menjadi satu daripada vehicle, alat ataupun sarang kepada pelatih-pelatih perkaderan ahli-ahli PAS. Yang malangnya ini akan menjerumuskan kepada usaha-usaha negara kita untuk mempertingkatkan usaha-usaha untuk memberi pendidikan kepada masyarakat. Apa pun pandangan dan tindakan kita tidak mempersoalkan perkara-perkara seperti ini tetapi kalau unsur-unsur melibatkan politik sempit sama ada ianya datang daripada parti pemerintah ataupun parti yang tidak memerintah ianya adalah satu perkara yang malang kepada usaha-usaha dasar pendidikan kita dari segi jangka panjang, masyarakat kita khususnya masyarakat Islam di negara kita.

Jadi saya minta juga kerjasama semua pihak supaya perkara-perkara seperti ini tidak didoktrinkan di peringkat pendidikan. Kalau ianya salah maka saya memohon

maaf tetapi kalau ianya perkara benar satu tindakan pragmatik secara serius dan berkesan harus dilaksanakan oleh pengurus-pengurus universiti sama ada ianya di peringkat negeri masing-masing ataupun di peringkat nasional ataupun kebangsaan oleh pengurus-pengurus masing-masing. Jadi kita tidak hendak unsur-unsur yang melibatkan sentimen politik sempit semata-mata dapat memberi penjejasan kepada pemikiran ataupun aliran pengurusan pendidikan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga berkenaan sebanyak RM28.8 juta pemberian kepada SIRIM Berhad kerana diaktakan oleh kementerian tadi sebagai satu usaha membantu penyelidikan strategik oleh SIRIM sebanyak RM28.8 juta. Jadi persoalannya walaupun kita menyokong kepada pemberian kepada SIRIM Berhad ini RM28.8 juta tetapi apa yang ingin kita persoalkan ialah apakah dengan penubuhan SIRIM sama ada secara pengkorporatan ataupun penswastaaan kita nampak seolah-olah ada usaha-usaha bantuan, sokongan secara langsung oleh kerajaan. Kalau ini dilaksanakan oleh kerajaan secara berterusan kita yakin matlamat penswastaaan dan matlamat pengkorporatan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan tidak akan mencapai matlamatnya untuk mengurangkan kos beban tanggungan kewangan oleh kerajaan sendiri.

Jadi saya ingin mempersoalkan apakah sejumlah RM28.8 juta ini sebelum SIRIM diberhadkan apakah ianya termaktub di dalam perjanjian asal dari segi jangka panjangnya. Kita memang mengalu-alukan sebuah organisasi seperti SIRIM ini untuk menjadi satu daripada vehicle mempiawaikan perkara-perkara seperti ini. Malah SIRIM Berhad harus mempelopori beberapa perkara yang harus disetandingkan dengan beberapa organisasi-organisasi piawaian yang lain di peringkat antarabangsa. Walaupun jumlah ini agak kecil tetapi saya khuatir ianya merupakan satu daripada trend kepada mana-mana syarikat yang telah dikorporatkan khususnya kepada syarikat-syarikat kerajaan yang telah diswastakan tetapi masih terus menerus mendapat pembiayaan secara langsung oleh kerajaan. Kalau inilah dapat dikawal oleh kerajaan dari segi jangka panjangnya, walaupun kita tahu banyak daripada syarikat-syarikat gergasi kerajaan yang telah diswastakan ataupun dikorporatkan telah dapat berada di dalam pasaran dengan teguh, utuh dan kukuh secara totalnya tetapi perkara-perkara hal seperti ini harus dilihat sebagai satu daripada pendekatan yang mesti diberi kesungguhan oleh kerajaan, supaya

ianya tidak akan menjadi salah satu daripada kelemahan kita menjalankan usaha-usaha penswastaaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menarik perhatian saya seperkara lagi ialah berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan B.19 iaitu sebanyak RM2.5 juta, usaha-usaha kita untuk menjalankan pameran yang telah dilaksanakan untuk mengangkat kedudukan agro-tourism, maklumat berkenaan agro-tourism dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga kita telah dapat beberapa peruntukan jumlah sejuta kepada perkara B.46 yang juga berkaitan dengan perkara-perkara alam sekitar, yang berkaitan dengan kualiti udara dan air. Walaupun ini perkara yang berbeza tetapi saya nampak perkara-perkara ini harus diselaraskan oleh kerajaan, oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan yang berkaitan.

Apa yang mendukacitakan pada hari ini adalah seolah-olah tidak ada koordinasi di antara beberapa kementerian dan jabatan kerajaan. Saya ingin menarik perhatian kepada pembentangan rang undang-undang pada hari ini bahawa sebagai contohnya ialah berkenaan dengan pembangunan perhutanan di negara kita yang mana secara dasarnya kita ada dasar perhutanan negara. Dari segi kuasanya kita mempunyai kuasa di peringkat kerajaan negeri. Dalam masa yang sama perkara yang berkaitan dengan alam sekitar seperti tadahan air dan sebagainya, apatah lagi sungai diletakkan di bawah Kementerian Pertanian. Berkenaan hidupan liar, yang memang menumpang hutan sebagai satu daripada residen hidupan liar kita. Kita nampak perhutanan di negara kita telah menjadi satu daripada aspek penting dalam kita membanteras ataupun membangunkan perkara-perkara yang berkaitan alam sekitar, kualiti air dan perkara-perkara lain.

Banyak di antara peruntukan telah kita belanjakan melalui JPS umpamanya, di bawah Kementerian Pertanian supaya kita dapat mengangkat balik kedudukan sungai-sungai di negara kita. Jadi perkara-perkara ini mempunyai satu hubungan yang amat intim dan rapat di dalam satu perkara yang dinamakan pembangunan alam sekitar. Apatah lagi untuk menyediakan udara yang bersih, air yang mencukupi dan sesuai dengan kehendak pembangunan negara kita. Tetapi kita nampak perhutanan sendiri diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama seolah-olah perhutanan dilihat sebagai satu daripada komoditi semata-mata. Sedangkan pendekatan di negara-negara

sedang membangun apatah lagi negara-negara yang membangun. Kedudukan perhutanan ini harus dijadikan sebagai daripada rakan kita di dalam membangunkan masyarakat.

Kalau kita tengok di negara-negara membangun hutan simpan mereka telah diusahakan secara jayanya supaya kita dapat menyediakan ruang-ruang pembangunan dalam penyediaan udara apatah lagi dalam menyediakan tadahan air yang semakin lupus dari masa ke semasa. Sekiranya kita tidak dapat melihat perhutanan-perhutanan ini sebagai satu daripada faktor ataupun base kepada pembangunan-pembangunan yang lain seperti pengurusan hidupan liar, pengurusan air di peringkat pembangunan sungai-sungai kita, apatah lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan iklim dan cuaca di negara ini, maka saya berkeyakinan kerajaan di masa akan datang terpaksa menyediakan dana yang jauh lebih besar daripada keuntungan yang kita dapat daripada penebangan-penebangan hutan.

Walaupun kita mempunyai dasar supaya kita mempunyai tebangan tahunan secara maksimum. Walaupun hutan kita masih mengikut pandangan ahli-ahli perhutanan di negara kita, yang mana kita masih ditutupi melebihi daripada 50% ataupun di antara 50%-60% tetapi kita harus melihat bahawa membangunkan kawasan tropika seperti negara kita ini harus dilihat dari segi jangka panjang dan dalam bentuk pengurusan yang amat strategik sebenarnya. Saya mencadangkan supaya kerajaan di masa-masa akan datang untuk menilai semula beberapa fungsi jabatan-jabatan ini yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan jabatan masing-masing. Sebagai contohnya, perhutanan harus diisytiharkan sebagai bukan lagi satu sumber komoditi untuk negara tetapi ia harus dilihat sebagai sumber semulajadi yang harus dilihat menjadi satu daripada aset penting untuk menyediakan masa depan kita. Kerana kita mesti faham bahawa hutan yang ada di negara kita ialah pemberian Allah S.W.T. dan bukan milik kita tetapi merupakan milik anak-anak kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya satu kementerian yang berkaitan dengan agensi-agensinya yang berkaitan dengan perhutanan ini termasuk jabatan hidupan liar, sungai-sungai, perkara-perkara yang berkaitan dengan iklim alam sekitar dan sebagainya harus digabungkan supaya di masa-masa akan datang harus ada rancangan yang lebih teliti, yang lebih saksama, yang lebih profesional supaya negara kita tidak akan menanggung beban, beban kos hutang yang tinggi ataupun beban

perbelanjaan yang tinggi untuk mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak pun rakan-rakan pun celik mata kebetulan bulan puasa, saya rakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana dapat memberi kesempatan kepada saya untuk memberi sedikit sebanyak pandangan yang berkaitan dengan pembentangan akta ini, yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2000)(NO.2)2000. Dengan kata-kata itu saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

11.54 pagi

Dato' Dr. Chin Fook Weng. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa kementerian dalam perbincangan Akta Perbekalan Tambahan (2000)(NO.2)2000 ini. Sungguhpun penjelasan-penjelasan telah diberi tentang mengapa perbelanjaan tambahan ini diperlukan, maka saya ada beberapa pandangan di bawah beberapa kementerian. Di dalam penjelasan tadi kita diberitahu permintaan-permintaan yang paling besar dahulu iaitu yang paling besar ialah daripada Perkhidmatan Am Perbendaharaan iaitu B.29. Kebanyakan daripada permohonan ini adalah untuk subsidi petrol bulan Oktober hingga Disember dan amaun itu nampaknya satu yang sangat besar dan ia hanya untuk tempoh tiga bulan. Kalau kita kira subsidi ini diperlukan untuk segenap tahun, maka amaunnya akan dikali empat iaitu RM12 bilion yang kita perlukan sebagai subsidi petroleum sahaja. Maka dengan subsidi yang begitu besar ini tentulah ia tidak akan membebankan rakyat dan rakyat patutlah tahu bahawa petroleum adalah satu perbelanjaan yang mustahak, yang diperlukan dan kerajaan telah mengambil berat tentang masalah ini dan telah mengeluarkan subsidi yang begitu banyak.

Kini rakyat patut menyokong tindakan kerajaan ini. Tetapi daripada apa yang kita baca dalam surat khabar, kita juga mendapati bahawa ada banyak kejadian dalam hal ini oleh kerana harga petroleum di negara-negara jiran kita lebih mahal. Oleh kerana itu banyak daripada petroleum di negara kita yang telah diberi subsidi tinggi dan murah itu telah dikeluarkan. Usaha-usaha haruslah diambil untuk menyekat perkara itu daripada berlaku dan juga tindakan-tindakan harus diambil kepada mereka yang tertangkap.

Baru-baru ini satu kapal dari Myanmar telah membawa keluar diesel semata-mata kerana itu berharga rendah di sini dan boleh dijual dengan harga mahal di negara mereka tetapi apabila ditangkap, saya dapati kompaun denda dan sebagainya itu tidak menjadi satu yang akan mengelak daripada perbuatan semacam ini. Saya minta pihak yang berkenaan supaya mengambil berat tentang perkara ini oleh kerana subsidi yang kita berikan itu adalah satu amaun yang begitu besar dan kalau tidak dikawal dengan baik, maka bukan sahaja rakyat kita itu diberi subsidi, tetapi rakyat di negara-negara jiran juga mendapat subsidi ini. Bagi saya ini tidak harus berlaku. Kalau mereka ini datang sebagai pelancong dan kena mengisikan minyak atau tangki minyak mereka, maka ini kita diberitahu tadi, tidaklah akan menggunakan banyak tetapi, kalau kapal-kapal telah menyeludup diesel ini dan keluarkan, maka kita akan menghadapi masalah yang besar.

Kementerian yang kedua, B.25 ialah Kementerian Pertahanan dan saya dapati dari segi perkhidmatan dan perbekalan untuk penyelenggaraan, satu permohonan sebanyak RM217 juta dipohon. Pada anggaran yang diluluskan untuk tahun 2000, kita luluskan RM323.48 juta dan tadi saya telah membuat pengiraan kasar dan saya dapati permohonan ini ialah sebanyak 67% lebih daripada permintaan asal.

Memandangkan penyelenggaraan adalah satu perkara yang biasa berlaku, bagaimana perkara ini tidak diambil kira dan satu permintaan tambahan yang begitu besar iaitu 67% daripada asal itu diminta boleh berlaku. So, saya minta bahawa perhatian diberi kepada perkara ini supaya kita janganlah selalu minta tambahan seolah-olah dari segi perancangan kita, kita tidak merancang begitu baik sehingga kita perlu minta satu amaun yang begitu besar ini.

Tentang Kementerian Pengangkutan iaitu B.47, yang telah meminta sebanyak RM17.499 juta itu untuk mengeluarkan bangkai kapai 'MV Antai' yang tenggelam pada 24 November, 1997. Pada saya apabila kapal ini tenggelam pada tahun itu, sepatutnya tindakan diambil untuk mengeluarkannya kerana semakin lama semakin susah bagi usaha mengeluarkan kapal ini kerana keadaan laut itu selalu menyusahkan usaha-usaha hendak keluarkan kapal dan juga pelabuhan yang berkenaan tidak dapat digunakan setakat ini dan kita juga telah menghadapi banyak kerugian kerana perkhidmatan itu tidak dapat digunakan setakat ini. So, macam mana perkara ini boleh terbiar sehingga sekarang,

mengambil masa begitu panjang. Sekarang sudah Disember tahun 2000, sudah tiga tahun dan satu perkara semacam ini haruslah kita selesaikan awal-awal.

Saya masih ingat pada tahun 1997 selepas kejadian ini, bila tender-tender itu dipanggil, maka amaun itu adalah lebih rendah daripada apa yang dipohon sekarang. Kalau kita telah mengambil usaha dan tindakan untuk menyelesaikan perkara ini pada tahun itu atau mungkin satu atau lebih daripada satu tahun selepas kejadian itu, mungkin kita boleh berjimat dan saya minta bahawa satu penjelasan kenapa ini telah mengambil masa yang begitu panjang itu patut diberi kepada majlis ini supaya kita tahulah mengapa kita telah perlukan satu perbelanjaan yang lebih daripada kita patut peruntukkan kalau perkara ini diselesaikan awal.

Saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu, B.50. Banyak daripada tambahan ini ialah diminta sebagai *emolument* iaitu untuk kakitangan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan dan amaun yang besar diminta oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung iaitu sebanyak RM475.620 ribu dan ini memang kita patut memberikan kepada kakitangan di kementerian ini kerana ini merupakan kenaikan gaji dan sebagainya.

Tetapi daripada segi usaha kementerian ini untuk mengadakan satu pengangkutan awam yang baik itu memang pada saya masih ada banyak kelemahan. Saya minta bahawa sungguhpun kita sokong kelulusan ini tetapi satu usaha yang lebih diambil terhadap masalah pengangkutan awam kerana tiap-tiap kali bila kita melalui di sini, bila kita balik dari Parlimen, pada tiap-tiap perhentian bas kita lihat ramai orang menunggu bas pada tiap-tiap perhentian bas. Ini merupakan satu perkara yang berlaku tiap-tiap hari dan adakah ini kerana dasar yang diguna oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan itu kurang arif atau kurang baik untuk menyelesaikan perkara ini. Bukan sahaja orang awam tetapi ramai juga kakitangan kerajaan yang menunggu di tiap-tiap perhentian bas oleh kerana dekat dengan Parlimen ini ada beberapa ribu pejabat kementerian.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang B.51 iaitu Kementerian Luar Negeri. Satu permintaan baru sebanyak 'RM60' juta ialah untuk Suhakam iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang baru ini ditubuhkan. Ini merupakan satu perkara yang mustahak di negara kita dan bukan sahaja di dalam negara kita tetapi di luar negara pun banyak pihak-

pihak yang telah melihat bagaimana kerajaan menguruskan perkara hak asasi manusia ini. Bagi saya memang Suhakam ini akan memainkan satu peranan yang begitu mustahak bagi menjelaskan keadaan-keadaan di sini bagi kita menyiasat perkara-perkara yang telah menyusahkan hak asasi manusia dan sungguhpun 'RM6 juta' itu diminta untuk menubuhkan perkhidmatan ini sebagai perkhidmatan sokongan kepada penubuhan ini, saya anggap bahawa perbelanjaan ini amat penting oleh kerana ini merupakan satu perkara yang sering dipertikaikan dan sering diminta oleh banyak pihak.

Hanya satu komen tentang apa yang berlaku baru-baru ini apabila suruhanjaya ini telah menyiasat satu rusuhan yang berlaku dan ada dipertikaikan sama ada ini harus dibuat atau tidak harus dibuat dan banyak perbincangan telah berlaku dan sama ada ini melanggar peruntukan undang-undang dan sebagainya. Kontroversi semacam ini pada saya tidak patut berlaku kerana apabila suruhanjaya ini telah ditubuhkan ia telah diluluskan oleh Parlimen dengan diberi kuasa-kuasa tertentu untuk mereka menyiasat sesuatu dan apabila perkara ini berlaku, maka sama ada itu melanggar undang-undang, ada *contempt of court*, contempt mahkamah dan sebagainya itu patut tidak berlaku lagi. Kalau ini tiap-tiap kali masih dipertikaikan macam mana pendirian kita kepada penubuhan Suhakam ini. Adakah kita benar-benar mahu Suhakam memainkan satu peranan yang penting untuk memberi satu gambaran yang jelas kepada seluruh dunia tentang pendirian Malaysia dalam perkara tentang hak asasi manusia.

Bagi saya adalah lebih baik kalau kontroversi-kontroversi itu dijelaskan secara dalaman dan tidak terbiar sahaja sehingga mungkin sampai satu hari keyakinan semua pihak kepada perkara ini telah dikurangkan.

Kementerian Luar Negeri juga minta satu amaun sebanyak RM16.6 juta untuk menganjurkan Persidangan Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-Negara Islam. Bagi saya ini adalah satu permintaan yang besar dan adakah kita mengkaji sama ada selepas kita menjada tuan rumah kepada persidangan ini, apakah kesan baik yang telah dibawa kepada negara kita. Adakah salah faham di antara umat-umat Islam sama ada di negara kita atau di dunia itu telah dikurangkan akibat daripada kita menganjurkan satu persidangan yang telah menelan perbelanjaan sebanyak 16.6 juta ini.

Saya minta bahawa perkara-perkara ini harus dikaji dari segi apakah kebaikan satu persidangan ini telah membawa kepada negara kita dan sama ada masalah-masalah

dalam kita juga telah diselesaikan ataupun kita hanya menggunakan arena ini untuk menunjuk sesuatu. Apakah kesan kebaikan kepada kita? Adakah pendirian kita telah diterima oleh semua menteri-menteri yang datang untuk persidangan ini ataupun sama ada peranan kita sebagai pemimpin di dunia Islam ini telah dihargai dan diambil kira oleh mereka yang hadir pada persidangan ini.

Semua perkara ini pada saya harus dikaji dan sama ada kita pada masa akan datang harus menganjurkan satu lagi persidangan semacam ini, patutlah kita juga membuat keputusan selepas mengambil kira apa kajian kebaikan persidangan yang lalu ini selepas kita mendapat semua unsur-unsur kajian itu. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kelulusan permintaan ini. Terima kasih.

12.17 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan tahniah atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua untuk mempengerusikan Dewan kita pada pagi yang mulia ini. Yang kedua, saya ucapkan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk saya turut serta membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2000)(NO.2)2000.

Saya ingin menarik perhatian kepada B.19 iaitu mengenai Permohonan Tambahan yang dikemukakan oleh Kementerian Pertanian. Permohonan yang diminta sebanyak RM12,935,577 untuk menampung perbelanjaan skim baja padi bagi tahun 1997 dan juga bagi tahun 1998 dan 1999. Persoalan yang saya hendak kemukakan kepada kementerian di sini buat pertamanya ialah kenapakah perbelanjaan yang dibuat sudah lanjut tempohnya sampai tiga tahun, baru pada tahun ini dimohon perbelanjaan itu. Itu yang pertama.

Yang keduanya, walau apa pun keadaannya saya sebagai seorang petani mengucapkan terima kasih kerana ada bantuan baja padi ini kepada petani-petani di kawasan-kawasan mereka bertani ataupun menanam padi. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian bahawa pada waktu ini semua jenis pertanian yang diusahakan oleh petani-petani hasil keluaran yang mereka perolehi sangatlah mendukacitakan. Harga padi pun pada tahun ini saya difahamkan telah menurun. Oleh yang demikian itu, walaupun baja kita berikan kepada petani tetapi kalau sekiranya harga padi itu sangat

rendah, maka hasil yang diperolehi oleh petani-petani juga sangat mendukacitakan kita. Itu dari segi padi.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang kelapa. Saya difahamkan walaupun di Kuala Lumpur ini harga kelapa masih lagi RM1 sebiji tetapi di kampung harga kelapa ialah 15 sen sebiji. Dan upah kait kelapa ini saya diberitahu oleh pekerja-pekerja kebun kelapa, sekarang tiap-tiap 1000 biji ialah RM60. Dan upah mengupas kelapa itu bagi tiap-tiap 1000 biji ialah RM50. Ini bermakna pekebun kelapa hanyalah berbaki antara 2 sen hingga 3 sen sahaja bagi tiap-tiap sebiji. Bermakna jika sekiranya seorang pekebun kelapa boleh menghasilkan 1000 biji bagi tiap-tiap seekar tanah mereka dan sekarang ini tidak boleh dapat 1000 biji seekar, maknanya dia hanya dapat sekitar RM30 sahaja lagi. Dan RM30 ini kalau kita bagi biasanya jadual mengait kelapanya tiga bulan sekali. RM30 dibahagi dengan tiga bulan hasilnya tinggal RM10 sahaja bagi tiap-tiap satu bulan bagi pekebun kelapa. Setahu saya pekebun kelapa di kawasan sebelah sini iaitu sebelah Tanjung Karang, Sabak Bernam alhamdulillah mereka biasanya memiliki satu lot tanah kebun kelapa luasnya 5 ekar. Dan saya difahamkan 5 ekar itu untuk tiga bulan paling banyak boleh menghasilkan 3000 hingga 4000 biji.

Oleh yang demikian itu, saya juga ingin supaya Kementerian Pertanian bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Utama untuk mengkaji dan meneliti ataupun mengikhtiarkan bagaimanakah supaya harga padi dan kelapa ini dapat dinaikkan, supaya rakyat yang tinggal di luar bandar ini dapat ditingkatkan taraf hidup mereka kerana kita banyak bercakap tentang pembangunan yang mendapat keuntungan daripada pembangunan untuk orang-orang di bandar. Jadi saya bagi pihak petani ingin mengemukakan persoalan ini dan saya kira Kementerian Pertanian boleh turun ke padang untuk mengkaji dan meneliti perkara ini supaya mereka (kementerian) dapat membuat pertimbangan yang sebaik-baiknya bagi meningkatkan perolehan para petani. Itu pada padi dan kelapa.

Sekarang ini kelapa sawit pula. Saya difahamkan kalau dahulu kelapa sawit harganya sampai RM300 hingga RM400 satu tan tetapi sekarang ini tinggal antara RM70 hingga RM80 sahaja satu tan. Dan perbelanjaan bagi menguruskan dan mengeluarkan kelapa sawit ini tiap-tiap satu tan lebih daripada RM50. Saya difahamkan oleh petani-petani ataupun penanam-penanam kelapa sawit, hasil yang mereka perolehi tiap-tiap

bulan satu tan hanyalah sekitar RM35 hingga RM40. Jadi dengan sebab itu saya mengharapkan kepada Kementerian Pertanian yang telah meminta perbelanjaan tambahan yang begitu banyak bagi mempertingkatkan ataupun bagi menggalakkan petani-petani kita supaya mereka terus menjalankan usaha-usaha pertanian mereka, kerana ini adalah sangat penting bagi negara kita sekarang ini walaupun kita mengutamakan perindustrian tetapi kita harap soal pertanian ini janganlah kita kebelakangan.

Secara umumnya saya melihat perbelanjaan tambahan yang dipohon ini kebanyakannya adalah untuk menampung 10% kenaikan gaji. Yang keduanya yang paling besar sekali ialah imbuhan tetap perumahan. Oleh kerana imbuhan tetap perumahan dan kenaikan gaji ini melibatkan pekerja-pekerja pertengahan dan juga pekerja-pekerja yang memerlukan kepada imbuhan perumahan maka saya boleh sependapat dengan pihak kementerian yang telah menyiapkan atau memohon belanjawan tambahan ini demi kepentingan pegawai-pegawai awam yang memerlukan bantuan perumahan dan kenaikan gaji.

Saya juga ingin bercakap tentang Kementerian Perusahaan Utama. Kementerian Perusahaan Utama telah memohon perbelanjaan tambahan sebanyak RM1,394 juta di bawah Lembaga Koko Malaysia. Saya mengharapkan supaya Lembaga Koko Malaysia ini mengambil perhatian berat terhadap petani-petani ataupun penanam-penanam koko saiz sederhana bukan ladang-ladang besar sahaja kerana kita dapati sekarang ini petani-petani yang menanam koko ini, saya tidak tahulah di tempat lain tetapi di tempat yang saya perhatikan kebanyakan ladang-ladang koko ini terutama yang ditanam di celah-celah kebun kelapa sawit ataupun kebun kelapa telah ditebang. Jadi permohonan yang begini besar kita harapkan juga akan dilimpahkan, saya gunakan perkataan 'dilimpahkan', dilimpahkan kepada pekebun-pekebun kecil koko. Mudah-mudahan dengan yang demikian Lembaga Koko Malaysia ini bukan sahaja berusaha untuk mengawal harga koko kerana harga koko pun jatuh sekarang ini daripada dahulu yang pernah meningkat sampai RM2 satu kilogram koko basah dan sekarang ini hanya lebih kurang antara 60 sen hingga 70 sen.

Jadi semua hasil pengeluaran yang diusahakan oleh para petani nampaknya dari segi penghasilan pendapatan mereka sangat berkurangan. Oleh yang demikian,

Kementerian Perusahaan Utama yang juga saya difahamkan bahawa Kementerian Perusahaan Utama ini terlibat dengan persoalan penentuan harga kelapa ataupun sekurang-kurangnya kementerian ini boleh berusaha untuk menentukan harga kelapa supaya harga kelapa itu tidak terus jatuh. Dan yang kita hairan dikatakan bahawa di negara kita ini kadang-kadang dikatakan kekurangan kelapa ataupun lebih kelapa, sedang harga kelapa sebagaimana yang saya katakan tadi di Kuala Lumpur masih lagi sekitar RM1 dan yang kita hairan kelapa ini dibawa dari luar, berkapal-kapal dibawa masuk daripada luar negeri sedangkan kelapa-kelapa di dalam negeri kita ini masih ada dan sepatutnya diikhtiarkan supaya harga kelapa itu meningkat.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh tentang Maksud B.26 iaitu Kementerian Pendidikan. Saya berterima kasih kerana Kementerian Pendidikan telah memohon perutukan yang begitu besar untuk memperbesarkan dan memperluaskan lagi kegiatan Universiti Islam Antarabangsa. Walau bagaimanapun saya ingin memberikan penjelasan sedikit terhadap apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rosli, ya? *[Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan]* Mengatakan kononnya ada sebuah parti politik yang telah menggunakan kolej-kolej sama ada kolej yang ditaja oleh kerajaan negeri atau pusat untuk dijadikan pusat kegiatan bagi sebuah parti politik.

Saya rasa apa dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah satu tuduhan liar yang sebenarnya perkara itu tidak berlaku kerana ada penafian-penafian yang dibuat kemudiannya bahawa kolej yang disebutkan atau yang dimaksudkan itu tidaklah menjadi tempat ataupun sarang kepada kegiatan bagi sebuah parti politik di negara kita ini. Kerana, Yang Berhormat sekalian tahu dari segi pelajar-pelajar universiti ini, mereka mempunyai pemikiran yang sudah matang di mana mereka boleh membezakan di antara perkara yang buruk dengan yang baik, di antara yang tidak betul dengan yang betul. Saya rasa melalui pemikiran yang ada di kalangan pelajar-pelajar kita, siswa-siswi kita, kita tidak seharusnya mempertikaikan, menyekat perkembangan minda dan pemikiran mereka. Mereka adalah seorang pelajar yang meneruskan pelajaran mereka bukan sahaja terus kepada peringkat universiti tetapi mereka menemui berbagai peringkat rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat universiti. Jadi adalah tidak tepat kalau kita mengatakan bahawa ...

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tumpang bertanya kepada Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri mengenai kolej-kolej sama ada tempatan ataupun luar negara, adakah kolej itu sendiri mempunyai ahli lembaga pengarah dan ada *syllabus*, sukatan yang tertentu. Jadi bagaimana kita merasa satu tuduhan yang belum dikaji. Jadi saya rasa mungkin sesiapa yang ingin membuat satu tuduhan perlu membuat kajian dan mempunyai fakta yang cukup, baru kita boleh. Ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya yang menjawab ialah Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan atau Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan tetapi oleh kerana tidak ada seorang pun sama ada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri Pendidikan dan Setiausaha Parlimen saya kira ini juga satu peringatan kepada kita supaya setiap Menteri atau sekurang-kurangnya Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen dalam sesi perbahasan yang seperti ini mereka sepatutnya menghadirkan diri kerana kalau ditujukan soalan ini kepada saya tentulah, saya bukan Menteri Pendidikan saya hanya boleh menjawab sekadar pengetahuan yang ada pada saya. Saya kira semua IPTS dan IPTA itu memang ada lembaganya. Biasanya IPTS dikendalikan oleh syarikat-syarikat tertentu dan ia ada lembaganya sendiri dan kita tahu bahawa sesungguhnya ada setengah pengajian Islam saya sebutkan ada setengah kolej-kolej itu yang mendapat pengiktirafan terus daripada Azhar University dan ada pelajar-pelajar yang dibenarkan meneruskan pengajian mereka setakat Diploma kemudian Tahun 4 mereka akan meneruskan pengajian mereka ke Azhar University untuk mendapatkan Ijazah penuh.

Begitu juga dengan universiti di Sudan dan negeri-negeri yang lain seperti Indonesia seperti IAIN Indonesia dan sebagainya. Dan selain daripada itu IPTS ini sukatan pelajarannya telah dikendalikan dan diluluskan oleh LAN. Jadi bukanlah maknanya semua IPTS yang ada di negara kita ini, pada fahaman saya yang bukan Menteri ini ia berjalan ikut suka hati sahaja. Semuanya diperhatikan oleh LAN dan juga pihak kementerian, dari segi bangunan misalnya, terlibat juga Majlis Perbadaran, kalau di Bandar raya Majlis Bandaraya dan terlibat juga Jabatan Bomba dan sebagainya. Tidaklah dibuat sesebuah kolej itu ikut suka hati, tidak boleh. Dan demikian juga dari segi pelajaran dan perkembangan pelajarannya mengikut yang saya faham sekali lagi

ulang saya bukan Menteri Pendidikan yang saya faham bahawa sesungguhnya ianya diperhatikan oleh jabatan pengajian tinggi swasta di Kementerian Pendidikan.

Jika sekiranya sesebuah kolej itu kalau LAN saya difahamkan, hendak luluskan satu-satu kursus ia kena tengok juga perpustakaan kalau ada dua tiga buah buku hendak buka satu kursus, tidak boleh. Itu tidak akan diluluskan sama sekali. Dan kementerian biasanya membuat pemantauan dari kolej ke kolej. LAN juga membuat pemantauan, ini yang saya tahulah. Jadi dengan sebab itu tidak timbul dan kita tidaklah seharusnya sangsi kepada anak-anak kita semata-mata kerana mereka mungkin mempunyai aliran pemikiran yang lain daripada kita. Sebab itulah dalam Islam Yang Berhormat sekalian ia melayani dan mengambil kira terhadap perselisihan pendapat. Nabi kita Muhammad S.A.W kata [*Membaca sepotong Hadis*] Yang bermaksud “Perselisihan pendapat di antara umat kita itu mudah-mudahan akan menjadi rahmat”.

Saya hendak bagi contoh bagaimana ulama-ulama fikah Islam selisih pendapat. Dan tuan-tuan pun boleh tengok. Saya bagi contoh sahaja, yang bukan Islam boleh tengok. Misalnya dari segi kita *qiam* – meletakkan tangan waktu *qiam*. Ada ulama kata, “Allahu Akbar” letak sini [*Menunjukkan gaya mengangkat takbir semasa solat*] Yang Berhormat semua boleh tengok, ada orang sembahyang dia letak sini. Ada setengah mazhab kata “Allahu Akbar” letak di sini. Itu orang Mazhab Shafie. Ada lagi satu relek sahaja. Ini orang mazhab Hanafi. Allahu Akbar, dia letak begitu. Sesuka hati letak begitu. Ada lagi yang lagi lebih daripada itu. Allahu Akbar, dia letak lurus sahaja. Ada orang kata ini Syiah tetapi bukannya Syiah sahaja, Maliki pun begitu. Kalau kita pergi Sudan, pergi Tunisia, pergi sebahagian daripada negara Maghribi kita akan jumpa orang sembahyang macam ini. Semua ini sah. Semua ulama-ulama sepakat mengatakan sembahyang mereka adalah sah. Beginilah Yang Berhormat sekalian, Islam melihat bagaimana perselisihan pendapat berlaku, dilayani dan ditulis pula dalam buku-buku. Kita baru jumpa sedikit perselisihan pendapat, lalu kita hendak jadikan perselisihan pendapat ini satu asas kononnya masyarakat kita berpecah. Saya rasa ini adalah suatu pertimbangan yang tidak betul.

Kembali kepada Kementerian Pendidikan, saya mengharapkan supaya peruntukan tambahan ini, saya sudah tegur, dengan Yang Berhormat yang lain dalam sidang Dewan

yang lalu kerana tambahan yang begitu besar yang tadi juga disebut oleh Yang Berhormat

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi saya ingin barangkali Yang Berhormat Tuan Rosli tidak ada di sini, apa yang dimaksudkan ialah sebenarnya bukan yang tersurat tetapi apa yang tersirat yang benar-benar berlaku. Jadi ianya dari segi pemantauan dan sebagainya saya rasa memang betul. Tetapi apa masalah yang sedang berlaku ini yang sedang diperkatakan. Dan yang kedua masalah khilafiah yang disebutkan tadi. Memang kita akui di kalangan umat Islam mempunyai pelbagai mazhab, cara yang telah diiktiraf dan saya rasa Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa masalah-masalah khilafiah ini sudah selesai berzaman sudah. Umat Islam sudah bersatu dan tegas bahawa segala benda yang khilafiah ini tidak boleh dipertikaikan lagi, tidak perlu dipertikaikan lagi tetapi apa yang berlaku sekarang membimbangkan kita. Khilafiah yang dibawa bukan sahaja dari segi masalah agama tetapi berbagai-bagai. Jadi inilah yang membimbangkan kita, bukan masalah yang berkaitan dengan mazhab yang sudah jelas. Segala ulama kita yang berbagai-bagai mazhab sudah perjelaskan bermakna mereka menerima baik di antara satu dengan yang lain, mereka menghormati satu dengan yang lain, begitu harmoni sekali. Tetapi apa yang dibimbangkan sekarang ialah unsur-unsur yang boleh membawa kepada perpecahan umat Islam itu sendiri ternyata kita sama-sama rasakan. Kalau ini berlaku siapa yang akan rugi. Ini persoalannya. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang telah menekankan bahawa kononnya ada perpecahan yang begitu hebat di kalangan umat Islam di negara kita ini. Bagi saya perpecahan yang ada ini ataupun perselisihan yang berlaku di kalangan kita bukan sahaja umat Islam malah rakyat negara ini, pertama sekali kerana kita menerima suatu konsep bahawa negara kita ini mengamalkan dasar demokrasi berparlimen, demokrasi berpilihan raya. Dan dengan itu memaksakan rakyat negara kita ini menubuhkan kumpulan-kumpulan. Dan janganlah difahamkan kumpulan-kumpulan ataupun parti-parti ini sebagai satu asas pertembungan, asas perselisihan yang tidak boleh diperbetulkan. Sebenarnya kalau kita memahami konsep demokrasi itu sendiri, saya rasa tidak akan

menjadi sebab kenapa kita harus berpecah sampai begitu jauh. Cuma kadang-kadang dalam ucapan-ucapan, bukan sahaja yang kecil tetapi yang besar juga yang di atas kadang-kadang melakukan pelanggaran-pelanggaran yang kadang-kadang boleh membawa kepada..., saya belum boleh katakan perpecahan tetapi mungkin kepada perselisihan pendapat yang bagi saya masih boleh diperbetulkan. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat misalnya perlu memberikan perhatian kepada kerajaan-kerajaan negeri dengan sewajarnya kalau ada perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh kerajaan negeri misalnya dengan pihak-pihak tertentu saya katakan walaupun misalnya pihak Pusat ada kuasa tetapi sepatutnya, yang sewajarnya untuk menghidupkan semangat persaudaraan, toleransi apa lagi dalam negara yang mengamalkan dasar federalisme ini, persekutuan ini kita seharusnya memanggil anak-anak kita itu untuk duduk berbincang, berunding kemudian barulah kita mengambil apa-apa keputusan supaya didengar oleh anak-anak itu. Di sini sebuah negeri itu 'anak' Pusatnyalah. Sebab itu walau apapun keadaannya..., saya masih belum berani hendak mengatakan bahawa itu suatu perpecahan kerana kita masih lagi dalam usaha untuk mencari jalan supaya diadakan berbagai macam perundingan.

Jadi, dengan sebab itu, janganlah kita terlalu merasa dukacita dan janganlah kita melemparkan tuduhan-tuduhan yang kadang-kadang menimbulkan tuduhan seperti yang tadi diulang oleh Yang Berhormat dari Terengganu, *extreme*. Sering kali perkataan *extreme* dan pelampau ini dikatakan kepada kumpulan-kumpulan, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat yang tidak beragama Islam, kepada kumpulan-kumpulan Islam di mana sahaja. Ini bukan sahaja di Malaysia, di seluruh dunia ianya dipelopori oleh Amerika. Saya tahu ia dipelopori oleh Amerika. Semua gerakan Islam di dunia ini dikatakan ganas, perompak, penyamun, pengacau dan sebagainya tetapi saudara-saudara Yang Berhormat sekalian, tahukah kita ada sesetengah negara sabar sampai 70 tahun. Chechnya, misalnya, bersabar sampai 74 tahun.

Saya tidak mahu menyebut negara-negara jiran yang mereka itu begitu sabar. Kemudian apabila mereka bangun menentang kekejaman, keganasan dan kezaliman itu, mereka dikatakan orang yang ganas. Saya rasa ini satu tuduhan yang tidak wajar. Apalagi kalau tuduhan itu timbul di kalangan orang Islam sendiri. Saya sangat dukacita kalau tuduhan-tuduhan atau tohmahan-tohmahan ini terus dilemparkan kepada gerakan

Islam. Kita boleh duduk berbincang, berapa kali saya sebutkan di dalam Dewan ini. Kita boleh duduk dan berbincang dalam apa jua hal.

Kalau dalam keadaan perang pun, boleh berbincang dan berunding lagi, kenapa kita belum perang pun, perang pilihan raya sahajalah kalau ada, kita tidak boleh berbincang. Kita tidak boleh duduk untuk menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi.

Tuan Long bin Jidin: Yang Berhormat, ada laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan sedikit. Saya amat gembira sekali mendengarkan ucapan daripada Ustaz Hassan tadi berkenaan dengan bagaimana Amerika begitu mempunyai persepsi yang amat buruk terhadap Islam sebagai agama. Dia buatnya wayang gambar dia, semuanya mengutuk orang Islam sebagai kumpulan yang ganas. Inilah imej dan gambaran yang dibuat. Tetapi pada masa yang sama, ada sekumpulan manusia daripada kumpulan pembangkang yang pergi ke Amerika yang dianggap jahat ini dan agak menentang Islam ini, merayu kepada Amerika supaya masuk campur dengan kedudukan pengurusan di negara kita ini.

Jadi, bagaimanakah kita hendak mencari jalan penyelesaian, dalam parti-parti komponen pembangkang ada manusia, warganegara Malaysia pergi ke Amerika buat sabotaj, katakan janganlah berunding, janganlah berniaga dengan Malaysia kerana teruk sangat keadaan perundangan dan sebagainya. Dia merayu ke sana, walhal orang Amerika sendiri seperti yang dipersetujui oleh sahabat saya tadi, memang mempunyai gambaran yang teruk sekali terhadap agama di negara kita ini. Jadi, macam mana benda ini boleh berlaku?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ini bulan puasa, tengahari, eloklah kita panaskan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, itulah sifat manusia. Walaupun manusia itu satu parti, saya tidak hendak kata mana-mana parti, orang Melayu kata “rambut sama hitam, hati lain-lain”. Saya ingat dalam BN pun begitulah. Tidaklah banyak sangat bezanya.

Saya pun tidak hendak pastikan sama ada mereka itu buat ataupun tidak, saya tidak tahu tetapi dengan 'langit terbuka' ini, semua orang boleh buat apa-apa. Itu jangan kita menyesal pula. Kita sendiri pun menerima konsep, 'langit terbuka'. Siapa pun boleh buat. Apa pun boleh kita buat pada masa ini. Walau bagaimanapun, kalau benar tetapi saya belum tahu lagi dan kerana kita belum tahu lagi tetapi kalau benar, kita menyatakan

bahawa tindakan yang seperti itu tidaklah sewajarnya dilakukan oleh sesiapa pun, sama ada daripada pihak mana pun, adalah tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada tajuk kerana tadi banyak gangguan. Jadi, saya ucap terima kasih banyak kepada Kementerian Pendidikan, walaupun ia mohon peruntukan yang begitu besar bagi kali yang kedua pada tahun ini, kita mengharapkan supaya Kementerian Pendidikan dapat menjalankan usaha-usaha yang baik dan adil dan janganlah, kalau ada anak-anak kita yang mempunyai fikiran yang berbeza dengan kita dan berbeza dengan bapa mereka, kita lekas menuding jari bahawa mereka itu sebagai pengkhianat dan sebagainya. Itu belum tentu lagi.

Jadi, dengan sebab itulah, melalui peruntukan yang ada ini, saya mohon pihak kementerian menggunakan seluruh kebijaksanaannya untuk kepentingan anak-anak kita pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu juga, saya ingin menarik perhatian tentang peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pertahanan. Tadi telah disebutkan oleh sahabat kita bahawa sesungguhnya di antara peruntukan yang dipohon begitu banyak iatu sebanyak RM217 juta ialah untuk menampung kos penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia. Walaupun peruntukan tambahan yang dipohon ini kita kira sebagai satu peruntukan yang munasabah, kita mengharapkan kepada Kementerian Pertahanan supaya memperketatkan lagi kawalan udara terutama sekali di kawasan-kawasan yang pada perhitungan kita boleh dimasuki oleh orang-orang tertentu, untuk menawan orang-orang kita dan sebagainya, kemudian dijadikan tebusan.

Saya harap supaya Kementerian Pertahanan akan melipatgandakan rondaan udara, terutama sekali di kawasan-kawasan dan di pulau-pulau yang begitu banyak di negara ini dan di kawasan Nusantara kita ini yang boleh mendedahkan negara kita kepada ancaman keselamatan daripada mereka yang mungkin akan melakukan sesuatu yang kita tidak ingini dan kita mengharapkan kerjasama yang sebaik-baiknya daripada pihak angkatan tentera dan pihak polis untuk mengawal keselamatan yang kadang-kadang kita dengar kegelisahan dari kalangan rakyat negara kita ini terhadap ancaman-ancaman yang sering mengganggu mereka di kawasan perairan dan juga di kawasan pantai dan sebagainya.

Oleh yang demikian itu, saya mengharapkan semoga Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri iaitu pihak polis, dapat memperketatkan

lagi kawalan di pantai dan juga yang boleh diperhatikan daripada udara menggunakan pesawat udara bagi mengawasi pantai-pantai kita yang begitu terbuka dan terdedah kepada gangguan mereka yang cuba atau yang suka membuat gangguan kepada kita. Terima kasih.

Tuan Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

12.47 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan)(NO.2)2000.

Saya suka menarik perhatian kepada Maksud B.20, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mana memohon peruntukan tambahan sebanyak RM1,398,300. Jadi, kita mengharapkan supaya peruntukan tambahan ini dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Bukan sahaja untuk pengurusan perindustrian tetapi apa yang penting ialah kebajikan para pekerja perlu diberi perhatian terutama di bulan Ramadan *al-mubarak* yang mulia ini.

Apa yang kita perhatikan, kita sungguh prihatin dengan nasib para pekerja kilang yang kadang-kadang ada di kalangan mereka yang terpaksa turun daripada rumah sebelum subuh. Sebelum subuh, mereka terpaksa menunggu bas atau kenderaan untuk ke tempat kerja. Jadi, kita mengharapkan pihak kerajaan supaya memberi perhatian yang serius kepada mereka ini, terutama mereka yang bekerja kerana menanggung nafkah anak ramai dan keluarga yang besar.

Pihak kementerian sepatutnya membuat suatu pilihan kepada mereka, di antaranya membina tempat seperti asrama yang diadakan penyelia di tempat asrama itu. Bukan sahaja asrama yang hanya diduduki tanpa kawalan. Sebab apa yang kita lihat, gejala sosial yang berlaku di kalangan pekerja-pekerja kilang berpunca daripada tidak ada kawalan. Jadi, kita mengharapkan supaya pihak kementerian memanfaatkan peruntukan yang diberi oleh kerajaan ini sebaik mungkin untuk kebajikan para pekerjanya.

Begitu juga kita tengok bagaimana pekerja-pekerja kilang ini yang terpaksa bertugas di sebelah malam. Jadi, sepatutnya pihak kerajaan prihatin terutama kepada pekerja-pekerja wanita supaya diberi kerja syif siang supaya keselamatan pekerja itu dapat diberi perhatian dengan baik sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan

Kelantan. Begitu juga kalau kita tengok di Kelantan, di bulan Ramadan ini, Kerajaan Kelantan telah mengarahkan supaya pekerja-pekerja perempuannya balik awal supaya memberi peluang kepada mereka untuk menyediakan makanan untuk keluarga berbuka puasa. Ini satu tanggungjawab kerajaan.

Kerajaan tidak hanya bertanggungjawab memberi peruntukan kepada rakyat untuk program-program tertentu tetapi dari segi untuk mendidik keluarga, kita lihat hari ini, bagaimana kerosakan institusi keluarga berlaku dengan banyaknya – perceraian berlaku berpunca daripada rosaknya rumah tangga. Kebanyakan ibu dan bapa yang keluar bekerja, yang membuatkan mereka tidak ada masa untuk memberi perhatian kepada anak-anak. Jadi, sepatutnya kerajaan memberi perhatian supaya balik awal di bulan Ramadan ini terutama di kalangan pekerja-pekerja wanita.

Begitu juga bimbingan agama kepada pekerja-pekerja kilang. Kita sangat sedih bagaimana kita lihat hari ini mereka yang bekerja tidak ada masa untuk mereka memberi perhatian kepada ilmu, sedangkan ilmu ini satu perkara penting bagi kita. Sebab sebagai seorang manusia, kita hidup di dunia ini, tanggungjawab kita bukan sahaja dalam ekonomi tetapi tanggungjawab kita yang sangat besar iaitu tanggungjawab kita dengan Tuhan pencipta langit dan bumi iaitu Allah S.W.T. Kita mesti berhajat kepada dunia pun hendak ilmu, hendak kepada akhirat pun perlu ilmu.

Maka, mesti ada peruntukan untuk pekerja-pekerja untuk mereka mendapat ilmu sama ada dengan meletakkan guru-guru agama di tempat-tempat kilang ataupun di tempat-tempat asrama dan memberikan hak masa khas. Kita tidak mahu terlibat di antara pekerja-pekerja kita yang tidak dapat keluar masa bekerja untuk sembahyang kerana majikan ataupun *manager* itu bukan orang Islam yang menghalang mereka daripada sembahyang. Ini satu perkara yang amat menyedihkan. Jadi, kita harap supaya perkara ini menjadi perhatian kepada kerajaan.

Begitu juga saya suka menarik perhatian kepada Maksud B.19, Kementerian Pertanian berkaitan dengan pemberian subsidi baja padi. Saya tertarik dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli tadi yang menerangkan sebab ada parti politik yang mengamalkan konsep politik sempit. Mungkin Yang Berhormat sekalian tidak tahu apa yang sedang berlaku dalam masalah subsidi baja padi di Kelantan sekarang ini. Apa yang mengejutkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan yang lalu,

bagaimana diperjelaskan baja subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan kepada rakyat itu, ada di kalangnya rakyat terpaksa untuk terima baja itu, terpaksa minta tandatangan JKK dahulu. Kalau tidak lulus tandatangan JKK, tidak dapat terima baja.

Mungkin kerajaan tidak sedar perkara ini berlaku. Kalau kita lihat baja padi yang diberi subsidi ini dicap dengan dacing, sedangkan kita tahu yang dacing ini adalah lambang parti BN, bukan lambang Kerajaan Malaysia. Jadi, macam mana ini? Sedangkan peruntukan dan duit ini adalah duit negara bermakna duit rakyat, bukan duit parti. Jadi, sepatutnya kita memberi perhatian supaya tidak ada lagi tuduhan sebelah pihak sahaja mengamalkan politik sempit.

Jadi, dengan itu, saya mohon mencadangkan. Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Long bin Jidin: Puan Jamilah

12.55 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Mikrofon tidak dihidupkan]* ...mengambil masa yang sedikit sahaja untuk turut bersama-sama memberi pandangan dalam perbahasan Perbekalan Tambahan 2000.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang bermurah hati memberi peruntukan yang banyak kepada kakitangan perkhidmatan awam. Yang saya merasai ini adalah kena pada waktunya. Saya ingin sentuh di sini, pembahagian tersebut hendaklah pihak kerajaan betul-betul memberi peruntukan ini secara adil kepada semua jawatan kakitangan awam dan terutamanya berilah tumpuan yang agak lebih kepada kategori perkhidmatan awam yang berjawatan rendah selari dengan peningkatan taraf hidup rakyat dalam negara kita.

Langkah ini mungkin menjadi salah satu faktor atau menjadi salah satu inspirasi kepada kakitangan perkhidmatan peringkat rendah untuk memastikan mereka kekal berada di dalam sektor kerajaan dan mereka tidak lari kepada sektor swasta kerana mereka dibela dan diberi perhatian yang berterusan seperti ini, maka tentu sekali kita tidak dapat menafikan bahawa khidmat mereka bagi memajukan negara ini selaras dengan kehendak ini di antara banyaknya jasa yang telah mereka berikan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit lagi iaitu penjelasan yang diberikan dalam peruntukan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini diberi sejumlah yang

besar kepada Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kementerian bahawa UIA ini adalah universiti dalam peringkat antarabangsa, tidakkah negara umat Islam yang lain juga turut menampung dan memberi peruntukan bagi memajukan dan menaiktarafkan kedudukan UIA itu sendiri bagi memastikan keselesaan dapat dilaksanakan dalam soal pendidikan di UIA.

Dan saya ingin tahu, bagaimana universiti-universiti tempatan kita seperti mana universiti sulung kita iaitu Universiti Malaya misalnya, kemungkinan juga ini universiti yang lama, jika pihak kementerian dan saya berbesar hati kalau boleh kita pergi melihat sendiri peralatan-peralatan, *facilities* yang ada di sana mungkin sudah ada kepada peringkat peralatan yang boleh dihapuskan. Itu satu andaian. Saya tidak pasti kerana kita tidak ada ruang untuk pergi memantau.

Jadi, tentulah universiti-universiti tempatan juga memerlukan peruntukan bagi pembangunan pendidikan seterusnya. Jadi, saya rasa perlulah kepada peruntukan tambahan di lain kali, pihak kerajaan dan pihak Kementerian Pendidikan membuat pemantauan awal kepada semua universiti tempatan kita kerana keperluan peningkatan keilmuan itu harus disamatarafkan keseluruhannya.

Saya rasa setakat itu sahajalah pandangan saya dan saya turut menyokong Belanjawan 2000. Terima kasih.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok satu minit lagi. Jadi, saya ingat oleh kerana jam kita hampir pukul 1.00 petang, saya tangguh dahulu mesyuarat Dewan ini sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengahari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang .

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Siapa akan bahas? Ya, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh.

2.30 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Saya merujuk kepada Maksud B.19 iaitu Kementerian Pertanian dalam perkara Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak timbulkan ialah berhubung dengan harga sayur-sayuran dan juga harga ikan di pasar-pasar yang mana bagi suri-suri rumah tangga, memanglah mereka merasakan bahawa harga-harga yang ditentukan di pasar-pasar itu tinggi dan kalau boleh di sini saya meminta kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mengadakan satu mekanisme supaya harga-harga ini dapat diturunkan kerana kita tahu bahawa dengan keadaan ekonomi negara kita yang merosot dan juga dengan pendapatan isi rumah yang tidak setinggi mana khususnya di negeri Terengganu.

Jadi, perkara ini perlu diberikan satu perhatian dan juga dari segi keadaan produk-produk yang dijual itu kalaulah katakan ikan, saya sendirilah melihatkan bahawa kalau ikan itu disimpan beku dan kemudiannya dijual, kita melihat bahawa ikan yang disimpan beku itu tidak menarik selera kita. Mungkin Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dapat membuat satu penyelidikan bagaimanakah hendak mengadakan satu bentuk simpan beku yang lebih berkesan supaya barang-barang yang dijual itu, khususnya ikan itu berada dalam keadaan yang menjadi minat kepada pengguna-pengguna.

Kemudiannya Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.46 iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berhubung dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara yang mana kebelakangan kita sering mendengar iaitu hidupan-hidupan liar ini mengganggu keselamatan dan juga harta pekebun-pekebun dan juga petani-petani.

Jadi, mintalah supaya pihak jabatan dapat mengadakan langkah-langkah yang lebih berkesan supaya hidupan liar itu seperti gajah dan juga harimau-harimau itu tidak mengganggu manusia.

Jadi, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

2.34 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang disampaikan oleh pihak kerajaan, Akta Perbekalan Tambahan 2000 yang berjumlah sebanyak RM4.9 bilion. Terutama sekali saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana peka dengan pengurusan kakitangan-

kakitangan dan pekerja-pekerja kerajaan yang mana janji 10% ditunaikan, 10% daripada gaji dinaikkan dan juga Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) pun diberi sehingga 50%.

Ini adalah bertujuan bagi menentukan kakitangan-kakitangan kerajaan peka dan prihatin juga dengan dasar-dasar yang hendak dilaksanakan terutama sekali dalam keadaan kita mengatasi masalah pembangunan setelah berdepan dengan krisis ekonomi pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bab-bab yang banyak ini Maksud B.29 yang terbanyak sekali iaitu jumlah RM3.34 bilion semata-mata untuk pihak kerajaan hendak memberikan keselesaan hidup kepada orang ramai di mana minyak, gas, cecair dan sebagainya mendapat subsidi yang begitu tinggi setelah harga minyak diberi peluang untuk dinaikkan sebanyak 10 sen se liter.

Di negara-negara lain untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka sampai berpiket. Di United Kingdom saya pada waktu itu berada di sana, saya tengok teksi-teksi, bas-bas semuanya mogok, menahan dan mengancam keselamatan negara itu sendiri kerana didapati untuk melawan Dewan yang mulia ini perbezaan dasar. Kerajaan Blaire dan juga kerajaan Konservatif dahulu di United Kingdom ianya meletakkan cukai yang begitu tinggi kepada bahan-bahan gas dan minyak ini sehinggakan 70%. Kalau harga minyak 85 *pens* 1 liter, 70% daripada 85 *pens* itu adalah cukai daripada kerajaan, cuba bayangkan dan ia juga mengeluarkan minyak. Minyak di North Sea. Kita juga mengeluarkan minyak tetapi kita beri subsidi sehinggakan RM34 bilion. Ini antara 31 Oktober hingga sekarang. Cuba bayangkan kalau dalam setahun, itu satu suku tahun, kalau dalam masa setahun ianya berjumlah 4x3 jadi RM12 bilion atas kenaikan 10 sen. Inilah cara Kerajaan Barisan Nasional untuk hendak menentukan rakyat jelata selesa kehidupannya. Khazanah kekayaan yang Tuhan beri kepada kita, yang kita keluarkan di mana seluruh negara Islam mengeluarkan minyak.

Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, peta besar ini, peta dunia lepas itu kita tengok di mana keluar banyak minyak. Banyak minyak yang keluar ialah di negara-negara seperti di negara-negara Asia Barat, Saudi Arabia paling banyak, lepas itu Kuwait, Iraq. Di tepi sini Indonesia, Malaysia dan Brunei. Lepas itu pergi pula ke tengah-tengah Benua Asia, Kazakhstan, saya sudah lupa nama negara-negara semuanya tan, tan belaka, banyak minyak. Tuhan beri minyak itu kerana di padang pasir, di tengah-tengah Asia

Barat padang pasir, bawah ada minyak, dahulu suatu ketika dipanggilkan *black gold* iaitu emas hitam waktu harga minyak melambung USD80 satu tong, harga petrol begitu tinggi, orang-orang di Arab Saudi dan merata-rata tempat beli kapal terbang ada yang bersalut dengan emas pun ada, tempat-tempat pusing tab itu, pelbagai dia punya mewah.

Tetapi Tuhan pun tidak suka kita buat begitu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Islam dan mana-mana agama sekalipun tidak boleh kita membazir harta khazanah kekayaan yang Tuhan beri pada kita, rezeki yang kita dapat itu. Di Malaysia kita perhatikan memang kerajaan kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad peka dengan kesusahan rakyat sebab itulah matlamat mewujudkan Kerajaan Barisan Nasional membasmi kemiskinan, tidak ada agenda lain bagi menentukan pembangunan dapat meningkat, ilmu pengetahuan meningkat. Subsidi ini jelas menunjukkan bahawasanya kita akan meneruskan dasar-dasar seperti ini dan minyak Tuan Yang di-Pertua, saya hendak umumkan di sini merupakan satu produk yang akan meningkatkan inflasi kerana segala-galanya bergantung kepada minyak.

Pengangkutan misalnya sayur-sayuran hendak hantar ke pasar kalau harga minyak melambung, harga sayur pun melambung. Jadi, minyak merupakan satu komoditi utama di mana setiap termasuklah tenaga setiap sektor perindustrian, setiap sektor kehidupan kita ini bergantung kepada minyak.

Saya hendak tanya pihak kerajaan, kalau minyak merupakan satu komoditi yang begitu penting bagi kita, apakah kita dapat dipermainkan oleh negara maju kerana kita dapati Amerika Syarikat sahaja mempunyai 575 milion rizabnya. Baru-baru ini apabila harga minyak meningkat kepada USD35, dia keluarkan 30 milion tong. Pada masa yang sama dia suruh negara-negara Islam terutama sekali Asia Barat mengeluarkan minyak. Apabila minyak kita habis esok yang untung orang Amerika, dia rizab banyak 570 milion lepas itu minyak dia sekarang ini kita tidak tahu di bawah tanah Alaska dan sebagainya berapa banyak. Adakah ini merupakan satu sabotaj supaya negara-negara membangun macam kita keluar minyak banyak-banyak bagi menentukan harga minyak itu dapat paras USD30 ataupun kurang daripada itu. Dia pun simpan minyak dia, bila minyak kita habis dia kata minyak ini kalau Malaysia hendak USD200 satu tong.

Perkara semacam ini merupakan satu perkara yang penting bagi kita tinjau. Malaysia sepatutnya membuat satu kajian yang amat serius, teliti dan strategik. Hendak

cari bagaimana minyak kita, gas cecair ini dapat kita simpan sampai bila, 2020 ataupun sehingga hari Kiamat ataupun adakah alternatif bagi kita kerana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, yang pakai minyak yang paling banyak sekarang ini di Amerika, sehinggakan dari segi karbon dioksida yang dikeluarkan oleh Amerika yang paling banyak, lepas itu bila Kyoto Protokol baru-baru ini satu lagi mesyuarat di Netherlands berkenaan dengan alam sekitar, dia tidak mahu masuk campur dari segi hendak mengurangkan karbon dioksida ini kerana orang-orang dia pakai minyak banyak. Dia terpaksa diberi penalti kerana pakai minyak banyak, karbon dioksida banyak keluar, *green house effect*. Dia kata sekarang dunia iklimnya sudah meningkat.

Cameron Highlands pun kalau saudara-saudara pergi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita pergi pun mungkin suhu sudah meningkat pasal banyak hutan yang kita telah tebang. Kita tidak mahu buat macam itu. Tetapi Malaysia masih lagi mempunyai dengan izin, *forest coverage* sehingga sampai 50% lebih, dekat 60%. Negara-negara lain tidak sampai begitu, ada yang 30%, 10% pasal banyak yang telah kena tebang. Soalnya sekarang, siapa yang bertanggungjawab untuk menentukan iklim dunia ini tidak meningkat. Tidakkah Malaysia sahaja dengan Taman Negaranya, dengan taman-taman di Sabah dan Sarawak hijau-hijauan. Ini merupakan tanggungjawab dunia dan kalau sekiranya kemuncak persidangan di Hague baru-baru 180 negara pergi tidak berjaya untuk membuatkan satu formula di mana kalau sekiranya Amerika, England dan Eropah pakai banyak minyak tidak ada kawasan hutan *green house effect* nya tinggi, dia terpaksa memberi wang sumbangan kepada satu tabung khas, tabung dunia yang tabung itu kita gunakan bagi menentukan Negara-negara Membangun ini boleh menggunakannya kerana kita terpaksa jaga hutan ini. Jaga hutan bagi kepentingan dunia bukan kepentingan Malaysia.

Kalau tidak iklim, suhunya akan meningkat, berapa darjah pun saya sudah lupa, mungkin 2, 3 darjah setiap 10 tahun dan ini akan merugikan semua kita, tidak kira Malaysia, Amerika ataupun di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, dasar subsidi ini penting tetapi kita tidak mahu menggunakan bahan-bahan tenaga, kuasa ini terutamanya yang berasaskan kepada minyak dengan sewenang-wenangnya tanpa mengirakan akibat daripada kita punya eksploitasi terhadap khazanah yang Tuhan berikan pada kita ini. Tidak kiralah dasar laut

di negeri Pahang kah ataupun dekat dengan Terengganu kah atau diberi ihsan atau tidak ihsan itu tidak kira, soalnya sekarang minyak kegunaan negara kita, kita keluarkan berpada-pada, mesti ada sekatannya, mesti ada satu program khusus.

Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan, apakah dasar tenaga negara, pengeluaran minyak negara kita bagi menentukan rizab negara kita ini sentiasa terjamin dan pada masa yang sama mengawasi perimbangan harga dunia. Kita memang tidak besar, memang kita tahu dari segi negara-negara OPEC mengeluarkan lebih kurang..., tahun 2000 sahaja Tuan Yang di-Pertua, RM280 bilion dianggarkan dari segi pendapatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Jadi, kalau sebut persoalan minyak di Terengganu teringatlah peristiwa bagaimana Kerajaan Malaysia telah menukar royalti minyak kepada ihsan.

Jadi, hendak tanya Yang Berhormat Dato' apa rasionalnya kerajaan telah menukar royalti kepada ihsan sepatutnya ihsan ini kalau kita tengok di bulan Ramadan ini disebut sebagai bulan ihsan tetapi soal minyak di Terengganu belum lagi masuk bulan Ramadan sudah keluar ihsan. Di mana rasionalnya dan sekiranya Barisan Nasional memerintah Terengganu, apakah ihsan ini wujud di Terengganu. Ini satu minta kementerian beri penjelasan dan sedangkan kita tengok Kerajaan Negeri Terengganu ini adalah dipilih oleh rakyat dan dalam kerajaan kita yang mengamalkan demokrasi berparlimen ini patutnya Kerajaan Malaysia menghormati pilihan rakyat.

Jadi, apa rasionalnya wang ihsan ini ditukar sedangkan apa yang kita dimaklumkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu, wang peruntukan geran kerajaan pun disekat dan royalti pun disekat dan ihsan pun diberi kepada JPP. Jadi, apakah sebenarnya, di manakah penghormatan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Wallahualam.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri Kewangan tetapi saya hendak cuba *act* macam Menteri Kewangan hari ini. Sebenarnya senang sahaja Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat lagi dalam Dewan yang mulia ini saya ada menyebut Dato' Nik Aziz sebagai Menteri Besar Kelantan tidak

mengutamakan peperangan membasmi kemiskinan. Ini ada *quote*, dia lebih mementingkan agama.

Kerajaan Malaysia baru saya sebutkan tadi *priority* nombor satu memberikan kesejahteraan hidup kepada rakyat jelata. Cuba bayangkan Tuan Yang di-Pertua, duit kita beri, katakanlah RM800 juta kepada negeri Terengganu tetapi tempias daripada Kelantan mengatakan membasmi kemiskinan bukannya *priority* utama kerajaan, ke mana perginya duit itu nanti. Dia kata tidak payah bayar cukailah, ini itulah dan duit itu digunakan dengan mungkin hendak menawan negeri Pahang pula dekat dengan negeri saya, saya tidak mahu.

Jadi, kalau sekiranya wang itu digunakan mengikut *modus operandi* yang dibuat oleh Kerajaan Pusat atau kerajaan-kerajaan negeri lain menentukan *priority* sebab itulah wang itu kita gunakan, kita bukan ambil, simpan dalam bank, tidak duit itu keluar, jumlah yang sama tetapi digunakan bagi membangunkan aspek-aspek rakyat di negeri Terengganu, cara-cara kita buat. Pasal *priority* kita kesejahteraan hidup manusia, rakyat jelata tidak kira dia sokong PAS, tidak PAS semua dapat belaka, jalan raya molek belaka dan sebagainya sehinggakan *highway* daripada Karak sampai ke Terengganu kita tidak ada stop, jalan pasai Kuantan pun dapat juga. Saya bersyukurlah itu sampai ke Terengganu.

Jadi, semuanya ini adalah satu dasar bagi hendak menentukan apa yang Tuhan beri kepada kita sampai kepada akar umbi dan tidak dipolitikkan dengan cara-cara tidak tentu arah. Dan, saya sebutkan perkara itu begini, Dewan yang mulia ini, benar atau tidak, kalau parti pembangkang boleh menafikan, nafikanlah, dalam kenyataan surat khabar, Nik Aziz berkata, prioritinya agama dahulu, kemiskinan kena kemudian. Itu bukan prioritinya untuk memerintah Kelantan dan kerana ini tujuannya, saya tidak tahu bagaimana wang membasmi kemiskinan itu adalah merupakan satu usaha, satu ibadah, itupun satu ibadah. Dan, kalau kita stop program itu dan sehinggakan ramai yang miskin orang Islam, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah kalau sekiranya orang lain begitu juga. Kita tidak mahu kedaifan sehinggakan mereka merempat dan hilang punca agamanya. Kita tidak mahu begitu, tidak mahu dia minta sedekah, kita tidak mahu, kita hendak tentukan kemiskinan dapat dibanteras untuk mewujudkan insan yang benar-benar bertakwa dan beriman dengan sempurna. Itu maksudnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah ihsan itu dibuat atas tujuan supaya wang itu digunakan dengan secara baik untuk kepentingan setiap lapisan masyarakat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya hendak menggesa pihak kerajaan buat kajian, apakah matlamat kita, dengan minyak kita, dengan gas cecair kita ini, ke mana kita hendak pergi, berapa banyak kita boleh simpan, stok kita dan sebagainya. Kerana negara-negara lain yang maju, yang menggunakan banyak minyak ada agenda-agenda masing-masing. Mungkin dia hendak pupuskan minyak kita dahulu lepas itu bila minyak kita pupus, dia boleh jual minyak dia kepada kita USD200, kita terpaksa beli, kalau tidak, tidak berlampu, tidak bercahaya, tidak ada Internet, tidak ada komputer.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pertahanan. Kita perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara-negara ASEAN ini, negara kita merupakan negara Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak ada kawasan perairan yang begitu luas, lepas itu kita telah pun mengalami bagaimana pencerobohan di buat dari segi sempadan terutama sekali di sebelah kawasan sahabat saya di Sabah - tidak ada Timbalan Menteri Pertahanan di sini – di Semporna dan kawasan-kawasan di situ, banyak dicerobohi.

Soalnya sekarang ini, adakah kita mempunyai *scanning*, pasal sekarang ini begitu sofistikated, orang menggunakan pelbagai *laser*, *scanning*, pelbagai caralah, teknologi

yang canggih ini. Jadi, tidaklah boleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Pertahanan mewujudkan setiap tempat-tempat yang dikatakan sensitif ini dicerobohi termasuk Selat Melaka mempunyai alat-alat yang boleh mengesan, bergerak sahaja perahu atau kapal ataupun bot kepada luar sempadan, kita boleh nampak, dia pakai macam mana, dengan senjata atau tidak, benda itu boleh menangkap, kita boleh kesan. Dan cepat-cepat dengan bot kita sendiri boleh kita kejar atau kita halang mereka supaya tidak mencerobohi tempat kita.

Malu sangat, Tuan Yang di-Pertua, sudah dua, tiga kali dicerobohi, yang kita nampak dan yang kita dengarlah tetapi yang kita tidak dengar pun mungkin lebih banyak berlaku di sempadan antara negara Filipina dan negara kita dan juga di Selat Melaka. Banyak sangat *act of piracy*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, lanun, sampai kapal-kapal kita pun, kapal minyak pun boleh dicerobohi. Dan, ini penting untuk kita hendak menzahirkan kelengkapan-kelengkapan yang canggih kerana pada masa yang akan datang peperangan bukan dari segi jumlah ahli-ahli atau anggota-anggota tentera. Peperangan pada masa akan datang berasaskan kepada banyak mana dan berapa tinggi teknologi yang ada pada kita.

Sebab itulah negara jiran pernah mengatakan, dia hendak buat suatu satelit dengan Israel dengan harga berjumlah RM1 bilion lebih, untuk mengintip, mengintip siapa, dia sebut ini untuk mengintip.

Selepas itu saya amat terkejut apabila Lee Kuan Yew mengatakan, kita beli senjata-senjata ini, siapa hendak serang kita, seranglah. Dia cabar tu, Lee Kuan Yew, yang pernah menjadi anggota Parlimen di Malaysia dahulu, sebelum Singapura dikeluarkan daripada Malaysia kerana konsep *Malaysian Malaysianya*. Dia cabar. Soalnya sekarang ini, adakah keupayaan kita sendiri canggih atau boleh lebih dicanggihkan oleh orang lain sehinggakan apa yang kita ada boleh *jammed*. Saya sudah berapa kali sebut ini. Komunikasi kita pun boleh *dijammed* kerana dia mempunyai kelengkapan yang lebih canggih. Soalnya sekarang ini, cukupkah RM41 juta ini, ini belum pergi kepada Belanjawan 2001, hendak menambah ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sekarang ini kelengkapan-kelengkapan untuk Tentera Udara diusahakan secara swasta sekarang ini oleh Airod. Saya amat bimbang kot-kot terbengkalai kapalterbang-kapalterbang kita kerana tidak ada

spare-part,. pasal Airod mungkin tidak dapat mengadakan dengan secepat mungkin ataupun mewujudkan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan. Saya hendak tanyalah pihak kerajaan, saya rasa amat baik sekali kalau wujudkan satu badan khas mengawasi badan-badan yang kita *corporatised*kan, terutama sekali dalam sektor-sektor yang sensitif seperti Pertahanan.

Adakah mereka benar-benar mampu untuk memberikan kelengkapan-kelengkapan apabila diperlukan, *as and when required*, dengan izin, ini amat sensitif. Kalau tidak, kalau katakanlah Airod kata, dia tidak ada *spare-parts* kerana tidak ada duit hendak membeli, terbengkalai. Saya hendak tanya berapa kapalterbang-kapalterbang angkatan udara kita yang kini tidak boleh digerakkan, tidak dapat beroperasi, tidak dapat terbang ke angkasa kerana tidak cukup kelengkapan-kelengkapan dan kenapa tidak cukup kelengkapan, kena buat satu kajian. Kerana saya bimbang, kalau dulunya semua alat ini dipunyai sendiri, distokkan oleh Angkatan Tentera itu sendiri tetapi ini tidak. Saya difahamkan Airod.

Soalnya apakah ianya teguh untuk mempunyai alat-alat yang boleh disediakan setiap masa kerana ini merupakan ketahanan negara. Ini kita tidak boleh membiarkan sahaja.

Badan seperti ini juga mesti digunakan untuk mengawasi sektor-sektor yang diswastakan, banyak sangat kompelin. Dahulu pernah saya katakan, kalau satu-satu ejensi diswastakan kita mesti memastikan ianya tidak dijualbeli kerana orang yang dapat – yang pertama sekali bila diswastakan ada yang dijual kepada orang A, jual kepada B, B jual kepada C. Yang menanggungnya kita. Baik dari segi air, dari segi apa sekalipun. Yang untungnya, mereka yang jual beli itu tadi. Dia sudah tekad, dia sudah ambil sudah keuntungan dari segi satu penjualan, satu transaksi, sudah dapat untung, orang lain dijual, dijual.

Jadi, ini lari sikitlah, atau lari jauh daripada objektif penswastakan itu tadi untuk menentukan bebanan kepada negara dari segi kerajaan dikurangkan dan bebanan kepada orang ramai dikurangkan. Jadi, satu badan khas bukan sahaja hendak ditujukan kepada mengawasi Airod atau mengawasi kelengkapan-kelengkapan tentera ini tadi tetapi kepada badan-badan yang diswastakan. Kerana terlalu ramai, terutama bumiputera, dia ada ejensi-ejensi tertentu untuk hendak memberikan katalah kepada kelengkapan-

kelengkapan kapal tetapi apabila perkara itu diswastakan, ejensi bumiputera sendiri dicantasnya. Dia kata kalau hendak jual, jual *direct* kepada saya ataupun jadikan A sebagai ejen, bukan B lagi, dahulu B dapat. Sekarang ini hendak A pula kerana dia ada kepentingan.

Jadi, sampai bila kita boleh menghidupkan bumiputera canggih-canggih dalam perusahaan ini, yang kita ada biasiswa dan sebagainya ini. Kerana projek sebesar itu yang mempunyai *multiply effect*, dengan izin, rangkaian *effectnya* ke bawah kepada yang pertengahan ini tadi, terbengkalai tidak dapat masuk kerana telah dicantas. Orang lain pula mengambil bahagian sebagai ejen-ejen kepada pembekal-pembekal antarabangsa. Sengaja dibuat oleh orang yang mendapat penswastakan ini tadi.

Jadi, saya rasa setiap projek yang diswastakan mesti diawasi oleh badan khas ini kerana EPU saya rasa mungkin tidak mampu sudah, dia sudah lepaskan. Lepas itu satu badan khas meneliti setiap terma-terma penswastakan itu dapat dijalankan. Kalau tidak dapat dijalankan, sekian-sekian penalti dikenakan kepada mereka. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, penswastakan yang dibuat oleh kerajaan dengan penuh keikhlasan itu yang banyak mendatangkan faedah kepada kerajaan akan diporak- perandakan oleh mereka yang mencari keuntungan yang berlebih-lebihan. Yang dipentingkan mereka sahaja dan orang ramai ini tidak penting, dasar hendak menguatkan Melayu menengah ataupun *Malaysian middle class* ini tidak dapat kita usahakan kerana terbengkalai begitu sahaja.

Puan Jamilah binti Ibrahim: [*Bangun*]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih, baru-baru ini baca dalam surat khabar

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat Jamilah mahu minta penjelasan [*Berhenti sementara*] Edit kemudian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ini bulan puasa, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga dia ganggu, sekarang ini air pun tidak boleh minum.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tumpang hendak bertanya sahaja. Kerajaan Barisan Nasional Bersih, Cekap, Amanah. Setakat ini tidak nampakkah perkara-perkara yang tidak ada ketelusan yang masih wujud di antara kontraktor-kontraktor kita yang mendapat projek ini? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Memanglah dia Amanah, Bersih dan Cekap sebab itu dia berikan projek untuk diswastakan tetapi sebagai manusia yang dapat itu tadi, mereka bukan lagi kerajaan. Kalau dia menyeleweng daripada penswastaannya tadi, kita kena kawal, kita kena awasi, itu maksud saya tadi. Mewujudkan badan pengawasan, takut diselewengkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini terbaca Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang wujud, saya masih ingat lagi Allahyarham Aminuddin Baki, sebagai salah seorang pengasasnya ada menyebut, janganlah kita ini orang Melayu seperti itik kehausan di dalam perairan ataupun ayam kebuluran, dikepek - kepek penuh dengan padi, macam itulah caranya. Jadi, sekarang ini GPMS menyuarakan dalam surat khabar, dia sudah buat satu kajian 500 *respondent*, ahli-ahli ini, mengatakan kebanyakan hendakkan sekolah Inggeris. Ini soal dasar ini, GPMS mengatakan begitu, yang sepatutnya berjuang untuk menentukan sistem pendidikan yang ada sekarang ini dipertahankan, diperkuatkan, dia hendak tukar, *structure change*, hendak wujudkan sekolah aliran Inggeris pula. Saya tidak fahamlah bagaimana pemikiran orang-orang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya masalah besarnya sekarang ini, kita hendak menentukan setiap lapisan masyarakat boleh berbahasa Inggeris, itu maksudnya, bukan hendak tukar sistem. Caranya macam mana? Kita sekarang ini ada 11 jam seminggu untuk mengajar Bahasa Inggeris. Memang setakat ini, Bahasa Inggeris, cikgu sendiri pun, saya terbaca dalam surat khabar, "*How did you went yesterday?*" Cikgu mengajar ni. Dia mati-mati mengatakan itu betul, dalam surat khabar saya terbaca. Mati-mati dia mengatakan, *this is the right one*. Tidak boleh lebih daripada ini, tidak boleh kurang daripada itu. "*How did you went yesterday?*"

Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sistem perlu tukarkan, beritahu kepada GPMS ini. Kalau ada surat khabar tolong beritahu kepada GPMS, anak-anak muda di sana, bukan sistem hendak tukar, cara metodologi, macam mana 11 jam minggu kalau

tidak cukup, tambah. Bagaimana itu dapat diperkuatkan, saya memang setuju kalau sekiranya pihak kerajaan – dahulu kita ada *peace corps* daripada Amerika, sekarang ini kalau sekiranya bahasa Inggeris merupakan masalah besar selain daripada Matematik dan Sains terutama kepada anak-anak Melayu di luar bandar, panggil *volunteer* daripada New Zealand, Australia, Canada – negara-negara Komanwel ini, memang banyak hendak membantu. Buatlah satu perundingan. Kerana apa, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan guru-guru sekarang ini, bukan sahaja guru-guru, pelajar-pelajar universiti, wanita dia ikut suami, suami DO ataupun pegawai duduk di bandar-bandar, macam Temerloh di tempat saya tetapi sekolah-sekolah di ceruk-ceruk, di Bera, di tempat sahabat saya, di meratarata tempat, dia tidak hendak mengajar di sana, pasal suami duduk di bandar.

Masalah kita sekarang ini, masalah tenaga, tenaga yang *proficient*, yang benar-benar boleh mengajar. Jadi, kalau mereka tidak mahu, biar orang Putih sahaja yang hendak pergi, mereka memang hendak pergi, hendak tengok tempat kita duduk, bagaimana kita duduk tempat-tempat di ceruk-ceruk ni, orang putih lebih komited untuk hendak menentukan kita dapat Bahasa Inggeris. Jadi, kita buatlah satu perundingan, negara-negara Komanwel, minta tolong, *announce*, ini merupakan satu daruratlah bagi kita, pasal kita hendakkan masuk dalam aliran perdana globalisasi ini, IT dan sebagainya, kita hendakkan semua pandai Bahasa Inggeris yang indah, yang betul.

Masukkan orang Putih, orang-orang daripada Australia, *volunteer* pergi nun di ceruk-ceruk di kampung-kampung mengajar Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Tiga mata pelajaran itu, terutama Bahasa Inggeris, kita ini lemah. Bila lemah itu, bukan ITnya lemah, cara kita hendak menyeduk ilmu itu lemah kerana 70% daripada apa yang terkandung dalam IT dalam Internet ini semuanya menggunakan Bahasa Inggeris. Bahasa Jepun sedikit sangat, Bahasa Perancis pun sikit sangat, 70% lebih Bahasa Inggeris. Jadi, kita hendak menguasai ilmu itu, sungguhpun komputer kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada, kita anggaplah itu sudah ada, hendak menguasai kita hendak tahu tentang bahasa.

Saya sudah tanya berapa kali pihak Dewan Bahasa, berapa buku diterjemahkan, buku macam mana. Lima, enam tahun setelah buku itu dikeluarkan oleh *publication* di Singapura, di England, di Amerika berkenaan dengan sains baru diterjemahkan, sudah

lima tahun gap. Bila sudah keluar, ada lagi yang baru keluar, jadi, kita sentiasa terpinggir daripada arus perdana ilmu canggih, ilmu sains, matematik.

Jadi, untuk mengatasi, kita ajar anak-anak murid kita Bahasa Inggeris yang secara betul dan kalau 11 jam seminggu itu tidak cukup, tambah lagi, cara macam mana saya tidak tahu menambahkannya, lepas itu ambil guru-guru daripada luar negara supaya mereka ini betul-betul terdedah dan tidak ada lagi masalah tidak cukup guru. Sekarang ini tidak cukup guru menjadi masalah, ini kita kena buat. Sebab itu saya tanya soalan tadi, kenapa kerajaan tidak benar-benar komited untuk menentukan *graduate* guru-guru yang secara bersendirian, jarak jauh ini dapat ijazah. Saya diberitahu oleh Timbalan Menteri tadi daripada tahun 2000 ini, daripada 2,289 orang guru-guru yang secara persendirian, duit sendiri, dapat ijazah hanya 173 sahaja yang mendapat ganjaran sebagai guru-guru berijazah.

Soalan saya yang kedua yang tidak dijawab tadi, apakah matlamat kerajaan, hendak berapa ramaikah guru-guru berijazah ini. Kalau benar-benar kita memerlukan pendidikan yang canggih, kalau benar-benar kita memerlukan anak-anak murid kita ini canggih dari segi pemikiran, guru berijazah mungkin lebih lebar pemikirannya, luas pemandangannya, kita hendak ramaikan, berapa ramai hinggakan di sini 2,289 tidak dapat kita tampung, hanya 173. Tidak ada *motivation*, tidak ada insentif bagi mereka. Belajar sahaja ilmu, dengan izin, *knowledge per se* yang tidak mendatangkan *economy value*, Tuan Yang di-Pertua, amat menyedihkan dan ini merupakan golongan guru-guru yang *frustrated*, yang kecewa dapat ijazah, gaji tidak setimpal. Kita amat sedih kerana mereka ini akan merosakkan kedudukan kita, dia sudah tidak selesa hendak mengajar, ijazah dapat, duit sendiri bayar ini, tiga tahun, empat tahun. Jarak jauh saya tidak tahu berapa tahun dapat ijazah, lepas itu tidak dapat ganjaran yang istimewa, baik tidak usah belajar. Dan kita menggalakkan kecanggihan ilmu, menggalakkan orang belajar seumur hidup sebagai budaya, sampai guru hendak belajar, dapat ijazah tidak diberikan insentif.

Jadi saya minta pihak kerajaan kaji semulalah. Apa bezanya sangat kalau hendak tambah RM1,000 balik, x 2,200, RM2 juta, RM3 juta, RM4 juta, dia selesa, anak murid kita selesa kerana belajar dengan guru-guru yang berijazah secara persendirian dapat ijazah, dapat pula pakej yang baik, yang baru untuk menguatkan lagi azam mereka mengajar. Barulah ia merupakan satu pendekatan yang dapat diterima oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniahlah kepada pihak kerajaan terutama sekali apabila mewujudkan semula MAHA ini. Saya ingat lagi semasa kecil MAHA memang, semasa Allahyarham Tun Razak lagi, ia diadakan kalau tak silap dekat menghala ke Subang, kawasan tanah dekat Kelana Jaya, dekat Airport Subang. MAHA ini dengan perbelanjaan RM2.5 juta merupakan aset, mercu kepada petani-petani untuk menunjukkan hasil. Ia lebih memberangsangkan mereka. Kita tengok limau, betik sepanjang ini melengkar ataupun ubi kayu besar-besar tetapi tidak 'ganyut'.

Perkataan 'ganyut' ini orang lain saya ingat tak tahu, orang Pahang yang tahu. 'Ganyut' ini berkaca-kaca, bila makan ubi kayu itu 'krak-krak' ia tidak berkasar, berlembut, ada caranya. Ubi yang tak berapa baik yang 'ganyut' itu. Jadi, sekarang semua dikeluarkan oleh petani-petani kita. Selepas itu kubis paling besar, sepe meluk, dua pemeluk, pelbagai dan segala-galanya besar, semua dikeluarkan di situ untuk mendapat hadiah. Ini insentif.

Perbelanjaan RM2.5 juta ini saya rasa kecil sangat untuk petani kerana 60%, 70% daripada warganegara Malaysia adalah di luar bandar. Setahun sekali atau dua tahun sekali kita belanja sebanyak-banyaknya untuk menentukan mereka dapat menengok kejayaan masing-masing dalam segala bidang, bidang sayurkah, buah-buahankah, ikankah, lembu tenusu, lembu tak tenusu. Kambing besar-besar semuanya dapat kita ketengahkan. Selepas itu kita panggil orang seluruh ASEAN datang tengok. Dia kata 'eh, lembu ini kecil sahaja, lembu saya lagi besar.' Kalau dia kata 'buah longan ini tak berapa manis, buah longan saya lagi manis.' Jadi, ada competition pula dari segi ASEAN.

Kerana saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, dan pernah saya cakapkan di Dewan yang mulia ini *the turn around*, mohon izin, antara penyelidikan yang dibuat dan implementasi hasil penyelidikan itu di negara kita jauh sangat. Tak tahulah, MARDI katakanlah telah dibuat satu penemuan, jenis katakanlah benih beras yang boleh mengeluarkan beberapa kilo satu ekar dan sebagainya. Bila sampai kepada kita dekat empat, lima tahun, hendak sampai *on the ground* walhal di tempat lain, saya diberitahu di Thailand satu ketika dahulu semasa saya bekerja saya pernah pergi ke Thailand melawat ke tempat-tempat ini, prosesnya dalam masa enam, tujuh bulan. Penemuan-penemuan penyelidikan dan implementasi *on the ground*, enam, tujuh bulan, lebih tinggi setahun.

Jadi, saya mintalah cara macam mana kaedah sungguhpun kita dari segi penyelidikan tidak begitu tinggi, sesungguhnya matlamat kita 100% walhal Korea sampai 3% daripada KDNKnya, begitu juga dengan Jepun kita masih kebelakangan. Tetapi apa yang ditemui oleh kita, kita patut sampai secepat mungkin kepada petani-petani, pengguna-pengguna, kita mesti, dengan izin, *consumer-friendly or user-friendly* daripada orang yang menggunakan penemuan-penemuan baru ini, maka barulah cepat disampaikan kepada MAHA nanti bila MAHA itu wujud.

Kita patut seterusnya mendaftar paten ini. Kerana pernah saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, beras Basmati sekarang ini dibuat sekarang ini dipaten oleh Texas (Texas Rice), sepatutnya benda ini dibuat di India, di Pakistan. Sekarang ini India merungut, kerana dia kata *genetic seed* ini sepatutnya disebutkan Basmati khususnya daripada kaki Himalaya. Itu asal-usulnya. yang dibuat oleh Texas itu dia tiru selepas itu dia buat paten. Sekarang kita pun tergamam-gamam tak boleh guna Basmati, kita tak tahu bagaimana dari segi perundangan.

Apa yang kita buat di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta - baru-baru ini saya tengok herba, ada satu formula baru 'gestis'. Dia kata enam, Kacip Fatimah dan sebagainya, ada dua lagi jenis dia tak sebut. Sekarang dijual di seluruh dunia bukan main laku. Tetapi tak tahulah bolehkah orang Amerika tiru. Kerana sekarang ini yang paling kuat dari segi penyelidikan barang-barang herba-herba, farmasi dan *biotechnology* ialah Singapura.

Sudah diumumkan 15 negara syarikat besar-besar farmasinya di Singapura. Singapura itu satu pulau, padi pun saya fikir tak ada orang tanam padi tetapi dikaji di sana, dengan negara China. Singapura merupakan pusat penyelidikan *biotechnology*. Itulah hasrat mereka. Selain daripada engineering, kejuruteraan, perkapalan, *pharmaceutical*, *biotechnology* yang keempat sebagai tiang seri ekonomi Singapura. Kita bukan hendak tiru dia, kita tahu tempat kita lagi banyak spesis yang boleh kita kaji.

Kita ada FRIM, kita ada PORLA, kita ada SIRIM - itu tidak *agro-basde*, kita ada MARDI. Sekarang ini tidakkah boleh kita gabung menjadikan pusat penyelidikan yang canggih. Begitu juga dengan pusat penyelidikan *tropical diseases* kita ada. Tetapi kadangkala kita kena pergi ke Amerika hendak tanya bagaimana - baru-baru ini

merebaknya penyakit daripada khinzir dan sebagainya, dihantar ke Amerika hendak tahu. Kita ada semua, soalnya perhebatkan lagi.

Rubber research kita yang ulung, PORLA, PORIM, banyaklah, soalnya dapatkah tidak kita memikirkan objektif-objektif tertentu bagi menentukan mereka ini diberi pengiktirafan atas penemuan-penemuan yang dibuat sehingga wujud esok pemenang-pemenang Nobel dari segi *biotechnology* daripada Malaysia, daripada FRIM, jenis-jenis pokok hutan yang ditanam, daripada MARDI dan sebagainya. Ini hasrat kita. Pihak kerajaan mesti memberikan dorongan ke arah itu semoga negara kita hebat dalam bidang-bidang baru ini, kerana bidang-bidang baru inilah menentukan masa depan sesebuah negara maju atau mundurnya.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan - RM190 juta. RM100 juta pinjaman kenderaan, bukan main banyak pinjaman kenderaan, saya tak faham apa jenis pinjaman kenderaan sampai RM100 juta, kerana banyak sangat pinjaman kenderaan mungkin hendak beri kepada doktor-doktor. Saya difahamkan doktor-doktor kita pun tak cukup, kita hendak ambil daripada Burma dan tempat-tempat lain. Apa masalah kita?

Kita sudah ada banyak universiti yang mengeluarkan doktor-doktor. Pada masa yang sama adakah kualiti-kualiti doktor yang kita keluarkan ini diiktiraf di peringkat antarabangsa, dan adakah kita mencukupi dari segi fakulti yang wujud sekarang ini, adakah ianya mencukupi. Kalau tidak cukup, adakah pihak kerajaan hendak membuat banyak lagi medical schools, sekolah-sekolah perubatan, fakulti-fakulti perubatan kerana mengikut nisbah kita berapa katil, berapa doktor setiap 10,000 penduduk, kita masih jauh kebelakangan.

Untuk mencapai tahap yang boleh diterima di peringkat antarabangsa, sebanyak mana doktor yang patut dikeluarkan dan sebanyak mana pula fakulti-fakulti patut diwujudkan bagi mengimbangkan kedudukan yang amat ketara. Kerana apabila kita maju tahap demi tahap, yang penting ialah kualiti hidup. Sebab itulah sekarang kita tengok kualiti air, kualiti udara, semua kualiti. Kita sampai ke peringkat kualiti, sampai kualiti calon-calon pilihan raya pun pada masa akan datang akan diperkuatkan lagi, kerana kalau tak berkualiti hendak harap kepada 'Dacing' sahaja, tak menjadilah sekarang ini, mesti

ada kualiti, kualiti yang luar biasa. Datuk Ghazi pun bersetuju dengan saya, Dato' Hamzah pun bersetuju dengan saya. Sekarang ini era kualiti.

Jadi, doktor berapa nisbahnya, jalan raya saya sebutkan itu fasal ini ada perbezaan antara apa yang wujud bila kita ambil *national average* ataupun pukul rata nisbah kebangsaan. Ini mencurigakan, kita kena ambil mengikut negeri-negeri. Macam katakan negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak nisbah doktor kepada penduduk jauh lebih berbeza, dan untuk doktor-doktor hendak pergi ke sana pun susah.

Adakah ini sebabnya kita ambil orang daripada luar ini supaya mereka terus terperosok masuk terus ke luar bandar. Adakah itu tujuannya, kerana bila kita ambil orang kita sendiri - orang kita sendiri, kita kena kerah, kita kena buat *National Service* baru dia boleh menyertai hendak pergi ke luar bandar. Macam guru-guru pun kena *National Service*, walhal ini anak bangsa sendiri. Yang saya hairan kena anak bangsa sendiri, yang luka, yang kena penyakit-penyakit, yang kurang matematik, Bahasa Inggeris, anak bangsa sendiri tak mahu dia pergi ke luar kalau tak dapat elaun yang cukup tinggi.

Orang luar boleh, ini yang saya hairan, mentaliti kita tak berubah pada mentaliti zaman penjajah dahulu, hendak duduk di bandar, takut hendak pergi keluar sebagai komitmen, sebagai perjuangan untuk menentukan bangsa kita, anak bangsa kita di pinggir-pinggir sana pun dapat dibela dengan sebaik mungkin.

Kementerian Belia dan Sukan saya tengok ada gambar-gambar orang menangis kerana tak dapat Sukan Asia 2006. Jadi, ini pun satu. Sudahlah belanja dekat RM6 juta, selepas itu entah macam mana boleh kalah pula. Saya hairan, saya baru balik dari Dubai. Dubai ini lain sikit, Doha lagi teruk sikit daripada Dubai. Macam mana pula Doha yang panas, wanitanya memang susah hendak bersukan di Doha, di Qattar ini. Kita di sini boleh dikatakan selesa, tak berapa panas, kelengkapan cukup dan berpengalaman. Commonwealth Game itu dikirakan yang terbaik dalam sejarah Komanwel. Tetapi sampai tak dapat. Ini kurang kempenkah saya tak faham. Saya ingat saya hendak minta satu penjelasan setelah membelanjakan dekat RM6 juta, bukan senang hendak berikan RM6 juta. Selepas itu pergi berkempen menerusi diplomasi dan sebagainya masih tak dapat.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit penerangan dari Yang Berhormat. Adakah pasukan kita, team kita pergi untuk melobi itu sedar bahawa di Malaysia ini kita telah mempunyai segala kelengkapan. Jadi, bererti tidak banyak lagi kelengkapan yang hendak dibuat. Tetapi di Doha cuba bayangkan berapa bilion dia hendak buat kelengkapan-kelengkapan yang baru ini. Jadi, orang-orang dari negara-negara seperti Jepun, Korea sebenarnya menyokong supaya dibuat di Doha, jadi mereka boleh buat business di sana sedangkan kita di sini barangkali itu kita tidak fikirkan waktu kita pergi melobi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Pandangan strategik dari Sabah ini. Saya ingat betul ini, Tuan Yang di-Pertua. Kemungkinan besar fasal tempat di sana tak ada, ini *hidden agenda*, agenda tersembunyi saya tak berapa faham. Mungkin kerana tidak cukup kelengkapan infrastruktur dan prasarana, dia buat di situ, selepas itu kontraktor-kontraktor pun datang masuk dan buat, hendak sampai 2006 lambat lagi, mungkin. Ini bererti sukan merupakan business yang besar bagi orang-orang tertentu.

Jadi, kita mungkin sudah siap semua dengan Bukit Jalilnya, dengan Shah Alamnya dan sebagainya, Formula One pun ada, Formula One motorboat pun hendak buat di Tebrau pun ada, mungkin kelengkapan-kelengkapan ini tidak menjadi penarik kepada pelobi-pelobi yang hendak buat infrastruktur, dan dia boleh menggunakan duit. Fasal Doha ada duit. Pelobi-pelobi sekarang ini bukan orang sukan-sukan. Pelobi-pelobi sekarang ini adalah developer, orang-orang yang hendak membangun menjadi pelobi-pelobi supaya pergi ke Qattar. Ini satu pendekatan yang amat unik, yang baru dan strategik, yang munasabah, mungkin. Jadi, saya mintalah kementerian menentukan adakah ini merupakan salah satu daripada alasan kenapa kita gagal untuk mendapatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat daripada Johor kerana ada dalam berita mengatakan Selat Tebrau makin lama makin *narrow*, makin sempit. Jadi, ia tidak boleh sempit begitu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tentu ada sebabnya. Saya difahamkan pengambilalihan, pemuliharaan pantai-pantai di Singapura mungkin melebar. Jadi, saya hendak tanya pihak Kementerian Luar Negeri, Setiausaha Parlimen kita daripada Johor dekat dengan tempat dia, betulkah atau tidak sekarang ini ada *reclamation* pantai-pantai di tepi Selat Tebrau ini sehingga ia menyempitkan dan menyulitkan lagi Selat Tebrau dan kalau betul, apakah dari segi perundangan, dari segi *legality*.

Kalau betul benda ini berlaku adakah sempadan itu kerana kalau kita luaskan lagi - satu hendak menimbus kehakisan, okay, tetapi luas daripada itu kita meluaskan lagi dari segi *continental serve*, saya tak tahu Selat ini ada *continental serve* sehinggakan 200 kilometer keluar daripada pantai kita. Ini mungkin undang-undang lain saya tahu bagaimana caranya. Jadi, cuba ceritakan sedikit kepada Dewan yang mulia ini adakah benar Selat Tebrau dipersempitkan lagi dan adakah dari segi perundangannya benda ini boleh berlaku secara begitu ataupun melanggar syarat-syarat antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sahabat-sahabat Islam berbuka puasa pada malam ini dengan baik dan selamat berpuasa dalam keadaan kita dalam Dewan ini sehingga 21 Disember dengan penuh kesabaran dan ketakwaan dalam kita berhujah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang lain lagi? Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

3.26 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk turut menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini. Pertama, saya ingin mengambil kesempatan ini menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas lantikan semula saya ke Dewan ini.

Saya ingin menarik kepada tajuk B.15 iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Sebagaimana yang kita telah maklum bahawa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini merupakan satu jabatan yang sangat penting terutamanya seperti negara kita yang sedang pesat membangun ini di mana perindustriannya, perumahannya, pertaniannya dan serba-serbinya sedang digerakkan oleh kerajaan untuk terus membangun. Oleh itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memainkan peranan yang sangat penting untuk menyusun dan meletak atur kedudukan bandar dan desa agar ia lebih tersusun dan mudah bukan sahaja dari segi pengurusan bahkan juga ia memberikan kemudahan kepada orang ramai dan rakyat jelata.

Perancangan yang tersusun tentunya akan melahirkan satu harmoni dan juga kepuasan kepada orang ramai dan juga memberikan pelbagai kemudahan. Dalam konteks

ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara, pertamanya dari segi kesukaran yang semakin hari semakin ternyata jelas dalam konteks misalnya pembangunan sesuatu kawasan perindustrian ataupun kawasan perumahan iaitu pengaliran air yang akhirnya akan menyebabkan banjir termasuklah kita dengar di Bandaraya Kuala Lumpur ini sendiri. Di tempat-tempat bandar besar dan sederhana keadaan ini semakin cemas.

Walaupun kita tahu kerajaan apabila mendengar rintihan daripada rakyat ini telah memberikan satu penegasan peraturan bahawa segala kerja-kerja tanah, segala bentuk pembangunan tanah mestilah tidak menyekat kepada laluan air, perparitan. Nampaknya, peraturan ini tinggal peraturan. Penguasaan, pemantauan seperti Dato' Abdul Aziz sebutkan tadi di antaranya ialah agak kurang diberikan perhatian. Malangnya, sekarang ini masih lagi kita kedengaran kalau ada satu-satu kawasan yang mahu dibangunkan sama ada dengan industri ataupun perumahan yang kita tahu benda-benda komponen ini penting bagi pembangunan ekonomi kita.

Kita perlu industri untuk membangun ekonomi. Pada masa yang sama berdekatan dengan kawasan industri ini kita perlukan juga kawasan-kawasan perumahan, dan pada masa yang sama juga terdapat kadang-kadang berdekatan dengan kawasan-kawasan industri dan perumahan ini kawasan-kawasan kampung tradisi.

Apa yang berlaku ialah pengedaran air tidak berjalan dengan betul, tersekat lantaran daripada kerja-kerja tanah yang dibuat. Oleh itu, berlakulah banjir di kawasan-kawasan perumahan bukan sahaja rumah murah yang selalu menjadi mangsa bahkan termasuk rumah-rumah sederhana dan kita boleh bayangkan kalau musim hujan yang sedang melanda, kita sekarang ini musim tengkujuh, satu bulan dua, tiga kali terpaksa orang-orang ini membersihkan rumah mereka. Dan kalaulah projek perumahan itu mengambil masa enam bulan, setahun bermakna sepanjang masa mereka ini terpaksa membersihkan rumah mereka.

Itu tidak masuk kos bil air mereka, tenaga mereka, marah mereka, kerosakan harta benda, carpet mereka, gerobok mereka, perabot mereka, tenaga. Jadi, walaupun kita nampak benda ini kecil, jadi kita minta supaya penegasan dibuat dalam masalah-masalah yang melibatkan orang ramai, kadang-kadang satu taman, separuh taman.

Satu perkara lagi kita juga melihat bahawa dalam kerja-kerja tanah yang dibuat ini juga, termasuklah kadang-kadang perindustrian, pertanian, pencemaran terhadap sungai

kita nampaknya diabaikan dari masa ke semasa, kita lihat bahawa sungai kita semakin hari semakin tercemar, kadang-kadang airnya yang jernih bertukar menjadi kuning, kekuning-kuningan, hitam kerana kurang prihatinnya dari segi kita sama ada pemaju, yang membuat pembangunan ini terhadap alam sekitar yang berada di tempat mereka membuat kerja ini.

Kita tahu bahawa sekarang ini, sumber air semakin terhad, ada sesetengah negeri kita sekarang, satu ketika dahulu pernah berlaku di Melaka, pernah berlaku di Selangor kekurangan air dan sungai menjadi satu sumber yang penting untuk kita menjaganya supaya tidak tercemar. Oleh itulah, kita sangat-sangat berharap dalam usaha untuk membangunkan kawasan-kawasan perindustrian, perumahan, perladangan masalah-masalah perparitan ini perlu kita jaga agar ianya tidak menyusahkan orang ramai, tidak mencemari sungai-sungai kita. Walaupun undang-undang telah ada, kita minta sekali lagi supaya benda ini ianya memberikan penegasan ataupun pemantauan yang lebih berkesan kerana semua ini baliknya kepada kita semua. Kalau sungai tercemar, kalau sungai ini mengalirkan air ke tempat takungan air, di mana ianya digunakan untuk kita minum kemudiannya, maka ianya merbahaya kepada kesihatan kita itu sendiri.

Saya juga terperanjat baru-baru ini bila ada orang ramai beritahu saya bahawa ada kawasan perumahan yang tidak langsung menyediakan perparitan yang berada di tengah-tengah kampung, satu kawasan perumahan yang agak besar, sukar untuk kita memberikan satu alasan yang munasabah kepada mereka ke manakah air daripada taman ini untuk mengalir dan bila kita siasat ianya bukan satu taman, di sepanjang jalan itu ada tiga taman dan tidak ada laluan air langsung. Kita bercakap tentang banjir, kita bercakap tentang kesukaran orang ramai, di tengah-tengah kesukaran ini masih berlaku lagi keadaan ini.

Jadi, nyatalah bahawa kita minta bahawa kementerian yang berkenaan mengambil berat. Kalaulah benda ini kita tidak memberikan penegasan, maka inilah di antara perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah kepada orang-orang kampung misalnya, kampung-kampung tradisi yang tidak tahu bagaimana hendak mengalirkan air, kalau pun ada parit yang disebutkan ialah parit tanah, itu pun tidak mengapa kalau dia servis atau dibersihkan setahun sekali atau tidak. Kalau tidak dibuat maka banjir akan berlaku dan kerugian, kerosakan, tanaman, ternakan kerugian bagi orang-orang kampung

dan kesukaran bagi orang-orang yang duduk di taman yang sentiasa di dalam keadaan banjir.

Bercakap tentang rumah, saya juga ingin menarik tentang tajuk B.21 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tentang harga-harga rumah. Kita tahu sekarang ini harga-harga rumah semakin hari semakin naik kerana masalah tanah. Ini tentulah dari segi ekonominya, bila lebih banyak diperlukan maka harga akan naik dan apa yang kita risaukan ialah bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Rumah pun disebutkan rumah sederhana dan juga rumah dengan kos rendah.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa kerajaan telah pun menghapuskan caruman modal pembetulan, kalau tidak salah saya, 1.6% daripada harga rumah. Oleh itulah kita berharap supaya satu tindakan kalau perlu tindakan undang-undang diambil agar harga-harga rumah ini dapat diturunkan sedikit kerana kos pembinaan telah dikurangkan kepada 1.65%.

Sekarang ini oleh kerana tidak ada undang-undang, apa yang disebutkan hanya diminta kepada pihak pemaju sebagai *social obligation*, maka kita lihat ianya terlalu longgar dan ada yang buat dan ada yang tidak buat, jadi oleh itulah kita lihat syarat ini terlalu longgar, kita minta supaya diadakan satu undang-undang untuk menjaga, mengawal harga rumah ini supaya dapat dikawal dan juga dapat diturunkan untuk dapat memberi keselesaan dan kemudahan kepada orang ramai terutama orang-orang kita yang berpendapatan rendah.

Saya tadi menyebutkan tentang air, perparitan, saya juga hendak cerita tentang air fasal masih lagi dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu B.21. Sebagaimana yang kita maklum sekarang ini orang-orang kita, rakyat kita begitu prihatin tentang kesihatan. Kita sendiri pun sekarang ini banyak minum air mineral dan pelbagai alat digunakan sekarang ini untuk menapis air paip kita di rumah. Ini ialah kerana kita rasa kesihatan kita itu penting.

Di tengah-tengah kita prihatin tentang menjaga kesihatan kita dan orang ramai menjaga kesihatan ini, kita lihat harga air mineral dari segi harganya cukup berbeza-beza walaupun jenamanya sama. Kita ambil contoh harga di kedai runcit berbeza dengan di supermarket, supermarket berbeza dengan di stesen minyak, begitu juga di lapangan

terbang misalnya, harga ini cukup berbeza dan kadang-kadang antara 80 sen hingga kepada RM1.80 sen, berbeza.

Begitu juga kita keliru air mineral ini, pelbagai jenama dan pelbagai istilah yang digunakan, ada yang menyebutkan air mineral, ada yang menyebutkan air minuman dan ada yang menyebutkan *reverse osmosis*, ada yang menyebutkan air galian. Kita rasa kita rakyat Malaysia sekarang ini, kita begitu prihatin, bila beli itu, bukan sahaja kita melihat tempoh luputnya tetapi kita juga lihatkan dia punya *content*. *Content*nya hampir-hampir sama semua. Jadi, ini lebih menjadi tanda tanya kepada kita, harganya berbeza antara air minuman, adakah ini air paip yang ditapis ataupun air mineral yang benar-benar memberi kebaikan kepada kesihatan kita.

Oleh itu, kita berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat memantau harga ini dan begitu juga barangkali dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dapat melihat supaya air mineral ini tidak diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga untuk membuat pelbagai jenama dan mengaut keuntungan dan sekali gus tidak memberi manfaat kepada rakyat kita.

Saya juga berasa ingin tahu setakat yang kita faham bahawa air paip kita di rumah, bekalan air kita di rumah sebenarnya selamat untuk diminum, oleh kerana sekarang ini kita semacam lebih prihatin kita bimbang barangkali lebih klorinnya dan sebagainya, kita pergi kepada air minuman ini. Jadi, oleh itulah kita berharap kalaulah kementerian dapat memberi promosi kepada minuman air paip ini dijamin selamat dan tidak terlalu banyak klorin dan standardnya mengikut World Health Organisation (WHO) yang ianya menjamin kesihatan, tidak memudaratkan, saya rasa orang ramai lebih suka, lebih menjimatkan kalau minum air paip kita.

Oleh itu saya sangat-sangat berharap bahawa air mineral yang semakin popular ini dapat kita pantaukan, dapat kita mengenal mana satu benar-benar air mineral, mana satukah air minuman dengan harganya yang berpatutan. Isu ini sebenarnya sudah lama tetapi oleh kerana ianya terus berlarutan dan semakin menjadi-jadi dan jenis jenama-jenama air minuman ini saya rasa sekarang sudah beratus yang membuat air ini dan adakah kawalan tentang mutu air ini dibuat, ini yang membimbangkan kita, terutamanya bila kita masuk di kampung, ada air-air mineral ini dan selalunya orang-orang ini

lambakkan barangan mereka ini di kampung-kampung kerana maklum sahaja orang kampung begitu mudah membeli dan barangkali dimurahkan sedikit dan sebagainya. Oleh itu kita bimbang ada pihak yang mengambil kesempatan dan mungkin kita tidak berapa prihatin tentang masalah ini, jadi ini boleh merugikan dari segi kesihatan itu sendiri.

Saya juga dalam kesempatan ini merayu kepada kerajaan dalam keadaan ekonomi yang semakin hendak pulih ini, bagi pihak rakyat kita ini berharap jugalah kalaulah dapat bonus yang masih menjadi tanda tanya sekarang ini, semua terutama yang berpendapatan rendah, setidak-tidaknya membantu saudara-saudara kita ini yang berpendapatan rendah dan sederhana berilah satu amaun yang kita fikir kerajaan mampu memberinya. Sebab maklum sahajalah sekarang ini kita akan hadapi Hari Raya, anak-anak hendak naik sekolah, ini yang kadang-kadang pening, ada yang mengamuk agaknya.

Jadi, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan B.26 peruntukan tambahannya sebanyak RM470,560,600. Walaupun kita difahamkan bilangan guru mencukupi sehingga kita dengar jawapan daripada kementerian tadi, ada guru-guru yang telah Dato' Abdul Aziz sebutkan tadi membelanjakan wang begitu banyak untuk membuat *self study*, mereka berkorban meninggalkan keluarga, kadang-kadang terpaksa pergi belajar dengan wang sendiri dan sebagainya, akhirnya mereka berjaya.

Dan semangat ini perlu kita pupuk sebab guru-guru ini juga sebagai guru untuk menambah ilmu, untuk memberikan input yang lebih kepada anak-anak murid mereka atau pelajar-pelajar mereka. Ini semangat yang kita rasa patut kita sanjung tinggi. Tetapi pada masa yang sama kita dengar ramai pula di antara mereka yang melanjutkan pelajaran dengan secara jarak jauh ini tidak dapat diserap sebagai guru siswazah. Bila bilangan itu ramai, menimbulkan kekecewaan kepada guru-guru yang lain, oleh itu mereka mungkin terbantut bila melihat perangkaan yang sedemikian rupa dan soalnya timbul bila awal tahun kita dapati bahawa ada sesetengah sekolah masih kekurangan guru terutama di luar bandar.

Jawapannya kepada ini kemungkinan *optionnya* tidak kena. Kekurangan *option* sesuatu bidang. Jadi, oleh itulah kita minta kementerian barangkali dari segi perancangan, biasanya setiap sekolah, setiap tahun kita memberi laporan sama ada guru

besarnya, pengetuanya, berapa orang guru Bahasa Malaysia, berapa orang guru Sains, berapa orang guru Pendidikan Jasmani dan lain-lain. Perangkaan ini kita beri kepada kementerian.

Begitu juga dari segi kementerian merancang maktab-maktab perguruan, telah ditentukan berapa ramai guru-guru yang diperlukan tetapi sepanjang masa keadaan kekurangan ini berlaku dan kadang-kadang bilangannya begitu besar sehingga boleh menjejaskan sekolah itu sendiri. Jadi, oleh itulah kita berharap pada masa ini dengan kemudahan-kemudahan dan juga kita berharap supaya pendidikan anak-anak kita di sekolah tidak terjejas.

Satu lagi kita dapati bahawa seperti yang disebut oleh Dato' Abdul Aziz tadi, saya juga berasa tersentuh bila disebutkan bahawa ingin kembali kepada medium bahasa Inggeris semata-mata untuk memberikan kita fasih berbahasa Inggeris. Saya rasa ini juga satu tanggungjawab yang berat bagi Kementerian Pendidikan, bagi kita yang mempunyai anak di sekolah, begitu juga kita yang mungkin setengah daripada kita berasal daripada guru, kita akui bahawa kelemahan ini semakin ketara sekarang ini.

Saya hendak ambil contoh dan ini boleh mungkin diakui oleh mereka yang berpengalaman bahawa satu ketika saya berdepan dengan seorang guru muda yang mendapat *Distinction* dalam Bahasa Inggeris tetapi bila saya minta dia mengajar Darjah 1, pada ketika itu pengalaman saya sebagai guru, minta dia mengajar Darjah 1, *Distinction in English* di peringkat SPM, minta dia mengajar Darjah 1, dia tidak berani, dia takut dan dia berterus terang katanya *pronunciation* saya, sebutan saya tidak begitu baik dan oleh itu kita tidak boleh paksa dia.

Jadi, bayangkan saya tidak kata bahawa sistem ini gagal, tetapi kalau dia dapat *Distinction* tetapi dia tidak ada *confident* dari segi hendak mengajar, kita masih ingat dahulu kita mewarisi sistem pendidikan yang lama, di mana kita masih ingat lagi kita ada *tounge twister* dan sebagainya, suruh bercakap Inggeris macam Mat Saleh sedikit, barangkali dari segi itu memberikan kita *confident* untuk bercakap bahasa Inggeris, mungkin dari segi *pronunciation* kurang diberi penekanan sehingga tidak meyakinkan yang saya sebutkan tadi.

Jadi, oleh itulah kementerian kita minta sangat-sangat seperti Dato' Abdul Aziz tadi mengatakan medium bahasa Inggeris ini penting. Jadi, oleh itulah kita berharap dari

segi bahasa Inggeris ini kita berikan penekanan, boleh kita buat dan kita berharap bahawa guru-guru Bahasa Inggeris ini tidak perlu begitu ramai dan kalau perlu barangkali kita tahu guru bahasa ini dia punya beban sebagai guru sahaja memang berat, berbeza dengan guru Pendidikan Jasmani tidak ada masalah, tetapi guru bahasa bayangkan, ia terpaksa melihat karangan baris demi baris, membetulkan tata bahasa dan bukan satu karangan, dari segi bahasanya, pendek kata beban kerja seorang guru bahasa jauh lebih sukar daripada guru-guru lain, bandingkan dengan guru Arts dan sebagainya.

Jadi, kalau kita dapat memberi insentif yang lebih kepada guru Bahasa Inggeris, mungkin ini menjadi satu tarikan kepada mereka untuk menjadi guru Bahasa Inggeris dan saya rasa memang ada yang berpotensi. Ada anak-anak kita yang fasih berbahasa Inggeris di rumah. Jadi, oleh itu peluang-peluang ini mungkin diambil tetapi kalau ianya sama rata dari segi gaji, mungkin tidak ada insentif, mereka kurang berminat dari segi untuk mengambil atau menjadi seorang guru Bahasa Inggeris. Jadi, oleh itulah kita berharap sangat-sangat yang sangat ketara, begitu juga barangkali kita tidak tahu, di akhir-akhir ini bidang pendidikan sudah kurang orang lelaki dan ramai perempuan menceburinya dan pengetua juga kadang-kadang sekarang ini sudah ramai pengetua wanita. Jadi kita cemas juga dalam keadaan ini, satu cara juga perlu ditarik supaya pemuda-pemuda kita berminat di bidang pendidikan ini. Mungkin insentif yang lebih dan kalau kita lihat tadi, dia belajar pun tidak dapat masuk kepada guru siswazah, barangkali hambatan-hambatan inilah yang mendorong mereka tidak berapa berminat. Jadi saya rasa kalau banyak kita bukakan peluang-peluang, saya percaya anak-anak muda lelaki kita akan lebih cenderung untuk, *more challenging* dari segi pendidikan ini, saya rasa mereka akan lebih berminat.

Saya rasa dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah.

3.52 ptg.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Sebelum itu, saya ingin mengambil kesempatan

oleh kerana buat pertama kalinya memberi ucapan dalam Dewan ini, mungkin ada salah silap saya minta ampun dahulu.

Dalam perbahasan Rang Undang-undang ini saya ingin menyentuh tentang B.21 dan juga B.47 mengenai dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pengangkutan. Perbelanjaan ini saya ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil kira bermacam-macam perkara sebelum mengambil ketepatan tentang budget ini. Sementara saya membuka buku-buku yang buat pertama kali saya tengok ini, seperti laporan Ketua Audit Negara yang di hadapan saya ini, saya ternampak satu gambar yang menunjukkan jalan-jalan yang tidak diturap. Ini menunjukkan bahawa ada juga negeri-negeri yang walaupun kesimpulan dalam buku ini mengatakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan amat tidak memuaskan, prestasi penurapan jalan amat rendah iaitu kurang 20% daripada sepatutnya. Pencapaian yang rendah ini kerana pihak berkuasa kewangan negeri tidak memberi peruntukan yang sepatutnya walaupun kerajaan persekutuan memberi geran yang mencukupi bagi tujuan penyelenggaraan jalan. Saya tidak mahu menyentuh kerajaan negeri ini tetapi yang pentingnya oleh kerana ada kerajaan negeri yang tidak tahu untuk menurap jalan-jalan walaupun geran telah diberikan oleh kerajaan nasional, maka saya ingin bertanya kepada dua kementerian tadi, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ataupun Kementerian Pengangkutan, apakah pernah membuat kajian-kajian mengenai dengan woksyp-woksyp, tentang pengangkutan-pengangkutan yang ada di dalam negara kita ini.

Maksud saya, kalaulah kerajaan-kerajaan negeri mempunyai jalan-jalan yang sebegini rupa teruknya, saya takut banyak nanti kenderaan-kenderaan di jalan raya yang rosak. Apabila ianya rosak, maka sudah tentu pengguna-pengguna terpaksa menghantar kereta-kereta mereka ataupun kenderaan-kenderaan mereka untuk diubahsuai, di repair, dengan izin, dan ini nanti saya takut ada mungkin joint-venture di antara kerajaan-kerajaan seperti ini dan pengusaha-pengusaha negeri, memang hendak membiarkan jalan-jalan yang sebegini rupa. Sebab itulah saya minta kalau boleh kajian dibuat oleh dua kementerian ini bagaimanakah caranya untuk woksyp-woksyp yang hendak dibuka mesti diberikan lesen, seperti juga di Kementerian Kerja Raya di mana kontraktor terpaksa kita berikan lesen untuk bekerja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta juga kalau boleh kajian dibuat supaya di antara dua kementerian ini, memberikan lesen untuk membuka woksyp-woksyp supaya lesen yang sebenarnya boleh diberikan dan woksyp-woksyp ini mesti memberikan satu warranty ataupun guarantee kepada kereta-kereta yang telah pun dibaiki. Sekarang ini saya dapat tahu semua kita ini apabila kereta rosak, kita hantar woksyp, tidak ada guarantee dan tidak ada warranty. Sebab itulah saya minta kajian dibuat oleh kementerian yang mana satu, saya tidak tahu, mungkin Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ataupun Kementerian Pengangkutan supaya hanya woksyp-woksyp yang diberi lesen sahaja boleh buka, yang lain dikira haram. Oleh kerana itu, dapatlah kita buat pemantauan supaya sekiranya kereta-kereta atau pengangkutan dihantar, dibaiki, dia keluar dengan confidentnya ada warranty setahun, dua tahun atau tiga tahun. Kerajaan Nasional sudah tentulah buat pembangunan, membuat infrastruktur, jalan-jalan yang baik, contohnya kalau dari Perlis ke Johor Bahru, jalan raya yang begitu besar, begitu luas yang cantik tetapi kalau kereta-kereta keluar daripada negeri-negeri yang jalannya tidak diturap seperti ini saya takut nanti banyak lagi yang merosakkan lagi jalan-jalan yang lain. Sebab itu saya mintalah kajian dibuat di atas kedua kementerian ini.

Satu lagi, apabila ini sudah kita buat pemantauan, kita harus mengkaji sama ada kereta-kereta yang digunakan oleh pengguna-pengguna ini setakat mana mampu untuk keluar ke jalan-jalan raya sama ada 5 tahun, 10 tahun tempoh diberi supaya tidak semua kereta boleh digunakan selama 10, 15, 20, 30 tahun tanpa ada tahap hidup matinya kereta itu, sebab itu saya minta kajian dibuat.

Oleh kerana buat kali yang pertamanya, jadi saya tidak mahu bercakap panjang. Cuma yang pentingnya hari ini yang saya minta supaya dengan budaya berilmu itu kalaulah geran-geran yang diberikan seperti ini saya minta dapatlah kerajaan negeri yang ada ini supaya menjalankan tugas mereka seperti yang dijanjikan kepada rakyat sebelum ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim.

3.58 ptg.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Peruntukan Tambahan bagi tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahaskan di dalam Kementerian B.26. Saya ingin bertanya, adakah Kementerian Pendidikan Malaysia terus menghantar pelajar ke universiti negara Timur Tengah misalnya Jordan, Mesir dan sebagainya pada tahun 2001 dan apakah bidang pengajian yang biasa pihak kementerian taja.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kementerian Pendidikan Malaysia kurang menghantar pelajar-pelajar Malaysia untuk mengikuti pengajian ke universiti-universiti di Timur Tengah. Kebanyakan pelajar-pelajar kita dihantar ke universiti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara Barat yang lain. Biasanya pelajar-pelajar kita mengikuti pengajian Sains dan Kejuruteraan. Sehubungan dengan itu adalah lebih bijak jika kita menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, antara kebaikan yang diperolehi jika menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti Timur Tengah ialah yang pertama, kos pengajiannya rendah. Kos pengajian yang rendah ini merupakan bayaran seperti yuran pengajian ke universiti, bayaran elaun buku, elaun sewa rumah, pakaian dan kos sara hidup di mana di negara Timur Tengah, kos-kos tersebut adalah lebih rendah dan murah berbanding dengan kos pengajian di negara Barat.

Kedua, kos sara hidup yang rendah di mana harga barang-barang mentah murah dan senang didapati serta sesuai dengan selera orang Asia seperti beras, rempah dan sebagainya merupakan faktor menggalakkan pelajar hidup dengan lebih selesa.

Ketiga, bidang Sains dan Teknologi juga merupakan salah satu bidang kursus yang terdapat di universiti di sana. Universiti-universiti di negara Timur Tengah ada juga menawarkan bidang-bidang berkaitan Sains dan Teknologi terutamanya kejuruteraan Sains dan Matematik dan Kedokteran misalnya di universiti-universiti di Libya, Jordan dan Mesir ada menawarkan bidang-bidang berkaitan. Tahap teknologi dan pendidikan, pendek kata, kualiti pengajian juga setaraf dengan universiti seperti negara Barat. Apa salahnya kita menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti negara Timur Tengah di samping itu kita dapat mempelbagaikan budaya ilmu yang ada di Malaysia ini, antaranya

pelajar-pelajar dalam bidang yang sama daripada universiti negara-negara yang berbeza, dengan ini menambahkan dan mempelbagaikan pengkayaan ilmu yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran mata wang disebabkan kos pengajian rendah dan murah serta kos sara hidup yang rendah. Ini bermakna kerajaan hanya perlu memperuntukkan sejumlah wang yang sedikit. Amaun untuk perbelanjaan seorang pelajar adalah dianggarkan antara RM8 ribu hingga RM12 ribu setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhentikan sedikit masa. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Gapar untuk mempengerusikan majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Teruskan.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Tuan Yang di-Pertua, amaun perbelanjaan untuk seorang pelajar adalah dianggarkan antara RM8 ribu hingga RM12 setahun berbanding dengan perbelanjaan yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada pelajar yang menuntut di negara-negara Barat dalam bidang yang sama melebihi 4 kali ganda nilainya. Perbandingan ini sudah tentu lebih menguntungkan kerajaan jika memilih untuk menghantar pelajar ke negara Timur Tengah. Kerajaan ini juga boleh menawarkan lebih ramai lagi pelajar yang ada tiga atau empat kali ganda berbanding jika menghantar pelajar ke negara-negara Barat. Peluang ini harus direbut dan kesempatan ini harus diisi dengan sebaik-baiknya. Mengapa perlu kita membazirkan wang rakyat untuk menghantar pelajar-pelajar yang begitu ramai ke negara-negara Barat berbanding dengan negara-negara Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, kemahiran menguasai bahasa asing. Komunikasi di universiti Timur Tengah menggunakan Bahasa Inggeris dan komunikasi antara pelajar ada menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Suasana begini menguntungkan pelajar kita di mana pelajar kita dapat menguasai dua jenis bahasa. Eratkan hubungan penghantaran pelajar kita ke negara-negara Timur Tengah akan mengeratkan lagi perhubungan antara negara kita dengan negara-negara Timur Tengah seperti Jordan, Mesir, Lubnan, Libya dan lain-lain. Di samping itu, ini memberikan banyak faedah kepada pelajar dan negara kita dalam menstabilkan keadaan diplomatik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kejutan budaya tidaklah sehebat di negara Barat. Negara-negara Timur Tengah masih lagi dilitupi dengan tatasusila, kesopanan, kebudayaan mereka lebih-lebih lagi kebanyakan daripada populasi penduduk di Timur Tengah beragama Islam memang teguh ajaran Islam, justeru itu adalah sesuai dengan suasana rakyat negara ini yang mempunyai persamaan daripada segi agama dan kebudayaan. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Zainal

4.05 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah dilantik baru-baru ini dan juga pagi tadi. Syabas kepada mereka semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap atas Rang Undang-undang Tambahan ini di atas B.20, B.21, B.34 dan B.40.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara B.20 iaitu bersabit dengan peruntukan tambahan bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Seperti mana yang telah saya jelaskan di masa yang lampau bahawa kedapatan jika sekiranya sesebuah syarikat yang beroperasi di dalam negara kita, yang datang dari luar bila mana syarikat tersebut jatuh muflis, gulung tikar bantal mereka, dan meninggalkan negara ini maka syarikat tersebut tidak lagi bertanggungjawab untuk membuat pembayaran pampasan, bayaran perkhidmatan kepada pekerja-pekerja yang digaji.

Kita MTUC dan pergerakan persatuan sekerja telah mencadangkan banyak kali seharusnya wujud satu dana, satu tabung yang dipanggil skim penamatan perkhidmatan. Walaupun Kabinet, MTEN telah bersetuju namun demikian ianya menerima bantahan dari kalangan pengusaha-pengusaha industri dalam negara kita. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, MTUC dan juga pergerakan persatuan sekerja akan meneruskan usaha ini dan kita memastikan bahawa jika sekiranya majikan enggan berbuat demikian, kerajaan mewujudkan satu undang-undang untuk dibentangkan ke dalam dua-dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk diluluskan bagi menjamin kepentingan kaum pekerja, di mana syarikat-syarikat yang jatuh muflis dan gulung tikar

bantal mereka dan meninggalkan negara ini tanpa membuat apa-apa pembayaran kepada pekerja.

Sehingga menunggu pindaan-pindaan sedemikian diwujudkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mengambil perhatian kepada kementerian berkenaan supaya pindaan dapat dibuat kepada Akta Syarikat 1965, Seksyen 292(1) di mana jika sekiranya sebuah syarikat jatuh muflis dan meninggalkan negara ini pampasan, pembayaran kepada pekerja iaitu bayaran perkhidmatan mereka tidak lagi dianggap sebagai dengan izin, in secure creditors atau hutang-hutang yang dianggap sah yang harus didahulukan. Tidak seperti mana yang ada sekarang ini di mana jika sekiranya syarikat tersebut jatuh muflis dan meninggalkan negara ini bila mana harta syarikat dijual, pembayaran pampasan kepada pekerja tidak lagi dianggap sebagai utama, priority, dengan izin, dan pembayaran hutang-hutang yang lain mendahului pembayaran pampasan kepada pekerja-pekerja mereka. Ini akan dapat menjamin nasib pekerja-pekerja negara kita ini dari dianiaya dan ditekan.

Kedapatan banyak syarikat yang beroperasi kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, mereka beroperasi lebih 10 tahun dan 20 tahun. Bila mana syarikat tersebut jatuh muflis, oleh kerana kita tidak ada undang-undang yang menjamin untuk mereka dibayar, jika harta syarikat dilelong dan dijual kerana hasil daripada penjualan tersebut dibayar hutang-hutang syarikat terlebih dahulu dan bakinya baru dibayar kepada pekerja. Kebiasaannya jika sekiranya syarikat tersebut jatuh muflis dan hartanya dijual, kadangkala kedapatan pula hartanya dikaveat ataupun ditanggung oleh bank maka sudah tentu pekerja tidak akan dapat apa-apa pun bayaran. Inilah yang menjadi keluhan kepada pekerja-pekerja di negara ini dan saya berharap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri prihatin kepada nasib kaum pekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu di mana kita memang sentiasa menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing ke negara kita, dalam masa yang sama kita juga harus memastikan bahawa kebebasan hak berkesatuan juga wujud dalam industri-industri yang beroperasi di dalam negara kita. Kerana dengan adanya kesatuan sekerja mewakili mereka sudah tentu nasib kaum pekerja akan dapat dijamin, terutama sekali industri elektronik. Walaupun kerajaan sekarang ini sedang melonggarkan industri tersebut boleh menubuhkan kesatuan dalaman tetapi malangnya kedapatan

beberapa kesusahan yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin kesatuan tersebut untuk bergerak aktif untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka melindungi hak kaum pekerja. Kadangkala majikan pula terpaksa mengenakan syarat, di antara syarat-syaratnya kedapatan bahawa memilih pemimpin yang harus direstui oleh pihak syarikat dan sebagainya.

Begitu juga seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum dan rakan-rakan lain maklum iaitu sebuah syarikat elektronik yang beroperasi di Hulu Kelang, Selangor, syarikat ini iaitu Harith Solestic di mana ianya adalah syarikat yang dipunyai oleh warga negara Amerika, ia multinational company, dengan izin, beroperasi banyak tempat di dunia ini. Mereka ini mempunyai sepuluh nama yang boleh ditukar dari masa ke semasa. Bila kesatuan dalaman ditubuhkan dan bila kesatuan memohon pengiktirafan, ada majoriti dan bila samapai masanya mereka hendak mengiktirafkan kesatuan dia akan tukar nama yang lain, dan kesatuan tersebut terpaksa tukar nama lain. Inilah yang berlaku sebanyak tiga kali, saya kira barangkali perkara sedemikian harus diberhentikan dengan serta merta. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri harus waktu mempromosi untuk menarik mereka melabur ke negara kita harus menjelaskan kepada mereka hak kebebasan berkesatuan yang dijamin dalam Artikel 10 dalam Pelembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.21, iaitu peruntukan tambahan bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pagi tadi saya cuba untuk mencelah soalan tambahan, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua telah memperuntukkan hanya dua soalan tambahan. Kerana hendak bertanya kepada jawapan yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa katanya semua barang keperluan harian adalah terkawal, pihak-pihak pengeluar atau pengedar tidak harus menaikkan harga barangan mereka. Seperti mana yang kita semua lihat dan dengar setelah naiknya harga minyak 10 sen, kedapatan banyak syarikat yang mengambil kesempatan. Saya cuma hendak mengambil satu sahaja bukti yang terang dan jelas yang tersiar dalam media cetak dan media elektronik yang kita lihat, iaitu soal kenaikan harga ayam. Saya tengok bila melihat warta berita tersiar dalam TV3, penjual pasar basah, menjelaskan kenapa kami terpaksa menaikkan harga

ayam ini kerana katanya pengedar, orang tengah menghantar barangan ini mahal maka kami terpaksa jual dengan harga yang mahal dan menaikkan harga.

Jadi jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak tepat sama sekali. Saya ingin penjelasan oleh kerana bukti kita telah lihat melalui kaca TV yang wartawan TV3 interview penjual itu sendiri. Penjual itu sendiri menyatakan bahawa mereka terpaksa menaikkan harga barang kerana harga ayam naik, hanya untung 40 sen bagi 1 kilo yang mereka perolehi. Jadi terang telah menjelaskan bahawa jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri saya kira, saya ingin menjelaskan memang tidak tepat sama sekali. Saya berharap kerajaan memantau harga barangan, terutama sekali waktu perayaan-perayaan hampir menjelang.

Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tahu *enforcement unit*, penguat kuasa daripada kementerian yang berkenaan sejauh mana mereka boleh bergerak, kerana jumlahnya begitu terhad dan pasar begitu besar, penjual begitu ramai sudah tentu penyelewengan dan penindasan, kenaikan harga barang-barang besar kemungkinan akan berlaku. Mereka akan mengambil kesempatan untuk menekan pengguna-pengguna dalam negara, terutama sekali bila kakitangan awam mendapat gaji kenaikan sebanyak 10%. 10% kenaikan gaji yang diberi oleh kerajaan sedangkan harga barang-barang naik lebih daripada 10%. Ini tidak seimbang dengan kenaikan yang diterima oleh kakitangan awam dan begitu juga kakitangan swasta. Hari ini setelah kita dengar ekonomi telah pulih, baik, telah meningkat naik dan sebagainya namun demikian kenaikan gaji di antara kakitangan-kakitangan swasta masih lagi jauh ke belakang iaitu kenaikan 5% , kurang 10% dan sebagainya.

Kadangkala perkara ini terpaksa dirujuk ke mahkamah dan akan memakan masa selama tiga tahun, pekerja tersebut tidak akan menikmati kenaikan gaji selama tiga tahun sehingga Mahkamah Perusahaan membuat keputusan dan harga barang naik, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengawal begitu ketat. Kepada penjual atau pengedar dan orang tengah saya ingin untuk meminta mereka semua jangan menaikkan harga yang keterlaluan, mengaut keuntungan atas titik peluh kaum pekerja itu sendiri yang bertungkus lumus untuk mencari nafkah menanggung keluarga mereka terutama menjelang hari raya kenaikan harga barang meningkat. Bila sampai perayaan demikian mereka mula untuk bergerak,

untuk mengaut keuntungan yang lebih tinggi. Saya berharap mereka ini sedar bahawa mereka bukan hidup seorang diri, mereka perlu juga pengguna. Kalau pengguna tidak membeli barang mereka, mereka tidak akan dapat menjual barang mereka, dengan sekali gus mereka tidak akan dapat mengaut keuntungan.

Kepada pengguna, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menasihatkan, kita semua mempunyai kuasa di tangan kita, kuasa membeli di tangan pengguna. Jika kedapatan kenaikan harga barang ini saya ingin menjelaskan kepada mereka dan mencadangkan supaya memulaukan atau memboikot, perkataan begitu kuat dan keras, tetapi membuat pendirian kalau sekiranya perlu dibeli, beli, jika tidak jangan beli sama sekali. Ini caranya kita untuk mengajar kepada penjual orang tengah yang cuba mengaut keuntungan yang berlebih-lebihan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, B.34 Kementerian Kesihatan. Saya berterima kasih kepada kerajaan, kerana kerajaan telah mengisytiharkan bahawa agensi perubatan tidak akan diswastakan tetapi kerajaan perlu mengambil tindakan untuk memperbaiki hospital-hospital dalam negara kita. Tadi, Tuan Yang di-Pertua, selepas pukul 1.00 tengah hari waktu berhenti rehat, oleh kerana abang saya masuk General Hospital Kuala Lumpur untuk operation dan satu hari dahulu saya pergi juga, melawat kawan saya. Kemudian saya tengah hari tadi pergi ke sana dan saya hendak menaiki lif dan ketiga-tiga lif itu rosak. Nasib baik abang saya di tingkat 3. Saya terpaksa berjalan kaki naik ke tingkat 3. Bagaimana mereka yang VIP, tinggal di tingkat 5. Baru tengah hari tadi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Kementerian Kesihatan meminta peruntukan tambahan, lif General Hospital Kuala Lumpur umur dia saya tidak tahu berapa lama, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada statistik, begitu tua, kenapa tindakan tidak diambil.

Ini kemudahan awam, kemudahan orang ramai, yang datang melawat hospital bukan orang-orang yang sihat belaka, yang datang dari kampung, yang lemah, yang tua, hendak melihat anak, saudara, melawat, tiba-tiba sampai di sana nak naik lif, lif tidak bergerak, tidak berfungsi, kena naik tangga. Kalau yang darah tinggi, yang sakit jantung, saya ingat hendak melawat anak saudara, dia terpaksa masuk hospital pula, kena pula rawatan. Ada pula satu lif, kita kena tarik untuk menutup pintu lif itu, kena tarik dengan tangan, jadi manual operation dalam lif tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Kesihatan, menteri khasnya kadangkala Tuan Yang di-Pertua, kita hendak memberitahu pak-pak menteri kita ini, turun ke bawah, go down, lihat sendiri kadangkala terpaksa menjadi orang cakap, 'menyamar' sebagai orang biasa, pesakit.....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat, adakah ini berlaku hari ini atau pun sudah lama peristiwa lif ini?

Tuan Zainal bin Rampak: Ini berlaku baru ini di Hospital Kuala Lumpur. Minggu lepas saya pergi melawat kawan saya di tingkat 5, pintu lif terpaksa ditarik dengan tangan untuk ditutup. Hari ini pula saya pergi ketiga-tiga lif tak berjalan. Ini yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap pihak Kementerian Kesihatan mengambil tindakan sewajarnya dan Kementerian Kewangan berilah peruntukan yang besar kepada Kementerian Kesihatan bagi memperbaiki hospital-hospital dalam negara kita ini. Ini keperluan rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat sekarang sudah pun mula memerlukan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam masa yang sama saya tidak tahu bagaimana pula pendatang-pendatang asing yang menggunakan perkhidmatan kesihatan dalam negara kita. Apakah bentuk pembayaran daripada rakyat biasa yang dikenakan kepada mereka. Saya lihat kebanyakan pendatang asing telah menggunakan General Hospital, perubatan dan sebagainya untuk kepentingan mereka. Sudah sepatutnya kerajaan mengadakan pembayaran berasingan di antara pendatang asing dengan orang-orang tempatan. Jadi, dengan ini kita sebagai pembayar cukai tidak harus menanggung orang lain untuk mendapatkan kemudahan asas kesihatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir saya hendak bercerita ialah soal B.40 Jabatan Penjara. Jabatan Penjara ini saya tidak tahu sama ada Jabatan Penjara ini termasuk dalam isu soal menampung pendatang-pendatang tanpa izin yang datang dan ditangkap oleh kerajaan dan disimpan dalam kem-kem tahanan, sama ada ini termasuk ataupun tidak. tetapi kalau ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, saya kira barangkali kerajaan harus memikirkan bahawa kita tidak harus menyimpan mereka. Kalau mereka datang secara haram dan tanpa izin, kita tidak membenarkan mereka tinggal begitu lama dalam negara kita. Kita mesti mengambil keputusan menghantar mereka balik dengan segera.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa untuk mendapatkan tenaga buruh asing sepatutnya perundingan ataupun penghantaran buruh-buruh asing ini dari G to G, *government to government* tidak melalui *employment agency*.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, satu cerita saya hendak bawa sedikit. Seorang hamba Allah berjumpa dengan saya, katanya Yang Berhormat saja yang boleh buat kerja ini. Katanya, kita boleh bawa pendatang asing masuk ke negara kita dengan pembayaran sebanyak USD3,000 dan kita pergi ke negeri tersebut dan kita akan disambut secara VIP. Tinggal di VIP room, katanya kita dapat masuk 100 orang sudah berapa ribu ringgit kita boleh dapat untung dan kita hidup dengan senang. Saya beritahu mereka, bukan bisness saya dan bukan saya yang mempunyai minat untuk berbuat demikian.

Beginilah soalnya, Tuan Yang di-Pertua, *employment agency* ini menggunakan kesempatan untuk mengaut keuntungan sama ada dalam negeri ataupun luar negeri bila mana mereka ini bawa pendatang asing masuk dan meninggalkan negara kita dan akhirnya kita sebagai pembayar cukai terpaksa menanggung apa juga beban, makanan, perubatan, tempat tinggal dan sebagainya, kita terpaksa menanggung.

Jadi, saya berharap dalam isu perkara penambahan belanjawan ini, saya berharap di masa-masa akan datang, Tuan Yang di-Pertua, kita harus memastikan perkhidmatan-perkhidmatan ini akan dapat memberikan kebaikan dan akan dapat memberikan pertolongan kerana inilah satu-satunya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ini dapat diperbaiki dan perkhidmatan dapat diberikan dengan begitu baik, saya kira rakyat akan berterima kasih kepada kerajaan dan rakyat akan sentiasa menyokong usaha kerajaan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Dijemput Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy.

4.22 ptg.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak B.16 - Peruntukan Tambahan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tuan Yang di-Pertua, pada 17 November yang lepas, kebakaran berlaku di Kampung Beting, Bentong, Pahang. Pada masa itu *fire briged* atau kereta bomba cepat

sampai ke kampung itu. Akan tetapi, oleh kerana *fire briged* itu adalah begitu lama dan buruk, walaupun anggota pasukan dan belia-belia berbilang kaum cuba memadamkan api, akan tetapi efektif tidak berapa baik. Selepas tiga jam, di atas pertolongan *fire briged*, ada kereta bomba dari Karak, Raub dan Genting baru api dipadamkan. Akan tetapi, 81 buah rumah telah terbakar dan mangsa-mangsa yang terlibat dekat 600 orang. Kita berharap pihak kerajaan pada masa depan cubalah memperbaiki *fire briged* atau kereta bomba di daerah Bentong. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, Yang Berhormat Datuk.

4.24 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam membincangkan rang undang-undang perbelanjaan tambahan ini dan pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan. Akhir-akhir ini kita telah pun melihat dan mendengar keghairahan pihak kerajaan dalam menyeru rakyat dan juga dalam usaha untuk meningkatkan pendidikan pengajaran dan keupayaan pelajar-pelajar dalam bahasa Inggeris. Hal ini memanglah dialu-alukan oleh semua pihak yang menyedari dari awal kemerdekaan lagi sehingga sekarang ini tentang pentingnya pendekatan negara, hubungan negara dengan luar terutamanya negara kita yang dari awal lagi adalah menjalankan dasar terbuka, percaya kepada pasaran bebas dan percaya selamanya kepada hubungan dengan luar untuk meningkatkan kekayaan negara.

Kalau kita melihat dari satu segi, sebenarnya jumlah pelajar-pelajar kita setelah merdeka, setelah sistem pelajaran kebangsaan diperkenalkan, jumlah mereka yang mempunyai asas dalam bahasa Inggeris adalah lebih banyak daripada sebelum merdeka. Sebab sebelum merdeka, kita hanya mempunyai sekolah rendah dalam bahasa kebangsaan. Tetapi kemudian kita memperkenalkan bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran dan kita telah berusaha untuk meluaskan pendidikan bahasa Inggeris ini ke seluruh negara dan seluruh sekolah-sekolah di bawah sistem pelajaran kebangsaan tetapi malangnya, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapar tadi iaitu, kita tidak mempunyai persediaan dan tenaga yang cukup yang terpaksa pada suatu masa kita mengambil daripada American punya peace corp dan sebagainya. Ia juga disebutkan oleh Dato' Abdul Aziz tadi untuk mengajar di sekolah-sekolah, di kampung-kampung dan sebagainya. Masalah ini tidak dapat kita atasi dan terus kita hadapi dan

timbul pula suatu keyakinan iaitu satu sikap yang ekstrimis iaitu, melampau dalam kepercayaan terhadap bahasa kebangsaan sendiri.

Dalam usaha untuk menegakkan Bahasa Kebangsaan ini maka, yang menjadi masalah ialah pada satu peringkat di mana kalau dalam tahun 1967, kalau kita ingat, kalau kita tidak lupa, pada tahun 1967, apabila suatu pindaan Perlembagaan telah dibuat untuk meminda supaya dikekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan pada masa itu telah berlaku satu kebangkitan golongan-golongan yang dipanggil sebagai pejuang-pejuang bahasa telah mengadakan satu perhimpunan yang besar di Dewan Bahasa dan Pustaka yang dihadiri juga oleh para intelektual Melayu termasuk daripada golongan yang berpendidikan bahasa Inggeris yang mahu bahasa Inggeris dihapuskan dan hanya bahasa Melayu sahaja dikekalkan sebagai bahasa negara ini. Ketika itu, maaf, saya cuba juga menyebutkan bahawa ketika itu yang menjadi juara dalam mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ialah *Utusan Melayu* dan *Utusan Melayu* telah dibakar di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Utusan Melayu mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tetapi *Utusan Melayu* telah dibakar dan saya dapat namakan satu persatu orang yang telah membakar *Utusan Melayu* di Dewan Bahasa dan Pustaka pada ketika itu. Di antara mereka itu adalah orang-orang berada di dalam suatu kelompok yang menentang kerajaan sekarang. Ini adalah suatu sejarah dan kalau saya masih ingat sebuah sajak yang ditulis oleh Sasterawan Negara yang bernama Keranda 67. Ertinya, dengan hapusnya bahasa Melayu, bahasa Melayu duduk pada kedudukan yang sama dengan bahasa Inggeris, maka dengan kekalnya bahasa Inggeris, maka habislah, berakhirlah riwayat bahasa Melayu tetapi kalau kita fikirkan balik sekiranya desakan pejuang-pejuang bahasa ini diterima, di manakah kita berada sekarang? Di manakah kita berada sekarang? Adakah kita berada di barisan depan dalam kemajuan negara atau kita undur ke belakang. Apakah mala bencana yang menimpa kita pada masa ini.

Hal ini adalah suatu sejarah yang salah seorang daripada wartawan *Utusan Melayu* sendiri telah ditolak untuk masuk ke dalam api yang telah dibakar di Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal ini adalah suatu kalau saya mengatakan dalam soal ini saya telah dikelirukan, *Utusan Melayu* mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tetapi dalam masa itu kita tidak pernah lari daripada kesedaran terhadap

perlu bahasa Melayu untuk dikekalkan sebagai bahasa perpaduan, sebagai bahasa kebangsaan, sebagai bahasa yang akan menyatupadukan rakyat dan kita telah melihat pencapaian ini di negara kita sekarang.

Kita telah melihat di kaca televisyen orang-orang Cina yang dapat berbahasa Melayu dan yang dapat menerangkan tentang pasaran saham lebih baik dari orang Melayu sendiri yang mengagumkan dan kita telah melihat di pasaraya dan sebagainya di mana sebenarnya lebih banyak bahasa Melayu digunakan sekarang ini dalam hakikatnya. Di kaunter-kaunter bank juga kebanyakannya menggunakan bahasa Melayu tetapi dalam pada itu, kebimbangan kita ialah bahawa anak-anak Melayu. Anak-anak Melayu itu yang telah diyakinkan bukan oleh golongan yang berpendidikan Melayu, tetapi daripada golongan-golongan universiti yang mendapat pendidikan bahasa Inggeris yang diberi linguistik dan percaya kepada bahasa Melayu tetapi dalam sikap yang melampau yang meyakinkan anak-anak Melayu kita bahawa dengan hanya berbahasa Melayu kita boleh ke depan. Anak-anak ini percaya, tetapi anak-anak mereka, mereka mendapat pendidikan di luar. Mereka pergi kepada survey statikal pergi luar negara, anak mereka tidak ada masalah tetapi anak-anak Melayu di kampung menjadi mangsa kepada keyakinan palsu, satu keyakinan yang telah dibangkitkan yang meyakinkan bahawa hanya dengan bahasa Melayu kita boleh ke depan. Dan ini anak-anak Melayu yang datang membuat A-Level yang saya sendiri hadapi.

Saya pergi lihat bagaimana, saya hendak pas saya tidak tahu bahasa Inggeris semasa itu – menangis tetapi mereka diyakinkan yang datang membuat A-Level di Kuala Lumpur untuk pergi ke luar negara tidak dapat. Anak saya untung sebab saya selalu ke luar negeri kadang-kadang dia bersama-sama dengan saya dan dia dapat menguasai tetapi anak-anak orang kampung pergaulannya, sosialnya, ibu bapanya yang bukan orang elitis tetapi anak-anak elitis inilah yang memperjuangkan bahasa Melayu, yang meyakinkan anak-anak Melayu di kampung-kampung bahawa bahasa Melayu kita akan menjadi bahasa kebangsaan yang kuat, mereka telah ditipu dengan keyakinan yang palsu.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ada laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya amat tertarik dengan perbincangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin tentang bahasa.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tidak dengar?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya amat tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat Datuk Zainudin tentang bahasa Melayunya, bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Dan saya percaya kenyataan-kenyataan tadi amat benar, menakutkan dan mengerikan. Oleh kerana itu saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Datuk yang saya tahu berpengalaman dalam bidang ini. Oleh kerana krisis ini timbul sekarang, sudah nampak tanda-tanda yang masalah dahulu yang 67 apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin mungkin berulang dalam bentuk lain. Dalam bentuk ini mungkin lebih hebat lebih teruk lagi kesannya. Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk, apakah formulanya sekarang. Badan kerajaan mana yang patut mempelopori yang patut jadi *the real master planner* dalam menyeimbangkan kehendak bahasa Melayu dan kehendak bahasa Inggeris. Kalau tidak kita nampak rata-rata bercakap tentang halnya tetapi tindakan yang menyeluruh, yang konkrit yang mengkoordinasi yang menyelaraskan dan menyeimbangkan tidak ada. Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya percaya tentunya yang bertanggungjawab sepenuhnya yang akan memikul tanggungjawab yang besar ialah Kementerian Pendidikan sendiri. Tetapi ke arah mana yang saya yang tuju ialah saya bimbang dalam kehairahan ini, saya tidak menolak bahawa perlu pentingnya tetapi saya takut dikelirukan seperti apa Yang Berhormat Datuk Aziz katakan tadi. Dalam menuju ke arah memperkuat kedudukan bahasa Inggeris maka ada pihak-pihak yang mencari satu *escapism* yang tidak mahu *the Malay dominant* yang akan menganggap bahawa ini satu peluang untuk menidakkan bahasa Melayu. Itu yang saya bimbang.

Sistem pelajaran kebangsaan tidak akan berubah. Bahasa Melayu akan terus diajar. Bahasa Melayu akan terus menjadi penyatuan dan saya tidak mahu sebarang pihak mengambil kesempatan ini untuk menonjolkan dan menuntut bahasa Cina juga mesti diajar sebagai bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang sama status dengan bahasa Melayu. Itu bukan tujuan kita. Telah ada suara-suara yang tidak senang ini. Ini yang saya bimbang. Kementerian Pendidikan harus sensitif, harus menerangkan kepada rakyat dalam usaha kita untuk menegakkan bahasa Inggeris khususnya di kalangan orang Melayu kita tidak akan menafikan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita mesti tegas. Kalau tidak satu kebangkitan yang

saudara takut akan berlaku. Satu kekeliruan terhadap matlamat kerajaan akan berlaku. Satu perasaan pendekatan orang Melayu kepada kerajaan akan berubah. Hal ini yang saya bimbang. Bahasa Inggeris mesti diteruskan dan ...

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Datuk Zainudin kerana memberi laluan kepada saya. Tadi Datuk ada menyatakan tentang pelajar luar bandar yang tidak tahu berbahasa Inggeris kemudian kena ambil A-Level baru boleh pergi ke luar negeri. Dan sekarang ini telah diperkenalkan dengan satu lagi MUET (Malaysian University English Test) . Saya rasa ini pun salah satu caranya untuk menyekat pelajar daripada luar bandar dan kita tahu bahawa pelajar luar bandar memang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Kemungkinan dengan MUET ini juga esok pelajar-pelajar luar bandar, peluang untuk mereka bukan sahaja universiti luar negara universiti tempatan pun menjadi satu masalah. Apa pandangan Datuk tentang hal ini terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ini adalah masalah-masalah yang timbul dari usaha kita sekarang ini dan saya harap Kementerian Pendidikanlah yang sensitif terhadap masalah-masalah yang telah dibangkitkan ini.

Dan saya harap tidaklah ini akan menyebabkan..., tentunya kerajaan tetap sensitif kerana dalam dasar pembangunan tenaga manusia orang Melayu tetap dipentingkan untuk menambahkan dalam penambahan tenaga terpelajar dan sebagainya. Dan saya rasa Kementerian Pendidikan akan sensitif kepada perkara ini. Dan saya mahu tegaskan bahawa kepercayaan saya yang tetap iaitu bahasa Inggeris adalah bahasa yang membuka minda kita. Itu penting. Dan saya suka juga untuk berkongsi pengalaman saya dengan para Ahli Yang Berhormat yang ada di sini dan juga sesiapa yang dapat mendengarnya iaitu bahawa, saya mengemukakan contoh yang paling besar tentang hubungan bahasa Inggeris dengan keterbukaan minda iaitu *well-thought*. Orang-orang yang berpelajaran Inggeris dia ada *well-thought* iaitu fikiran yang lebih terbuka daripada semata-mata mendidik pendidikan Melayu atau semata-mata mendapat pelajaran agama.

Ini jelas sebab saya terpulang kepada suatu generasi yang tertekan. Kebetulan saya ke sekolah agama dan ketika itu generasi saya ialah anak-anak Melayu yang saya suka sebutkan yang merasa tertekan kerana terpaksa pergi hanya ke sekolah Melayu. Tetapi mereka melihat orang-orang yang berbahasa Inggeris – orang-orang yang berpendidikan Inggeris mendapat kejayaan di dalam kedudukan masyarakat dan negara.

Maka itu, kami telah meneruskan pelajaran tetapi di samping itu terus ke sekolah Inggeris pada sebelah malamnya. Tekanan yang dihadapi oleh generasi kami pada masa itu adalah lebih teruk daripada keadaan generasi yang sekarang dengan segala kemudahannya untuk mempelajari bahasa Inggeris. Kami tidak ada. Kami hanya pergi belajar malam. Yang saya dapat namakan orang-orang yang telah mendapat kedudukan yang penting dalam masyarakat menerusi *Malay medium* dengan kemahuan kerana percaya bahawa bahasa Inggeris akan meletakkan mereka dalam kedudukan di negara ini akan memperolehi kejayaan yang besar atau menjadi orang-orang yang berjaya ialah Tan Sri Awang Had Salleh, Abdul Halim Ismail daripada sekolah Arab, sekolah agama sama saya menjadi Pengerusi Bank Islam. Itu dia lebih layak untuk menjadi kadi. Dia juga ada kelulusan agama yang tinggi. Yaakob Lazim yang pernah menjadi Setiausaha Kementerian Pertahanan dan pernah menjadi Ketua Pusat Islam semua ini dari sekolah agama tetapi mereka ini tidak percaya bahawa hanya dengan bahasa Arab mereka akan dapat ke depan tidak akan membuka minda. Dan apabila kita melihat orang-orang yang mempunyai pendidikan agama yang tinggi di samping itu mempunyai bahasa Inggeris mereka adalah menjadi ulama-ulama yang terbuka, ulama-ulama yang progresif, ulama-ulama yang fikirannya kita akan dengar.

Umpamanya Usman Muhammadi daripada Kelantan. Kenapa? Saya suka mendengar daripadanya sebab ada *sense wave length*, ada pemikiran-pemikiran yang dapat membuka minda kita. Tetapi kadang-kadang kalau hanya dari pendidikan agama semata-mata tidak sedemikian. Ini masalah yang kita hadapi. Inilah juga masalah yang menjadi perpecahan antara kita dengan golongan-golongan agama dan sebagainya. Tetapi bukan semua golongan agama yang begitu. Banyak golongan agama yang terdedah kerana penglibatannya dalam kerajaan, kerana perkhidmatannya dalam kerajaan dan sebagainya yang dapat mendedahkan, yang berusaha sendiri yang akan saya sebutkan banyak lagi kalau saya sebutkan mereka menjadi orang-orang berjaya. Inilah *intellectuality* yang dibina oleh pengetahuan dalam bahasa Inggeris. Kalau tidak, sukar.

Tuan Gapar bin Gurrohu: Ya, beri laluan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: [*Pembesar suara tidak dihidupkan*] Yang Berhormat tadi saya agak kagum melihat hujah-hujah yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu juga adalah merupakan satu bahasa yang boleh membuka minda tidak semestinya

bahasa Inggeris. Cuma yang hendak saya persoalkan, dahulu 500 tahun dahulu di zaman Melayu yang begitu agung ketika zaman kesultanan raja-raja Melayu Orang Arab berniaga dengan kita, Orang China berniaga dengan kita, apakah bahasa yang digunakan ketika itu dan saya minta kalau boleh Yang Berhormat, saya tidak tahulah selepas mendengar hujah-hujah tadi saya musykil di manakah letaknya bahasa kita ketika itu. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Dalam sejarahnya ialah bahasa Melayu yang digunakan. Oleh sebab itu orang-orang Arab berbahasa seperti bahasa P.Ramlee di dalam Ali Baba, di Malaysia ini ya. Jadi itu bahasa Melayu. Tetapi keadaan sudah berbeza kalau kita hendak bezakan 500 tahun dahulu dengan keadaan yang ada sekarang saya ingat tentulah tidak adil sebab kita balik kepada. Kita suka mencari sejarah-sejarah gemilang untuk menyukakan hati kita tetapi itu tidak membantu kita untuk membina diri kita dan juga bangsa sesuatu bangsa. Kita suka bercakap tentang parang boleh terbang, Mat Kilau dan sebagainya tetapi hero-hero kita sekarang bukan Mat Kilau, hero kita ialah anak-anak Melayu yang pass dengan *distinction* yang tinggi, yang cemerlang. Itu hero kita. Jadi saya ingat tidak seharusnya kita kembali kepada mengagumi masa lalu yang tidak dapat dibandingkan dengan masa sekarang.

Tuan Gapar bin Gurrohu: Ya, ada laluan.

Tuan Haji Karim bin Ghani: Yang Berhormat saya dengar penjelasan Yang Berhormat membangkitkan masalah-masalah yang kita hadapi dari segi bahasa Inggeris. Apakah cadangan yang lebih positif yang boleh kita utarakan supaya masalah ini dapat diselesaikan. Apakah tidak mungkin..., saya ingat waktu Zaman Penjajah dahulu saya pada ketika itu sudah jadi pegawai kerajaan. Pada ketika itu orang-orang Inggeris dan pegawai-pegawai kerajaan yang perlu belajar bahasa lain selain daripada bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu pada ketika itu diberikan insentif seperti *allowance* umpamanya kalau saya hendak belajar bahasa Cina diluluskan oleh ketua jabatan saya diberikan *allowance* sekiranya saya lulus. Jadi barangkali dari segi ini kalau kita bagikan bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa apa pun *economic value* barulah orang lebih minat untuk belajar daripada beliau merasakan belajar itu membuang masanya tanpa *economic value*. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Jadi soal itu soal *methodology* yang harus diselesaikan oleh Kementerian Pendidikan bagaimana untuk meningkatkan pendidikan. Tetapi saya rasa, yang saya tidak mahu dikelirukan iaitu dalam soal keyakinan ini kadang-kadang pemimpin kita juga tidak dapat merasakan hal yang sebenarnya. Umpamanya bukan semua orang Taiwan boleh bercakap Inggeris dengan bahasa yang baik. Anak-anak orang Taiwan yang saya temui di Amerika dan sebagainya yang *graduate* Ph.D tidak dapat bercakap bahasa Inggeris dengan baik. Tidak. Tetapi mereka memahami bahasa Inggeris daripada menguasai bahasa Inggeris. Dan anak-anak Melayu sekarang yang menjadi pegawai tinggi kerajaan, profesional dan sebagainya dan anak-anak orang Cina juga dari Malaysia juga *through Malay medium* menerusi bahasa *medium* pengantar Melayu yang ada sekarang ini. Itu kita tidak boleh menafikan tetapi berapa ramai yang berpeluang pergi ke luar negara. Akhirnya orang-orang ini menjadi orang-orang yang elit, yang tinggal orang-orang yang mendapat pendidikan di Malaysia ini kalau setakat *Malay medium* tidak ada tempat mungkin. Bukan tidak ada tempat tetapi ada tempat masing-masing tetapi yang menguasai, yang berkuasa yang menjadi orang-orang berkedudukan sebagai orang-orang yang profesional banyak budak-budak Melayu yang daripada *Malay medium* yang sekarang menjadi *engineers*, doktor dan sebagainya boleh juga membuat *presentation* dan juga berbahasa Inggeris dengan baik. Tetapi masalah kemahuan, masalah datang daripada keluarga mana dan sebagainya.

Jadi saya dalam soal ini sebagai contohnya begini. Bagi diri saya sendiri contoh, maaflah. Saya mengatakan kepada anak saya, saya tidak bimbang kalau saudara ke sekolah tidak mempunyai kawan dari orang Melayu, saya tidak bimbang sebab *Malays are natural friend*. Maaf kawan dari orang Melayu mesti ada saudara sebagai orang Melayu tetapi saya bimbang kalau saudara tidak ada kawan sebagai seorang Islam tidak ada kawan daripada seorang Cina ataupun seorang Hindu. Itu kebimbangan saya. Itu saya tanamkan pada anak-anak saya. Dan dengan itu golongan-golongan ini kebanyakan kalau di bandar berbahasa Inggeris dan sebagainya berlaku komunikasi tetapi peluang pendedahan yang sesuai tidak ada di kampung. Anak Cina di kampung juga tidak boleh berbahasa Inggeris.

Anak seorang pekebun sayur Cina tidak boleh berbahasa Inggeris. Di bandar, akhirnya golongan-golongan elit ini jugalah yang berkuasa. Kita tidak mahu melahirkan

elit hanya daripada bandar tetapi kita mahu melihat elit-elit daripada kampung. Itu juga berjaya dalam sistem pelajaran kebangsaan. Kita tidak boleh menafikan *social mobility* berlaku, pembangunan tenaga manusia berlaku tetapi kita berhadapan dengan satu masalah yang lebih besar, dengan pembangunan IT dan sebagainya yang mana satu cabaran yang lebih mendesak dan lebih memerlukan terutamanya secara ikhlas kita bercakap ialah oleh kerana Melayu itu belum lagi dikenali betul sebagai pengusaha, peniaga dan sebagainya, maka mereka tetap ketinggalan dalam hambatan terhadap IT ini.

Sudahlah ketinggalan dalam bahasa Inggeris tetapi bagi orang bukan Melayu, oleh kerana itu dunia mereka, maka mereka tidak ada masalah. Maka, itu *concern*, rasa kebimbangan kerajaan bahawa orang Melayu akan ketinggalan dalam perkembangan dan penghambatan terhadap IT ini akan berlaku kalau bahasa Inggeris itu tidak dikejar dengan sebetulnya. Jadi...

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan, Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan isu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk. Kalau kita tengok sendiri dalam sejarah Islam, Rasulullah S.A.W sendiri menganjurkan agar umat Islam mampu menguasai pelbagai bahasa. Kelebihan inilah yang akan memastikan kita tidak mudah ditipu dan diperdayakan oleh bangsa atau penganut-penganut agama lain.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk, adakah Yang Berhormat Datuk bersetuju bahawa bahasa Inggeris itu penting khususnya dalam kita berhadapan dengan gelombang perkembangan pesat dunia moden hari ini dan adakah Yang Berhormat Datuk bersetuju dengan saya bahawa selain daripada itu, usaha-usaha penterjemahan buku-buku asing perlu ditambah ke dalam bahasa Malaysia, dan perlu dipertingkatkan lagi untuk meningkatkan ilmu dalam masyarakat negara kita hari ini? Adakah Yang Berhormat Datuk bersetuju bahawa contoh yang telah diberikan oleh negara Jepun, di mana negara itu mampu maju setanding dengan negara Eropah kerana perkembangan ilmu yang ada dalam negara itu? Kita tengok bagaimana, adakah perkembangan ilmu mereka di negara Jepun hanya bergantung kepada bahasa Jepun sahaja? Jadi, ini satu perkara yang perlu kita perhatikan bersama. Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya memang tertarik hati dengan soal membandingkan Jepun dengan kita tetapi Jepun adalah lain dan kita adalah lain. Jepun adalah satu bangsa yang maju, yang tamadunnya daripada China ke Jepun dan telah mempunyai pembinaan ilmu itu daripada China ke Jepun dan di Jepun itu berlaku kebangkitan beberapa era di mana akhirnya selepas 'Dimichi Era', kemudian berlaku bahawa usaha untuk menghantar juga orang-orang mereka di luar negara bagi mempelajari bahasa Inggeris itu sendiri.

Tetapi di Jepun itu sendiri, perasaan kebangsaan yang begitu sempit sehingga mereka tidak membenarkan orang-orang Inggeris mengajar bahasa Inggeris di Jepun. Kalau dibacakan dalam buku *The Japanese Today* oleh bekas duta Amerika di Jepun, dia mendedahkan bahawa, saya tidak ingat namanya dalam bahasa Jerman, dia mendedahkan perihal guru-guru Jepun sendiri yang dihantar ke luar negara untuk belajar bahasa Inggeris, kemudian kembali mengajar bahasa Inggeris di Jepun. Dan akhirnya, Jepun bercakap Inggeris macam Jepun. Itu kita hadapi tetapi keadaan berbeza. Kesedaran telah semakin besar dan mereka juga telah pergi belajar ke luar negara dan orang-orang Jepun yang bercakap Inggeris seperti American English sekarang sudah banyak.

Jadi, soalnya saya ingat selalu diperkatakan oleh ahli-ahli bahasa, Jepun boleh maju, Taiwan boleh maju tetapi apakah kita mempunyai taraf asas kemajuan itu seperti mereka tanpa bahasa Inggeris Adakah kita sudah mempunyai kekuatan dan sudah menjadi satu *economic super power* macam Jepun? Di mana taraf pencapaian itu? Bagaimana Jepun mencapai taraf? Kita tidak. Jadi, masa terlalu singkat bagi kita. Soal pertemuan inilah saya ingat, minta maaf, yang Dr. Mahathir banyak disalahertikan. Beliau tidak sabar dengan sikap Dewan Bahasa yang mengambil masa tiga atau empat tahun untuk menterjemahkan satu buku. Kecewa.

Kita bagi kepercayaan kepada Dewan Bahasa tetapi anak-anak di Singapura hari ini, bukan kata hari ini, hari ini boleh baca. Hari ini keluar di New York, malam ini sudah boleh baca sekarang menerusi Internet tetapi kita anak-anak Melayu terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk Dewan Bahasa menterjemahkan satu buku Melayu. Ini yang mengecewakan Perdana Menteri yang menyebabkan rasa tidak sabar. Ini masalah yang kita hadapi. Bagi kepada orang akhbar, dia boleh menterjemahkan satu buku satu

hari, boleh! Sebab itu kerja kita. Kita menterjemahkan beribu perkataan dalam satu hari untuk dikeluarkan.

Jadi, masalah ini kita mesti *realize* dalam soal ini. Kita mesti realistik menghadapi realiti ini. Memanglah saya bersetuju bahawa dalam soal semua bahasa tetapi umpamanya, sekarang saya melihat dahulu kenapa orang-orang India tidak diterima di Amerika tetapi sekarang di Silicon Valley, kebanyakannya orang-orang India, padahal dasar India tertutup. Dasar negaranya bukan dasar pintu terbuka seperti kita. Tetapi sekarang, Amerika mulai mengambil orang-orang daripada India bekerja. Di Amerika sekarang sudah banyak orang India dan sudah ada India Kecil yang dahulunya tidak ada, sekarang sudah ada dan ini adalah tentunya menyumbang, sebab selain Bill Gates yang kaya sekarang ialah orang India sendiri. Saya tidak ingat namanya. Saya baru baca. Nombor dua kepada Bill Gates, di India.

Iklan-iklan di TV kita telah lihat orang-orang India yang menjadi iklan di TV sekarang. Ini masalah, satu cabaran yang sangat besar yang kita hadapi. Itulah saya kata, saya balik kepada soal saya melihat diri saya, saya melihat rakan-rakan saya dan saya melihat betapa kadang-kadang saya pernah *interview* anak-anak daripada UKM yang datang untuk menjadi pemberita dan wartawan. Apabila di *interview* ditanya bahasa Inggeris, tidak tahu. Dia menangis. Katanya bukan salah saya. Bukan salah saya, dia kata. Jadi, ini siapa yang salah.

Tun Razak, semasa hendak memperkenalkan Universiti Kebangsaan Malaysia, Allahyarham Tengku dan Khir Johari yang masih hidup. Tanyalah dia. Dia berhadapan dengan sentimen Melayu inilah. Sedikit sebanyak kebencian yang timbul kepada Tengku adalah kerana soal ini. Tengku dan Pak Khir bimbang apa akan jadi kepada anak Melayu. Kita kumpulkan budak-budak Melayu di satu tempat, di UKM dan mereka merasa diri mereka sudah besar. Maaf saya bercakap. Kenapa? Ini harus berterus-terang dalam melihat diri kita sendiri. Kenapa mereka merasa besar?

Saya harus balik kepada sejarah untuk menyedarkan kita iaitu satu masa dahulu, orang-orang Melayu adalah sukar untuk pergi ke Universiti Malaya. Hanya di Universiti Malaya lah, di mana orang-orang Melayu dapat *join the elite* dalam bandar untuk memajukan pelajaran tetapi pada masa itu, tekanan terhadap orang Melayu untuk masuk ke Universiti Malaya yang telah tidak disedari oleh anak-anak yang ada sekarang adalah

amat menyedihkan. Korupsi berlaku dalam kemasukan orang-orang bukan Melayu ke Universiti Malaya. Orang tidak tahu.

Anak-anak Melayu yang dapat masuk ke Universiti Malaya, betul-betul kita katakan *cream* ataupun *brilliant* seperti Kassim Ahmad, yang akhirnya menjadi orang sosialis, Syed Hussin Ali, Pengarah Pilihan Raya, Dato' Hashim, dan Haron Din – ini anak-anak Melayu. Yang Haron Din itu, saya melihat dengan mata kepala sendiri, tiap cuti sekolah pergi menjaga basikal di panggung empayar Alor Setar untuk mencari wang untuk masuk ke universiti. Wang itulah yang membantu sebab dia hanya anak seorang pelukis di panggung wayang. Ini orang-orang yang susah tetapi akhirnya mereka berjaya.

Apabila mereka berjaya, saya tidak salahkan kalau mereka menjadi sosialis sebab mereka hendak menukarkan, mereka adalah menentang *the urban elite* yang memeras orang-orang Melayu, orang-orang kaya Cina pada masa itu yang berpeluang memasuki Universiti Malaya. Anak-anak Melayu diketepikan – tidak ada peluang, tidak ada wang dan sebagainya. Saya bercakap, jangan anggap saya perkauman, tidak. Saya tidak perkauman. Sama sekali bukan darah. Saya terdidik dalam suatu proses kemerdekaan yang saya percaya kepada *multiracial*, saya percaya kepada hidup bersama dan saya percaya kepada toleransi. Tidak, saya tidak percaya.

Tetapi ini satu sejarah yang tidak boleh dilupakan. Mereka masuk. Mengapa mereka masuk dalam satu gerakan komunis dan sosialis, yang juga ada orang-orang Cina menyertainya? Kenapa? Kerana mereka mahu menentang orang-orang kaya. Tetapi mereka menentang orang-orang kaya, mereka menyertai satu *universal struggle, socialist movement*, gerakan komunis. Itu satu cara untuk mengubah keadaan. Tidak ada jalan lain. Syed Hamid Ali masuk hutan, adik kepada Syed Husin.

Saya terkejut baru-baru ini saya pergi umrah, saya terjumpa seorang komunis menunaikan umrah. Diperkenalkan kepada saya oleh seorang bekas sosialis. Jadi, orang-orang ini yang juga menjadi latar belakang perjuangan kebangkitan orang Melayu. Jadi, secara ringkasnya, mereka adalah untuk memperbaiki diri mereka dan mereka akhirnya berjaya dengan cara yang tersendiri tetapi apabila UKM ditubuhkan, saya tidak menyesali penubuhan UKM sebab itulah satu cara yang paling drastik untuk menambahkan jumlah anak-anak Melayu yang terpelajar tetapi apakah yang berlaku?

Apabila berkumpul tenaga-tenaga Melayu, duduk sesama sendiri, apakah kebudayaan yang paling besar di kampung? Siapakah yang dimuliakan di kampung? Siapakah yang besar di kampung? Siapakah yang dihormati di kampung? Pak Haji, Pak Lebai yang memakai jubah dan sebagainya. Mereka datang ke UKM, mereka pakai jubah. Itulah orang paling besar yang dihormati di kampung. Itulah contoh. Mereka tidak mahu menjadi *urban* kerana mereka kuat sesama sendiri. Mereka tidak mahu menjadi *urban elite*. Mereka mahu balik ke kampung.

Itulah keadaanya yang kita harus sedar jikalau kita orang-orang yang hendak maju, kita harus menjadi orang-orang universal tetapi dalam pada itu, pendekatan agama, pendekatan kebangsaan, pendekatan terhadap nilai-nilai negara tidak boleh dihapuskan. Kalau tidak, kita hanya seperti orang-orang lain yang menjadi korban kepada globalisasi, satu agenda Amerika yang sangat merbahaya. Saya tidak begitu takut dalam soal ini sebab tadi saya berkata kepada kawan-kawan, soal globalisasi, soal *American influent*, soal pendekatan-pendekatan agenda Amerika, bukan baru.

Maaf saya panggil Ustaz. Kalau kita ingat, sebelum merdeka dahulu, kita tidak dipengaruhi dan tidak kenal *film star* dari Britain. Kita tidak tahu siapa *film star* Jerman. Kita tidak tahu tetapi saya sampai sekarang, dalam kepala saya masih ingat Morin Mohara, John Pen, Abagadna dan sebagainya, masih ada dalam kepala saya. Roy Rogers, Yang Berhormat Ustaz sendiri mesti tengok gambar-gambar yang dilakonan oleh orang-orang ini. Pada masa itu, kita ingat siapa lagi? Kita ingat banyak, kenapa? Sebab globalisasi dari Amerika itu telah berlaku dan menyebabkan satu sejarah yang saya harus catatkan ini.

Allahyarham Senu Abdul Rahman adalah salah seorang yang boleh dikatakan terpengaruh oleh globalisasi yang ingin merubah dirinya untuk menjadi seorang politik yang pergi ke Amerika dengan berpura-pura sebagai seorang yang datang dari Pulau Hawaii dengan memakai nama Raymond. Itu adalah pengaruh. Dan Syed Kechik, seorang jutawan Melayu yang ada juga memakai nama yang palsu untuk menjadi seorang *film star* di Hollywood. Itu pengaruh tetapi Syed Kechik akhirnya balik dan dia menjadi peguam dan dengan cara itu tadi meletakkan dirinya dalam kedudukan negara ini.

Jadi, masalahnya suatu yang harus kita syukur ialah apabila kita mencapai kemerdekaan, golongan-golongan yang balik kepada golongan-golongan yang mendapat

pendidikan Inggeris ini iaitu Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak di samping pejuang-pejuang kiri sebagai Bustamam juga berpendidikan Inggeris, Pak Sako, Pak Samad, semua berpendidikan Inggeris. Orang-orang inilah yang merealisasikan perjuangan. Tetapi malangnya, suatu puak kiri ialah berkiblat kepada Indonesia. Dan akhirnya kalau saya hendak menjawab apa yang saya dengar tadi Yang Berhormat Hassan bin Shukri menyatakan bahawa di mana soal *extremism* tidak dibuat ukuran dari sekarang. Ukuran itu mengikut sejarah.

PAS mempunyai ciri-ciri tersendiri yang menyebabkan kesimpulannya dibuat sebagai satu parti yang ekstremis. Daripada rangkaian perjuangan yang pro-Indonesia, yang pro-Sukarno dan beberapa orang pemimpin-pemimpin PAS yang telah ditangkap, yang telah ditahan kerana menyokong Sukarno dalam masa konfrontasi, yang saya sendiri tahu, saya sendiri ikut terlibat, saya sendiri bermalam dengan mereka. Tidak boleh dinafikan bila polis mengeluarkan kertas putih, mereka kata bohong tetapi tanya saya, saya tahu.

Saya ikut sepanjang masa konfrontasi, saya juga bersama dengan Pak Sako. Saya tahu, saya sebagai wartawan. Itu tidak boleh dinafikan. Apa yang kerajaan – kertas putih itu adalah benar.

Tuan Hassan bin Shukri: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya kira ucapan Yang Berhormat ini sudah jauh perginya, terlalu jauh. Yang beliau mohon supaya anak-anak kita ini, belajar bahasa Inggeris tetapi sudah pergi komunis [*Ketawa*] Jadi saya rasa, kita pun jadi kelam-kabut. Beliau tidak mahu diragukan, saya sendiri pun jadi ragu yang beliau mohon. Beliau mohon supaya anak-anak kita sekarang ini belajar bahasa Inggeris. Kalau ada halangan, apa halangan itu? Kita hendak dengar. Saya rasa halangan – kalau macam orang kampung tidak lagi macam dahulu. Saya ingat sekarang tidak timbul soalan itu.

Jadi, saya hendak minta supaya Yang Berhormat bagi jalan bagaimana orang Melayu, orang Cina, orang India, yang hendak belajar bahasa Inggeris – macam mana kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan. Macam di setengah negara saya lihat, ia ada kolej khas, siapa yang hendak mengaji bahasa Inggeris, dia orang mengaji bahasa Inggeris, siang atau malam. Walaupun dia belajar ilmu perubatan, farmasi, kalau kurang baik bahasa Inggeris ada khas sekolah khas bahasa Inggeris.

Saya cadangkan kalau boleh macam itulah. Ini panjang sangat, Yang Berhormat.
[Ketawa] Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Sebab Yang Berhormat Hassan Shukri takut untuk menghadapi realiti yang akan saya katakan yang melibatkan golongan-golongan inilah yang menjadi penghalang, yang menjadi masalah kepada kemantapan dalam perjuangan yang saya hendak berikan keterangan satu demi satu, yang menjadi penghalang kepada kemajuan orang Melayu sendiri. Sebab apabila timbul dalam sejarah, orang-orang daripada PAS inilah yang menuntut supaya bahasa Inggeris dihapuskan. Saya ada keterangan sejarah. Saya tidak bohong.

Tujuan saya membawa ciri-ciri sejarah ini ialah untuk memahamkan mereka yang tidak faham tentang sejarah. Itu hak saya. Kita tidak hanya bercakap seperti PAS cakap tanpa keterangan, tanpa bukti, bercakap macam dalam kempen pilihan raya. Tidak boleh. Kita harus memberikan bukti-bukti sejarah untuk meyakinkan. Tidak hanya semata-mata menggunakan ayat-ayat Quran dan sebagainya tanpa bukti-bukti dengan tuduhan yang melulu. Tidak baik.

Jadi, tujuan saya walaupun agak panjang barangkali tetapi tujuan saya untuk memberikan keterangan-keterangan sejarah yang menunjukkan bagaimana orang-orang PAS sendiri telah ditangkap, telah menjadi pengkhianat dan penderhaka kepada negara pada tahun 1963 - dalam masa konfrontasi beberapa orang ditangkap dan ditahan. Kemudian orang-orang ini menyokong perjuangan-perjuangan yang juga turut dalam pembakaran *Utusan Melayu* di Dewan Bahasa. Gambar-gambarnya ada.

Akhirnya, PAS berubah lagi daripada kiblat Indonesia ke Iran pula. Itu sejarah yang tidak boleh dinafikan. Gambar-gambar Ayatollah Komeini dibawa di Dewan Bahasa. Menjadi bukti sejarah. Ini harus diketahui dan inilah elemen-elemen yang saya katakan dalam memisahkan, menyukarkan dalam kemaraan kerajaan – yang saya bimbang – untuk menuntut dan menegakkan bahasa Inggeris ini akan dikelirukan oleh golongan-golongan yang serupa ini yang semakin nampaknya berpengaruh, yang semakin nampaknya diterima dan semakin nampaknya meyakinkan. Inilah apa yang saya bimbang kekeliruan inilah yang akan menimbulkan satu kacau bilau sosial lagi dengan menggunakan soal bahasa ini. Ini yang saya bimbang sebenarnya, itu perlu.

Itu sebab saya mengemukakan *evident* sejarah untuk menegakkan keyakinan saya bahawa masalah-masalah untuk menegakkan bahasa Inggeris ini akan disalah ertikan. Hal ini telah berlaku di kalangan masyarakat Cina yang menolak Sekolah Wawasan. Dan sekarang telah ada yang mengatakan bahawa kerajaan telah membelakangkan bahasa Melayu dan siapa golongan ini. Yang lebih maklum barangkali Yang Berhormat Hassan Shukri. Kita akan melihat. Ini yang saya bimbang.

Jadi, saya ingat tolonglah beri hak saya untuk bercakap. Dan saya hormati hak Hassan Shukri. Saya tidak akan menggunakan Dewan ini untuk merepek - tidak. Kalau apa lagi – saya boleh berikan keterangan yang perlu.

Jadi, soalnya ialah soal untuk mengemukakan – di zaman saya tidak ada tanah yang subur. Buminya tidak subur, kekayaannya tidak nampak, kemudahannya tidak ada. Untuk kita belajar, kita sanggup belajar, kita pergi ke sekolah Inggeris malam. Tetapi sekarang asas sudah ada.

Jadi, masalahnya bagi kerajaan ialah bagaimana, saya soal hendak mengemukakan metodologi atau cara-cara dan sebagainya, itu sedang dirangkakan oleh kerajaan. Dan ini tentunya yang saya bimbang sekali, tujuan saya kemukakan ini ialah saya bimbang bahawa kerajaan dalam pendekatan untuk meyakinkan dan untuk menyuburkan dan mengembangkan bahasa Inggeris maka janganlah sampai disalahmengertikan. Janganlah sampai kepada taraf apa yang berlaku seperti yang disebutkan oleh Dato' Abdul Aziz tadi GPMS menuntut untuk bahasa penghantar di sekolah rendah pun mesti bahasa Inggeris.

Itu maknanya sudah ada salah faham dalam pendekatan kerajaan. Ini yang saya bimbang. Sebab apa, pendekatan bahasa Melayu itu sendiri, pencapaiannya sudah terlalu besar, sudah menjadi alat perpaduan. Kita melihat seperti saya katakan tadi anak-anak bukan Melayu yang juga membaca warta berita di TV3 dan sebagainya dalam bahasa Melayu dan di samping itu lain-lain pencapaian. Buku-buku yang diusahakan oleh para cendekiawan kita yang diusahakan oleh Universiti Malaya dan di institusi pengajian tinggi yang lain dalam bahasa Melayu sudah ada. Jadi, hal itu tidak boleh kita nafikan. Jadi, itulah yang saya ingat perlu bagi kerajaan dalam soal pendekatan bahasa ini.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh sedikit terhadap Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri ini saya mengucapkan tahniah kerana telah berjaya

menguruskan Persidangan Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-negara Islam dengan jayanya. Dan saya harap persidangan OIC yang bakal diadakan di Malaysia akan dapat diadakan dengan lebih meyakinkan dan lebih mendekatkan negara-negara Islam kepada kita.

Dan secara kebetulan saya haruslah mencatatkan di sini bahawa saya telah menyaksikan sendiri bagaimana penghormatannya terhadap Malaysia yang diberikan oleh negara-negara Islam terhadap Malaysia di dalam Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana OIC adalah menjadi sebagai sebuah pertubuhan pemerhati. Dan apabila soal yang menyentuh perasaan orang Islam iaitu penayangan gambar yang menunjukkan bahawa pembunuhan yang dipanggil sebagai suatu pembunuhan yang dianggap dibenarkan/diizinkan oleh Islam tetapi sebenarnya bukan – dalam bahasa Inggerisnya saya tidak dapat hendak ingatkan semula – yang dikatakan dibenarkan oleh negara Islam – perkara ini saya telah tulis - iaitu ditayangkan gambar bahawa sebuah negara Islam membenarkan dibunuh anak yang tidak mahu menurut nasihat ibu bapanya dari segi perkahwinan. Maka itu dianggap sebagai suatu pembunuhan yang boleh dilakukan. Tetapi hal itu tidak benar.

Jadi, apabila perkara ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan negara-negara Islam dan Malaysia adalah Pengerusi kepada OIC dan menjadi Pengerusi perjumpaan untuk membincangkan perkara ini. Saya melihat bagaimana penghormatan yang telah diberikan kepada Malaysia dalam usaha ini dan bahawa apabila mesyuarat dipanggil oleh Malaysia dihadiri oleh semua negara-negara OIC. Saya melihat bahawa memang benar mereka mengkagumi keupayaan kita dalam membawa mereka ke perundingan ini tetapi apa yang saya mahu tegaskan di sini dan juga yang dinyatakan oleh wakil tetap Bangsa-Bangsa Bersatu kepada saya iaitu apabila saya melihat bahawa di persidangan itu kebanyakannya menggunakan bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris.

Jadi, saya melihat bahawa apa salahnya demi untuk imej negara dan demi untuk memantapkan lagi kedudukan dan pengaruh kita serta penghormatan terhadap negara, kenapakah anak-anak dari kelulusan Azhar ataupun kelulusan – kalau kelulusan Universiti Islam Antrabangsa itu sudah tentu baik dalam bahasa ini tetapi kelulusan daripada Azhar, maksud saya atau daripada pendidikan-pendidikan Islam yang tinggi di negara Timur Tengah, kenapa mereka ini tidak boleh diambil sebagai pegawai-pegawai

Wisma Putra dan kemudian dihantar untuk didedahkan di New York itu sendiri sebagai pegawai-pegawai di dalam perwakilan kita.

Saya tahu masalah yang besar ialah mereka tidak menguasai bahasa Inggeris, itu masalah besar tetapi saya kira itu bukan soal yang besar, pendedahan di New York itu sendiri akan mempercepatkan keupayaan mereka dalam menguasai bahasa Inggeris. Soal ini balik kepada soal bagaimana cara melakukannya itu, saya serahkan, bukan saya tidak mahu syorkan di sini tetapi saya serahkan kepada pihak Wisma Putra tetapi ini boleh dilakukan.

Yang paling pokok sekali dalam mengesyorkan masalah ini ialah balik saya kepada soal keterbukaan minda apabila mereka didedahkan kepada kehidupan di New York, apabila mereka didedahkan kepada *universal values*, apabila mereka didedahkan kepada orang-orang antarabangsa maka pemikiran mereka tidak akan jadi lagi kepada pemikiran-pemikiran yang banyak di Terengganu ataupun yang ada banyak di Kelantan. Akan terbukalah fikiran mereka. Itu yang saya nampak.

Jadi, kita ini adalah demi masalah masa depan. Masalah masa depan negara, masalah membuka fikiran kita untuk menjadi orang-orang yang rasional, menerusi penguasaan dua bahasa selain daripada bahasa Arab dan juga bahasa Inggeris. Ini penting sebab saya rasa orang-orang inilah juga yang akan menjadi orang-orang Islam yang baik, orang-orang Islam yang paling teguh imannya dalam menghadapi segala pancaroba dan paling dapat menyesuaikan diri dengan nilai-nilai agama, nilai-nilai kebangsaan yang ada. Ini penting sebab saya melihat banyak rakan daripada yang mendapat pendidikan agama yang kemudian mendapat pendidikan Inggeris tetapi mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi yang semua orang hormati.

Jadi, ini saya rasa perkara ini haruslah difikirkan oleh Wisma Putra. Kenapa tidak boleh. Ambil anak-anak dari Azhar, yang lulus dari Azhar, berikan sedikit kursus yang biasa diberikan tetapi *exposekan* mereka di New York ataupun di lain-lain negara yang berbahasa Inggeris. Kemudian saya percaya mereka akan menjadi orang-orang yang *well taught*, orang-orang yang rasional, orang-orang yang fikirannya terbuka, orang-orang yang tidak mudah dipengaruhi, ini amat penting demi untuk masa depan negara. Jadi itulah yang saya rasa dalam soal ini yang harus difikirkan.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh sedikit tentang hubungan dengan Singapura. Walaupun saya berfikir untuk bercakap dalam budget akan datang tetapi saya menyentuh secara sedikit sahaja iaitu apa yang berlaku adalah satu hal yang agak menyedihkan iaitu tentang anggapan Singapura terhadap kita bahawa Mahathir dianggap sebagai penghasut kepada Indonesia dalam mengkritik Singapura dalam pendekatan-pendekatan antarabangnya.

Hal ini saya ingat adalah berlaku secara kebetulan dan bukan secara kebetulan Perdana Menteri kita menemui Gus Dur tetapi dan Gus Dur telah bercakap dan tentunya memberi implikasi yang tidak baik kepada Singapura tetapi saya tidak fikir bukanlah itu langkah yang biasa dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Malaysia dalam soal yang begini. Tetapi apa yang penting ialah kita harus banyak masalah yang timbul antara Singapura dan Malaysia tetapi hubungan antara Singapura dan Malaysia adalah saya kira amat penting.

Amat penting, yang saya fikirkan ialah soal terutama sekali dari segi keselamatan. Kita mempunyai *way plan* yang sama dengan Singapura. Walaupun negara-negara lain kita anggap sedarah sedaging sebagainya tetapi pemahaman kita terhadap masalah di Singapura, pemahaman Singapura terhadap masalah di Malaysia adalah lebih mendalam daripada soal-soal sedarah sedaging dan nusantara dan sebagainya. Ini haruslah difikirkan dan saya insya-Allah akan bercakap panjang lagi dengan memberikan keterangan-keterangan yang jika sudi didengar oleh Yang Berhormat Hasan Shukri, saya akan cuba memberikan lagi hujah-hujah saya dengan membawa *evidence* dan keterangan-keterangan yang mungkin akan sudi didengar oleh Yang Berhormat daripada parti PAS.

Jadi, untuk setakat ini sahaja, saya akan bercakap lagi mengenai hubungan dengan Singapura dalam belanjawan yang akan dikemukakan nanti. Dan, saya kira saya telah menyentuh dengan panjang lebar dalam soal pendidikan dan saya harap apa juga yang saya perkatakan memberikan faedah kepada kita semua.

Dato' Dr. T. Marimuthu: [*Bangun*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, jemput Yang Berhormat.

5.23 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit atas Rang undang-undang Perbekalan Tambahan 2000. Ucapan saya sukar sedikit

selepas ucapan emosi daripada Dato' Zainuddin dan saya pun ingin menyentuh atas satu perkara yang *topical* dan juga satu topik yang *controversial* iaitu Sekolah Wawasan.

Konsep Sekolah Wawasan adalah murni, objektif dan juga tujuan. Oleh kerana jika kita meneliti sejarah perkembangan pendidikan negara, kita boleh tahu oleh sebab apa kita harus menyediakan ataupun menubuhkan satu Sekolah Wawasan. Pada masa zaman penjajah ataupun kolonialisme, murid-murid Melayu menghadiri sekolah kebangsaan dan majoriti sekolah-sekolah Melayu yang terletak di kampung ataupun di luar bandar. Begitu juga untuk komuniti untuk murid-murid Cina yang menghadiri sekolah-sekolah Cina dan murid-murid India yang menghadiri sekolah Tamil majoriti yang terletak di estet-estet. Segelintir daripada murid-murid Melayu mendapat pendidikan menengah melalui *the Special Malay Class* di sekolah menengah Inggeris tetapi berdasarkan Laporan Razak pada tahun 1956, laporan itu telah menubuhkan satu struktur dan sistem di mana semua anak-anak kita boleh meneruskan pendidikan daripada darjah satu sehingga universiti. Walaupun struktur dan sistem telah pun menyatukan, masih ada persekolahan yang berasingan ataupun segregated schooling pada peringkat sekolah rendah. Ini adalah berdasarkan atas hasrat rakyat pada masa kemerdekaan. Laporan Razak dan Akta Pendidikan 1996 telah menjamin bahawa identiti dan ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T) tidak berubah dan akan diteruskan.

Status ini tidak boleh dikompromi. Apa yang dimaksudkan oleh sekolah wawasan ialah untuk memberikan peluang kepada semua anak-anak kita supaya mereka boleh berinteraksi dengan satu sama lain dan memahami sikap orientasi nilai budaya masing-masing. Mereka juga diberi peluang untuk berinteraksi di kantin, padang permainan dan beberapa aktiviti sekolah wawasan.

Walaupun beberapa kegiatan dianjurkan sebagai sekolah wawasan, ini tidak terjejas identiti sekolah aliran Cina dan sekolah aliran Tamil. Malangnya konsep yang murni ini telah dipolitikkan dan objektif asal sekolah wawasan ini iaitu untuk memupuk perpaduan negara telah hilang. Ini adalah satu keadaan yang tidak sihat. Apa yang kita harus buat ialah memberi penjelasan dengan terus terang kepada pihak yang berkenaan iaitu Persatuan-persatuan Pendidikan Tionghua ataupun Dong Jiao Zong.

Kementerian Pendidikan harus memberi panduan dan publisiti kepada semua rakyat mengenai konsep dan pelaksanaan sekolah wawasan. Saya difahamkan

Kementerian Pendidikan bersedia mengemaskinikan garis panduan konsep sekolah wawasan untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan bukan sahaja kepada masyarakat Cina tetapi semua rakyat di negara kita.

Presiden Parti MCA dan MIC telah menyokong konsep sekolah wawasan di mana identiti dan ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T) tidak terjejas ataupun hilang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Presiden MCA, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik sekolah wawasan adalah satu usaha yang murni untuk kebaikan rakyat semua kaum kerana ia memberi peluang kepada semua kaum bercampur, bermain dan berjuang bersama-sama. Juga Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, Presiden MIC telah pun menyokong konsep sekolah wawasan dengan penuhnya.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato', oleh kerana masa tidak mengizinkan, ucapan Yang Berhormat Dato' boleh disambung pada hari esok.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Dengan ini Dewan ditangguhkan pada hari esok, 7 Disember, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

8 November 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Stephen Tibok (Sabah)

- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,

S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)

- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara
Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT KETIGA**

Jilid II	Bil. 22	Rabu	6 Disember 2000
-----------------	----------------	-------------	------------------------

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA	
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 1)
- Mengalu-Alukan Ahli-Ahli Baru	(Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-Akta	(Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 3)
- Cuti Kepada Ahli	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
UCAPAN TAKZIAH	
- Atas Kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Dr. Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak	(Halaman 25)
RANG UNDANG-UNDANG	
- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) (N0.2) 2000	(Halaman 26)